

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
Khamis, 4 Mei 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**USUL Y.A.B. PERDANA MENTERI**

**Perlantikan Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Negara**

**Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

**Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana seorang sahaja Ahli yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan disokong, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2), saya dengan ini mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. *[Tepuk]*

**MENGANGKAT SUMPAH**

Y.B. Dato' Michael Chen Wing Sum telah mengangkat Sumpah sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang silakan Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum mengambil tempat duduknya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara di dalam Dewan ini.

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****Ucapan Tahniah Atas Perlantikan  
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara Baru**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Michael Chen Wing Sum yang baru sebentar tadi dipilih dan Mengangkat Sumpah sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya berharap Ahli Yang Berhormat sebagai Timbalan Yang di-Pertua dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan benarkah dakwaan ramai kontraktor menghadapi masalah pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan apakah ianya akan ditutup selepas Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan yang mana fungsi kedua organisasi berkenaan adalah sama.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Tuan Rizalman bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan mengenai ramai kontrak menghadapi masalah pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor adalah tidak benar. PKK akan terus melaksanakan urusan-urusan pendaftaran kontraktor, pembaharuan pendaftaran, pemberian status taraf bumiputera, khidmat nasihat dan menyediakan maklumat-maklumat kontrak. Urusan-urusan pendaftaran diproses mengikut piagam pelanggan yang ditetapkan.

Untuk makluman juga, PKK sering menghadapi masalah untuk memproses permohonan-permohonan seperti permohonan yang baru, pembaharuan dan taraf bumiputera kerana maklumat yang dikemukakan dalam borang permohonan tidak lengkap. Untuk memudahkan pemohon, PKK telah pun menyediakan buku panduan am pendaftaran kontraktor dan senarai check list maklumat-maklumat yang diperlukan yang disertakan dalam borang permohonan. Oleh itu, permohonan-permohonan yang tidak dilengkapi dengan maklumat-maklumat yang penting yang diperlukan dan memenuhi syarat-syarat pendaftaran tidak akan diberi pertimbangan.

Mengenai isu sama ada PKK akan ditutup selepas Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan, Pada masa ini kerajaan tidak bercadang

untuk menutup PKK. Walaupun kedua-dua agensi ini melakukan tugas pendaftaran, tetapi pendaftaran PKK diperlukan bagi kontraktor-kontraktor yang ingin memasuki tawaran ataupun tender kerajaan. PKK juga memberikan status bumiputera kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan. Di samping itu, PKK juga menjadi pusat rujukan agensi-agensi atau jabatan kerajaan bagi mengetahui profil kontraktor dan prestasi kerja kontraktor-kontraktor untuk penilaian tender serta penilaian tawaran kerja. PKK juga berperanan memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada bakal-bakal kontraktor serta kontraktor yang sedia ada melalui kursus, seminar, dialog dan surat. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perkhidmatan PKK dan CIDB tidak bertindih, dan andai kata ianya bertindih apakah rasional perlunya CIDB ditubuhkan lagi. Terima kasih.

**Tuan Rizalman bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya PKK seperti yang saya jelaskan tadi ialah untuk mendaftar kontraktor-kontraktor yang ingin memasuki tender-tender ataupun tawaran-tawaran di dalam agensi-agensi kerajaan. Sementara CIDB ia lebih kepada mendaftar secara keseluruhan kontraktor ataupun syarikat-syarikat sama ada yang ingin memasuki tender kerajaan ataupun tidak memasuki tender kerajaan. PKK juga seperti yang saya katakan tadi memberikan status pengiktirafan untuk bumiputera dan PKK akan terus melaksanakan tugas ini sehinggalah agenda untuk membangunkan usahawan kontraktor bumiputera tercapai.

2. **To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah jumlah syarikat yang telah diberi lesen mengimport kereta dari luar negara; dan
- (b) berapa jumlah kereta yang dibawa masuk tiap bulan dan jenisnya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sebanyak 110 buah syarikat telah diberi peruntukan lesen import pada tahun 2000 untuk mengimport pelbagai jenis

kereta penumpang. Asas masa mengenai permit import ialah jumlah permit import yang diluluskan tiap-tiap tahun tidak melebihi 10% daripada jumlah pengeluaran kereta tempatan. Mulai tahun 1988 pengurangan sebanyak 1% dibuat setiap tahun hingga mencapai 5% daripada jumlah pengeluaran tempatan pada tahun 2003.

- (b) Jumlah kereta yang dibawa masuk tiap-tiap bulan pada tahun 1999 adalah seperti berikut:-

<b>(Bulan) 1999</b>	<b>Unit</b>
Januari	985
Februari	1,304
Mac	1,342
April	2,117
Mei	2,707
Jun	2,567
Julai	2,726
Ogos	1,185
September	1,036
Oktober	1,011
November	1,340
Disember	2,975

Kementerian ini tidak dapat memberi jenis kenderaan yang dibawa masuk setiap bulan kerana maklumat perangkaan yang ada tidak menunjukkan jenis kenderaan yang diimport.

Sekianlah sahaja.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita maklum permit AP iaitu untuk mengimport kereta kegunaan sendiri yang pernah diberi kepada Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negara dibekukan buat seketika. Adakah benar pembekuan ini telah dibatalkan dan dibuka semula permit AP ini kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Negara.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, lesen import diluluskan kepada Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara ini sebanyak 1 unit sepanjang tempoh perkhidmatan itu masih diwujudkan. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk dalam Dewan ini boleh memohon tetapi satu sahaja. Satu permit untuk seorang Ahli Yang Berhormat sahaja.

**Datuk Christina Lorline Tibok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan bahawa lesen import kereta terpakai telah pun dibekukan beberapa tahun yang lalu. Oleh kerana ekonomi negara sedang pulih, adakah kerajaan berniat untuk mengkaji semula pendirian ini. Terima kasih.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak dipertimbangkan kerana kita ingin menjaga industri kereta tempatan.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, oleh kerana Malaysia sudah berjaya mengeluarkan kereta sendiri, soalan tambahan saya adakah pihak kerajaan telah bercadang untuk meletakkan kuota bilangan kereta import dari luar negara?

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya tadi menerangkan negara kita akan mengurangkan AP setiap tahun. Mulai tahun 1988 kita mengurangkan 1% tiap-tiap tahun hingga sampai 5% daripada jumlah pengeluaran tempatan pada tahun 2003.

3. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah beliau sedar menjelang Sukan Komanwel yang lalu, yang telah diadakan di Malaysia dengan jayanya, masalah kekurangan bekalan air dengan jelas mengancam warga kota Kuala Lumpur dan penduduk yang tinggal berhampiran dengannya pada masa itu, tetapi pada hari ini masalah ini tidak timbul lagi dan sila terangkan apakah sebab dan faktor masalah ini tidak timbul lagi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan air yang berlaku di Lembah Klang pada tahun 1998 iaitu pada 27 Mac 1998 hingga 17 September 1998 adalah disebabkan oleh musim kemarau panjang di luar dugaan. Keadaan ini telah mengakibatkan berkurangnya kapasiti air mentah untuk diproses menjadi air bersih.

Walau bagaimanapun, masalah tersebut telah dapat diatasi di mana beberapa langkah kontingensi telah dilaksanakan pada masa tersebut, antaranya:

- (i) membina projek loji air dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 45 juta liter sehari di Wangsa Maju;
- (ii) melaksanakan projek skim pemindahan air mentah berkapasiti 45 juta liter sehari dari Sungai Gombak ke loji Wangsa Maju yang telah disiapkan pada bulan Disember 1998;

- (iii) mempercepat pembinaan loji rawatan Sungai Selangor Fasa II, Peringkat I dengan kapasiti pengeluaran 450 juta liter sehari yang telah disiapkan pada penghujung tahun 1998, iaitu setahun lebih awal daripada jadual asal, dan
- (iv) memberi bantuan kewangan berupa sumbangan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui peruntukan Kementerian Kerja Raya berjumlah RM28 juta bertujuan membantu Kerajaan Negeri Selangor membayar kos sewa lori tangki, kos pembelian alat 'ultra source' dan tangki statik dan pembayaran elaun-elaun kerja lebih masa kakitangan yang terlibat dalam masa kakitangan yang terlibat dalam kerja-kerja pemulihan sepanjang tempoh krisis.

Tuan Yang di-Pertua, untuk jangka masa panjang, beberapa program sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dengan kerjasama dari kerajaan negeri. Di antaranya, Projek Sungai Selangor Fasa II, Peringkat II dengan kapasiti pengeluaran 450 juta liter sehari sedang dilaksanakan pada masa ini dan dijangka siap pada akhir tahun 2000. Manakala Projek Sungai Selangor Fasa III yang berkeupayaan mengeluarkan 1,050 juta liter sehari juga telah pun dimulakan.

Di samping itu, projek pengeluaran air mentah daripada Pahang ke Selangor juga telah dimulakan di mana ia masih di peringkat reka bentuk. Dengan siapnya projek-projek ini, kerajaan berharap dapat memastikan sumber air bersih untuk kawasan Lembah Klang akan sentiasa berterusan dan mencukupi.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dapat mewujudkan pembekalan air jangka panjangnya, mungkin mencukupi kepada Lembah Klang tetapi saya ingin mengetahui, adakah pihak kerajaan mempunyai pelan induk bagi menentukan seluruh Malaysia ini akan cukup dengan airnya dan boleh juga kita mengeksport air kita ke negara-negara lain. Pada masa yang sama, apakah bantuan yang Kerajaan Persekutuan telah pun beri kepada Kerajaan Negeri Kelantan misalnya bagi menyelesaikan masalah air di bawah Kerajaan PAS yang wujud baru-baru ini?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang ada master plan untuk bekalan air negara, maka telah diwujudkan satu Majlis Air Negara dan

master plan telah pun ada rancangan-rancangan dan apa yang berlaku di Lembah Klang pada tahun 1998 iaitu oleh kerana kemarau amat panjang, musim ini panjang dan di luar dugaan dan kalau projek-projek dilaksanakan mengikut jadual, ianya tidak akan berlaku catuan air atau kekurangan air. Bagi tugas Kerajaan Pusat adalah memberikan bantuan dari segi kewangan dan juga dari segi teknikal kepada mana-mana negeri yang memohon.

Setahu saya Kerajaan Negeri Kelantan kita telah pun memberikan dan saya tidak tahu angkanya tetapi telah pun ada diberikan beberapa juta untuk melaksanakan air di negeri Kelantan.

4. **Dato' V.K.K. Teagarajan** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membersihkan serta membasmi Bandaraya Kuala Lumpur daripada masalah penagih dadah, pelacuran dan pembukaan pusat hiburan tanpa lesen.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menangani penagih dadah dan pelacuran di Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil tindakan dengan membantu serta memberi kerjasama kepada Polis Diraja Malaysia untuk menangani masalah tersebut.

Walau bagaimanapun, jika terdapat bukti aktiviti pengedaran dadah atau pelacuran dijalankan dalam pusat hiburan, rumah urut atau hotel yang berlesen, yang dilaporkan oleh pihak polis, DBKL akan mengeluarkan surat tunjuk sebab bagi tujuan pembatalan lesen atau merampas wang cagaran lesen.

DBKL sentiasa menjalankan pengawasan ke atas pusat-pusat hiburan sama ada pusat hiburan permainan atau pusat hiburan malam. Pengawasan ini dibuat bagi memastikan pusat hiburan ini beroperasi mengikut undang-undang. Antara langkah-langkah yang diambil bagi membasmi dan membersihkan Bandaraya Kuala Lumpur daripada masalah penagih dadah, pelacuran dan pembukaan pusat hiburan tanpa lesen adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan sistem penguatkuasaan yang lebih bersistematik dan berjadual;
- (ii) mengadakan operasi-operasi khas antara Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama anggota-anggota polis,

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara;

- (iii) mengadakan pemeriksaan yang lebih kerap terhadap pusat-pusat hiburan yang dikenalpasti sering menimbulkan masalah dan melanggar syarat-syarat perlesenan;
- (iv) memastikan pusat-pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen dikenakan tindakan drastik seperti barangan disita; dan
- (v) membatalkan lesen pusat-pusat hiburan dan merampas wang cagaran lesen bagi pusat-pusat hiburan yang melakukan kesalahan serius atau tiga kali dalam sesuatu tahun.

Ini termasuk laporan yang diterima dari agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan yang lain dan mengenakan kadar denda maksimum yang dibenarkan di bawah akta dan kaedah-kaedah hiburan dan menaikkan jumlah wang cagaran lesen. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan kita lihat tempat-tempat pusat hiburan ini adalah pusat-pusat runtuhnya akhlak muda-mudi kita. Apakah kerajaan bercadang untuk mengharamkan orang-orang Islam dari memasuki pusat-pusat hiburan ini seperti mana kita haramkan orang-orang Islam dari memasuki pusat perjudian di Genting Highlands? Terima kasih.

**Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod tindakan penguatkuasaan sama ada adanya orang Islam atau orang bukan Islam yang terlibat, saya hendak menjelaskan di sini bahawasanya pihak DBKL sentiasa mengawasi keadaan ini dan kita telah mengadakan lawatan-lawatan ke premis-premis yang berlesen dan juga kita telah menjalankan tindakan-tindakan ini.

Setakat hari ini tidak ada cadangan bagi pihak kerajaan untuk menghalang pihak-pihak yang beragama Islam untuk pergi ke tempat-tempat perjudian walaupun adanya notis-notis yang telah dipaparkan di tempat-tempat perjudian ini yang dilakukan oleh pihak DBKL dan juga pihak Jabatan Agama Islam tetapi kemungkinan adanya berlaku di tempat-tempat, yang mana ada juga yang telah melanggar peraturan ini tetapi sentiasa..., rasa saya pihak kerajaan mengambil perhatian. Katalah di Genting Highlands itu memanglah kita telah menghalang orang-orang Islam pergi ke



tempat perjudian ini tetapi di dalam kawasan Kuala Lumpur setakat hari ini kita hanya dapat mengeluarkan notis untuk pihak-pihak yang beragama Islam tidak mendekati tempat-tempat perjudian ini. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa ramai purata penagih yang mungkin ada laporan yang bertambah pada setiap bulan di Lembah Klang terutamanya di kawasan Chow Kit? Terima kasih.

**Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, operasi untuk membersihkan penagih-penagih dadah di kawasan Chow Kit ini apa yang kita banci pada hari ini iaitu sebagai secara 'modal' iaitu yang mana sesuatu tindakan itu telah diambil untuk membersihkan keadaan ini di Chow Kit. Umpamanya pada bulan Mac, lebih kurang 60 orang telah ditangkap oleh pihak Bahagian Narkotik dan pada bulan April - 78 orang; pada bulan Jun - 40 orang; pada bulan Julai - 32 orang; pada bulan Ogos - 114 orang; pada bulan September - 16 orang; pada bulan Oktober - 10 orang dan pada bulan Disember - 3 orang. Jumlah totalnya adalah 353 orang. Itu adalah beberapa tindakan yang telah dilakukan untuk membersihkan keadaan penagih dadah di kawasan Chow Kit. Terima kasih.

5. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah persediaan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi menghadapi kesan dan risiko peraturan yang akan dikenakan oleh WTO dalam proses globalisasi perdagangan antarabangsa tidak lama lagi.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, proses globalisasi dan liberalisasi perdagangan antarabangsa adalah satu proses yang berterusan. GATT iaitu General Agreement on Tariff and Trade, dengan izin, yang ditubuhkan dalam tahun 1948 melaraskan perundingan-perundingan perdagangan antarabangsa sebelum ditubuhkan WTO pada 1 Januari 1995.

Malaysia akan terus mengambil langkah-langkah yang wajar dan berperanan penting di dalam pertubuhan ini khususnya dalam sebarang perundingan untuk memastikan kepentingan negara sentiasa dipertingkatkan. Malaysia akan aktif dalam pengubalan peraturan-peraturan pelbagai hala yang pasti mempunyai implikasi kepada Malaysia. Peraturan-peraturan ini adalah penting kepada perdagangan negara

kerana ianya menyumbang terhadap predictability dengan izin, dan memastikan tidak ada diskriminasi di kalangan ahli-ahli WTO.

Dalam pada itu Malaysia akan terus menolak kemasukan isu-isu yang tidak berkaitan dengan perdagangan seperti isu buruh dan alam sekitar. Malaysia akan juga menekankan pentingnya WTO mengambil kira aspek pembangunan negara dan layanan istimewa dan berbeza kepada negara-negara membangun di dalam perjanjian-perjanjian WTO yang akan dirundingkan. Satu implikasi penting dari proses globalisasi ialah pertandingan yang perlu dihadapi oleh sektor swasta kita, bukan sahaja di pasaran antarabangsa malahan juga di pasaran tempatan.

Sungguhpun kita akan memastikan peraturan-peraturan perdagangan pelbagai yang dibuat tidak menjejaskan kepentingan ekonomi negara, sektor swasta kita tidak dapat lari daripada perlunya bersedia menghadapi sebarang persaingan untuk memastikan kemajuan syarikat dan seterusnya ekonomi negara.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah keahlian negara China akan membantu kita Malaysia dalam proses globalisasi perdagangan? Terima kasih.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu senang. Ya, negeri China tentulah akan membantu Negara-negara Membangun dalam segala peringkat atau tahap perundingan dari dalam WTO. Ini disebabkan negeri China, ekonominya dan pengaruhnya sedang meningkat dari setahun ke setahun. Terima kasih.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, mengenai usaha kerajaan yang amat baik yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi, apakah kedudukannya tentang usaha Malaysia untuk mendapat rakan-rakan dalam negara Asia umpamanya, untuk mewujudkan satu suara, satu pendapat bagi menguatkan lagi tuntutan kita terhadap apa-apa yang kita kehendaki dalam WTO dan apakah progress nya berapa yang nampak sokong kita dan yang tidak sokong. Terima kasih.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dunia ini dibahagikan kepada dunia yang maju dan dunia yang sedang membangun dan dunia yang kurang membangun, yang tidak membangun sekali, the least development country, dengan izin. Jadi, kepada negara-negara maju yang mempunyai konflik tersendiri, EEU dengan Amerika Syarikat, dengan Jepun ia mempunyai masalah-masalahnya di antara

satu sama lain dan di antara negara yang maju dengan dunia yang sedang membangun, kita pun mempunyai konflik juga.

Jadi, Malaysia sentiasa berperanan yang penting sebagai satu spokesman yang paling dihormati seperti Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga menteri-menteri di dalam bidang ekonomi.

Jadi, kita selalunya dipandang sebagai seorang pemimpin di dalam perkara ini. Kerjasama di antara rakan-rakan kita di Asia baik, kecuali mungkin Jepun sebab Jepun adalah salah satu negara maju. Selain daripada itu, semua negara membangun atau the least development country itu semua akan berunding dengan Malaysia atau anggap Malaysia sebagai pemimpin. Itulah sahaja.

6. **Tuan S. Parasuraman** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan kementerian di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) sedang dan akan terus memajukan sektor akuakultur, adakah lombong-lombong tinggal di negara ini akan diambil alih bagi memajukan akuakultur berteraskan ikan air masin/ikan air tawar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sememangnya memberikan tumpuan untuk membangunkan industri akuakultur di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) sebagai penyumbang utama pengeluaran ikan negara. Untuk tujuan itu, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk pembangunan akuakultur seperti tanah dan kawasan perairan termasuk bekas-bekas lombong. Kesemua kawasan bekas lombong yang telah dikenal pasti adalah sesuai untuk ternakan ikan air tawar.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk mengambil alih bekas-bekas lombong itu untuk pembangunan akuakultur, sebaliknya menggalakkan pengusaha dan syarikat swasta untuk memajukannya. Untuk tujuan itu, kementerian akan sentiasa membantu pengusaha melalui khidmat nasihat teknikal, kursus-kursus dan latihan. Terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, baru-baru ini kita diberitahu bahawa mutu ikan air tawar yang dibela dalam sangkar di sungai-sungai adalah jauh lebih baik daripada dibela di dalam kolam. Oleh itu, adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk mengadakan promosi besar-besaran membela ikan dalam sangkar di mana di negeri kita ini ada

jalur sungai yang panjang seperti negeri Pahang, Perak, Johor dan sebagainya supaya dapat memberikan promosi kepada ikan air tawar ini.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perbezaan antara mutu ikan air tawar di sungai-sungai dan juga di lombong-lombong ataupun di kawasan-kawasan lombong. Yang kita sedang perkatakan ialah untuk menggalakkan usaha untuk melibatkan semua bahagian sungai yang terlibat dan malahan kita ada projek-projek tertentu yang melibatkan Sungai Pahang, Sungai Perak dan juga di Parit misalnya, telah diadakan usaha ini dan seterusnya di Terengganu, malahan di Kenyir pun ada projek yang tertentu yang kita galakkan dan malahan dalam kawasan-kawasan tali air di MADA dan KEDA telah pun kita adakan.

Insya-Allah, kita akan terus memberi perhatian yang lebih kepada semua ini, gunanya untuk mengeluarkan ikan yang lebih banyak lagi untuk keperluan negara. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membuat soalan tambahan iaitu saya ingin tahu, saya difahamkan bahawa tanah-tanah persawahan di Kedah tidak boleh ditukarkan kepada pertanian yang lain dan adakah ini merupakan termasuk dalam Dasar Pertanian Negara. Tetapi apa yang telah berlaku, saya lihat ada kawasan persawahan yang telah ditukarkan menjadi kawasan perumahan. Tidakkah boleh kawasan persawahan ini juga ditukarkan menjadi kawasan penanaman kelapa sawit dan sebagainya.

7. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai permintaan yang dikandung dalam Memorandum yang disampaikan kepada beliau oleh pihak Kesatuan Wartawan Kebangsaan Malaysia atau NUJ tahun lepas.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, memorandum yang telah dihantarkan kepada saya itu sebenarnya ialah mengenai penubuhan Majlis Akhbar Kebangsaan mengenai pemansuhan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1994 yang dikatakan telahpun mengongkong pihak media. Saya telahpun mengadakan perbincangan dengan pihak yang menghantar memorandum ini sebanyak dua kali. Yang terakhir dalam sebulan dahulu, saya telah mengadakan perbincangan dengan mereka, dalam suasana yang amat baik untuk meningkatkan persefahaman antara dua

belah pihak tentang perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam memorandum yang berkenaan.

Yang pertama, berkaitan dengan penubuhan Majlis Akhbar Kebangsaan, saya memang menyatakan bahawa ini bukanlah satu cadangan yang kerajaan mahu campur tangan, kalau kerajaan campur tangan nanti mungkin dianggap pula kita hendak mengongkong mereka dan mungkin hendak menyekat kebebasan akhbar. Walaupun begitu, bila mereka hendak menubuhkan Majlis Akhbar Kebangsaan ini maka kita perlu mengadakan perbincangan supaya kedua-dua pihak dapat memahami tentang strukturnya dan peranan-peranan dan tugas-tugasnya dan saya bersedia untuk berbincang dengan pihak mereka bila-bila masa sahaja yang dapat kita tentukan.

Berkaitan dengan Akta Pemansuhan Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, saya telah menerangkan kepada mereka bahawa akta tersebut digubal bukanlah sebenarnya untuk menyekat kebebasan bersuara tetapi adalah untuk menjamin dan mengekalkan perpaduan kaum yang harmonis untuk kesejahteraan hidup rakyat pelbagai kaum yang menganuti agama yang berlainan, kepercayaan dan nilai-nilai hidup yang juga berbeza. Kita amat memahami bahawa negara Malaysia kita ini dalam hal-hal yang berhubung dengan dasar-dasar yang hendak kita buat dan juga pelaksanaan-pelaksanaannya kita perlu mengambil kira semua ini kerana kita tidak mahu menimbulkan perkara-perkara yang sensitif yang kerananya boleh membawa kepada keadaan yang kurang menyenangkan.

Kita berjaya sehingga ke hari ini mengekalkan perpaduan dengan kestabilan kerana kita berhati-hati dalam menjalankan sesuatu. Kita mengambil kira semua ini. Apabila kita mengadakan sesuatu undang-undang yang kita fikir perlu diadakan beberapa batasan, maka kita harap dengan adanya undang-undang itu, insya-Allah, dalam pelaksanaannya ia tidak akan menimbulkan perkara-perkara yang kita tidak ingini iaitu yang ada hubung kait dengan menimbulkan perasaan tidak senang hati jika isu-isu sensitif berkaitan dengan kepercayaan, berkaitan dengan kedudukan yang istimewa seperti bagi bumiputera dan apa-apa perkara yang lain yang ada hubung kait dengan agama, umpamanya.

Begitulah halnya juga dengan Akta Mesin Cetak yang telah saya terangkan tadi. Jadi, secara terperinci saya katakan hak dan kebebasan yang dibenarkan perlu mempunyai batas-batas tertentu bagi menjamin keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan rakyat. Apakah kesannya terhadap hakikat terhadap rakyat dan negara-

negara yang lain dan juga negara kita sekiranya kebebasan tiada batasan. Pertimbangan yang teliti perlu dibuat terhadap kesannya ke atas ketenteraman awam, keselamatan negara dan kepentingan masyarakat. Dan juga saya telah menjelaskan sejauh manakah rakyat mampu menerima dan memberi pertimbangan yang betul terhadap berita-berita palsu dan negatif yang dimuatkan dalam bahan atau media cetak yang boleh menimbulkan keadaan yang tidak diinginkan.

Ini adalah perkara-perkara yang telah saya terangkan kepada mereka dan saya percaya mereka memahami. Walaupun begitu adalah menjadi hasrat mereka untuk melihat bahawa akhbar iaitu media cetak dapat diteruskan tanpa ada apa-apa gangguan atau sekatan-sekatan yang tidak wajar. Itu saya telah mengatakan mereka tidak perlu bimbang jika sekiranya mereka mengamalkan, membuktikan satu tahap kebertanggungjawapan ataupun *sense of responsibility* yang tinggi terhadap apa yang menjadi matlamat pembangunan negara kita dan pembangunan bangsa iaitu perpaduan yang harmoni, itu saya katakan adalah sangat penting. Terima kasih.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya agak sedikit lari tetapi tidak terkeluar, saya mohon izin, kebetulan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri ada sama, kita hendak tumpang tanya berkenaan dengan isu yang semasa, yang mana wartawan *Harakah* telah menyaman Kementerian Dalam Negeri katanya. Dan, sebelum ini pun hampir 95% Ahli-ahli Dewan Negara meminta kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri untuk mengharamkan *Harakah* yang telah banyak memberi permasalahan dan fitnah dan sebagainya. Apakah pendirian kerajaan? Terima kasih.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat bercakap pasal hal yang berkaitan dengan saman yang telah dikeluarkan oleh pihak *Harakah* terhadap saya itu kerana saya perlu mendapat pandangan daripada peguam saya. Tetapi yang berkaitan dengan sikap kerajaan terhadap *Harakah* itu telahpun terbukti apabila kita telah membenarkan *Harakah* terus dicetak tetapi tidaklah kerap seperti dulu. Itu adalah sikap kita.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat tertarik hati dengan perbincangan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dengan Pertubuhan Wartawan Malaysia. Saya ingin tahu adakah penekanan dibuat berkenaan dengan wujudnya agenda media massa antarabangsa terhadap memperkecil-kecilkan negara kita terutama sekali dari segi

membesar-besarkan cerita pelanggaran hak asasi dan juga *affirmative action* di negara kita ini di mana surat khabar seperti *International Herald Tribune* menceritakan berat sebelah bagaimana demonstrasi di negara kita ini lebih meluap-luap bila dibandingkan dengan demonstrasi di Washington.

Jadi, agenda media massa antarabangsa dibanding negara kita Malaysia dan apakah perkara seperti ini tidak diambil kira. Adakah pihak kerajaan menerangkan kepada mereka supaya kita juga mempunyai agenda kebangsaan, agenda negara, agenda Malaysia di mana cerita-cerita seperti ini yang berlaku di Amerika ataupun di Australia, di mana hak asasi orang-orang asli di Australia misalnya ataupun hak-hak asasi orang-orang kulit hitam di Amerika selalu dicerobohi oleh sistem-sistem di Australia dan di Amerika. Jadi, saya hendak tahu, dalam perjumpaan itu adakah kerajaan menekankan juga agenda sulit media Barat dan apa tanggungjawab kita sebagai negara yang berbilang kaum, untuk menentukan kita maju dengan wujudnya harmoni dan sebagainya.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berkesempatan untuk mengadakan perbincangan yang mendalam yang berkaitan dengan *The World of the Media'* iaitu media di luar negeri dan apakah peranan mereka jika sekiranya mereka ada apa-apa agenda terhadap kita. Saya tidak ada kesempatan untuk membincangkan tentang perkara itu tetapi yang umumnya saya telah menegaskan bahawa kerajaan masih mempunyai pandangan yang positif terhadap media cetak di negara kita ini dan juga media elektronik.

Itu yang saya tegaskan dan saya menganggap bahawa mereka memang ada peranan bukan sekadar daripada penyebaran maklumat dan juga untuk membentuk pemikiran rakyat. Tetapi ini mesti dilakukan dengan cara yang bertanggungjawab, mesti dilakukan dengan penuh fahaman dan kesedaran tentang perkara-perkara yang boleh menjadi sensitif kepada rakyat, perkara-perkara yang boleh menimbulkan perasaan yang tidak menyenangkan ataupun bantahan ini adalah perlu kerana rakyat kita memang sensitif tentang hal isu-isu yang berkaitan dengan agamanya, yang berkaitan dengan budayanya, yang berkaitan dengan bahasanya dan sebagainya, sebagaimana yang kita sedari selama ini. Maka sebab itulah kita, kepimpinan kita dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat, memang dalam perbincangan dan perbahasan di mana-mana juga sentiasa berwaspada, sentiasa berhati-hati, tidak menimbulkan

sesuatu yang boleh membawa kepada keadaan ataupun hubungan kaum yang tidak disukai.

Maka dalam hal itu adalah juga jadi penting bagi pihak media memahami tentang perkara ini. Memanglah kita ada banyak bahan dan maklumat. Mungkin ada antaranya yang tidak perlu dimaklumkan oleh sebab daripada segi ada hubung kait keselamatan misalnya yang tidak boleh diumumkan, itu perlu juga difahami. Ada perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan kalau diumumkan hanyasanya kerana hendak beritahu semua orang dan kalau dengan mengumumkan fakta itu ada timbul pula perkara-perkara lain yang tidak diinginkan maka sudah menjadi satu perkara yang wajarlah bagi kita untuk memahami dan dengan itu tidak akan menyiarkan maklumat-maklumat seperti itu.

Jadi, saya amat puas hati kerana pihak yang mewakili mereka, di satu pihak mereka memang kata mereka adalah bertanggungjawab dan mahu memahami segala masalah yang bukan sahaja dihadapi oleh pihak kerajaan tetapi di samping itu mereka juga *concern* dan prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Dan, memanglah harapan mereka adalah untuk memastikan yang media akan memainkan peranan yang bertanggungjawab. Saya kata, kita sebenarnya tidak ada masalah, tetapi yang pentingnya adalah hubungan antara mereka dengan pihak kerajaan itu biarlah kerap sedikit untuk membolehkan mereka memahami apakah dasar-dasar yang dibentuk dan dilaksanakan dari masa ke semasa dan juga apakah isu-isu yang penting yang mereka perlu memahami.

Saya sebenarnya telah mengamalkan perkara ini dua, tiga kali dan telah membuat kesan yang amat baik. Apabila kita menghadapi dulu, pasal penyakit JE, saya panggil semua media, tiga kali saya panggil untuk menerangkan kepada mereka supaya mereka dapat faham. Yang berkaitan dengan *Astro* dulu pun, saya telah panggil mereka dan mengadakan perbincangan dan telah menjelaskan kepada mereka supaya lebih berhati-hati kerana ia sudah sampai ke satu tahap di mana kaum Cina telahpun rasa tidak senang hati kononnya mereka rasa yang mereka ini dianggap sebagai tidak taat setia kepada negaranya kerana kononnya mereka suka melihat gambar-gambar Cina dan mendengar berita daripada Taiwan dan negeri lain.

Jadi, ini saya katakan kalau kita gembur-gembur sangat maka akan timbul satu suasana yang kita sama-sama tidak mahu lihat berlaku. Jadi dengan itu, adalah perlu kita sama-sama memahami dalam hal ini dan menjaga dan mengambil kira perkara-



perkara yang saya telah sebutkan tadi. Dan mereka amat berterima kasih, sekurang-kurangnya mereka tahu apakah sikap kerajaan dalam hal ini yang berkaitan dengan Astro itu dan apa yang kita mahu lihat, perkembangan-perkembangan di masa hadapan.

Begitulah juga dengan hal-hal yang lain. Jadi, alhamdulillah dengan cara ini, kita akan dapat menjalinkan satu persefahaman dan kedua-dua pihak akan dapat saling menyenangkan. Kita dapat rasa senang dengan peranan mereka dan mereka juga akan rasa senang dengan cara kita yang tidak mahu menyekat tetapi hanya menyatakan ada batasan-batasan tertentu dan kita boleh dengan itu memberi penerangan *on the basis of need to know*, supaya mereka dalam bidang laporan dan dalam rencana-rencana, mereka akan mengambil kira.

8. **Datuk Long bin Jidin** minta Menteri Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat menyatakan memandangkan ada banciaan pendapatan pendudukan bagi masyarakat Orang Asli berkaitan:-

- (a) kedudukan sebenar jumlah Orang Asli termiskin, miskin dan yang melepasi paras kemiskinan bagi setiap negeri dalam Malaysia; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan selanjutnya untuk mencapai kemiskinan sifar terhadap masyarakat tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) banci Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang telah dibuat oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam tahun 1993 menunjukkan kedudukan masyarakat Orang Asli berada dalam golongan termiskin, miskin dan melepasi paras kemiskinan bagi setiap negeri dalam Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Termiskin (%)</b>	<b>Miskin (%)</b>	<b>Melempi Paras Kemiskinan (%)</b>
Johor	29	41	30
Kedah	56	44	-
Kelantan	79	16	6
Melaka	44	34	22
Negeri Sembilan	51	32	18
Pahang	56	31	17
Perak	47	35	18
Selangor	24	37	39
Terengganu	56	41	3

(b) Antara langkah dan tindakan kementerian untuk mencapai kemiskinan sifar di kalangan masyarakat Orang Asli ialah:

- mengadakan program tanah ala FELDA, Projek Penyusunan Semula Kampung, projek peningkatan kemudahan dalam Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), memberikan pelaburan di bawah skim PPRT dalam ASB sebanyak RM5,000 setiap keluarga. Jumlah keluarga sebanyak 15,422 telah menerima pinjaman-pinjaman tersebut berjumlah RM77.1 juta semenjak tahun 1997.
- memberikan latihan-latihan kemahiran, jahitan, membaiki kereta, motosikal dan pembinaan,
- menggalakkan Orang Asli berkecimpung dalam bidang perniagaan melalui pemberian bantuan usahawan,
- mengadakan Program Perubahan Sikap supaya Orang Asli dapat menerima projek-projek pembangunan dengan positif,
- memperbanyakkan program motivasi kepada pelajar-pelajar Orang Asli supaya mereka berjaya dalam pendidikan dan akhirnya mendapat pekerjaan yang

boleh mengeluarkan mereka dan keluarga dari belenggu kemiskinan,

- meningkatkan pembangunan tanah Orang Asli secara komersial dan produktif dengan kerjasama agensi-agensi pembangunan tanah seperti RISDA, FELCRA dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Terima kasih.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya pohon izin kerana kadang-kadang kawan saya kata saya ini lebih nampak Orang Asli daripada Datuk Long. *[Ketawa]* Saya ingin mengemukakan soalan dan penjelasan kepada kerajaan, daripada jawapan kerajaan tadi pukulratanya melepasi Orang Asli ada di negara kita sebanyak 105,000 sahaja yang tidak sampai pun 1% daripada jumlah penduduk di negara kita dan program kerajaan ini hanya dapat memantau dan menjayakan tidak lebih secara puratanya 20% Orang Asli ini keluar daripada paras kemiskinan.

Apakah kerajaan mempunyai target, dengan izin, dan juga mungkin apakah pendekatan kerajaan itu tidak berkesan ataukah Orang Asli sendiri tidak mahu menerima program yang dilaksanakan oleh kerajaan dan apakah kerajaan mempunyai pendirian supaya ada satu target, supaya 105,000 rakyat yang terdiri daripada kaum Orang Asli ini dapat keluar dari paras kemiskinan dalam masa-masa tertentu. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya telah merancang beberapa program supaya mengatasi masalah ini. Salah satu daripadanya adalah cara ala FELDA. Kementerian saya bercadang untuk mengadakan perjumpaan dengan menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri supaya kita dapat merizabkan beberapa ratus hektar tanah supaya ianya boleh dijadikan sebagai seperti FELDA kerana FELDA adalah satu rancangan yang telah membawa banyak kemajuan kepada negara kita. Jadi, dengan cara ini, Orang-orang Asli yang duduk dalam pedalaman boleh keluar dan duduk di skim-skim FELDA dan ini akan membawa faedah kepada mereka.

Satu lagi perkara yang penting, yang dilakukan oleh kementerian saya dan juga Kementerian Pendidikan adalah menentukan supaya anak-anak Orang Asli dapat menerima pendidikan yang sempurna supaya mereka apabila ada kelulusan yang lebih

tinggi boleh dapat kerja yang lebih lumayan dan mereka boleh dikeluarkan daripada taraf kemiskinan itu. Terima kasih.

**Dato' Poo Yew Choy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan ramai Orang Asli masih duduk di dalam hutan. Di dalam hutan memang tidak ada kemudahan asas. Apakah rancangan kerajaan untuk menasihatkan mereka keluar dari hutan dan pindah ke kawasan yang mempunyai kemudahan asas atau dekat bandar dan menolong mereka mencari kerja supaya penghidupan mereka dapat diperbaiki.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini adalah lebih kurang sama tetapi kami juga ada rancangan-rancangan untuk memberi latihan kemahiran kepada pemuda-pemuda Asli supaya mereka dapat bekerja di kilang-kilang dan juga dengan kerajaan dan di lain-lain tempat. Dan kita juga telah menyediakan bagi tahun 2000 sahaja lebih kurang RM30 juta untuk membawa pembangunan kepada kawasan-kawasan Orang Asli. Tetapi yang duduk di pedalaman susah bagi kementerian untuk mengadakan jalan-jalan dan juga untuk memberi bekalan elektrik dan air yang sempurna.

Jadi, kalau Orang-orang Asli sendiri bersetuju keluar dan kalau boleh ditempatkan dengan cara ala FELDA ini, saya berharap kita boleh berjaya dan Orang-orang Asli akan berjaya menjadi orang-orang yang keluar daripada paras kemiskinan.

**Datuk Long bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Tanah merupakan asas kepada pencapaian kemiskinan sifar. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah kedudukan tanah-tanah yang telah diberi milik, yang telah diwartakan kepada masyarakat Orang Asli.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Long Jidin yang telah menimbulkan soalan tentang tanah. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah ditimbulkan di Dewan Rakyat juga di mana seorang Ahli Parlimen daripada Kubang Kerian telah menyebut bahawa hanya negeri Kelantan telah mengeluarkan hak milik kepada Orang-orang Asli. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Long Jidin kerana memberi peluang kepada saya untuk menjelaskan kedudukan sebenarnya.

Hak milik yang telah dikeluarkan kepada individu adalah seperti berikut:-

<b>Negeri</b>	<b>Keluasan Tanah [Hektar]</b>	<b>Dikeluarkan hak milik [Bilangan Orang]</b>
Perak	1.26	1
Kedah	0	-
Pahang	85.32	51
Kelantan	1.66	38
Terengganu	39	39
Selangor & Wilayah Persekutuan	6.12	6
Johor	19.12	17
Negeri Sembilan	12.57	7
Melaka	1.61	1

Tanah Orang Asli yang telah diwartakan:

<b>Negeri</b>	<b>Keluasan Tanah yang diwartakan [Hektar]</b>
Perak	5,191.92
Kedah	173.38
Pahang	4,136.2
Kelantan	0.00
Terengganu	1,312.6
Selangor & Wilayah Persekutuan	1,263.21
Johor	4,897.16
Negeri Sembilan	2,336.05
Melaka	115.497

Tanah Orang Asli yang telah diluluskan tetapi belum diwartakan:

<b>Negeri</b>	<b>Keluasan Tanah yang belum diwartakan [Hektar]</b>
Perak	7,277.22
Kedah	0.00
Pahang	13,718.17
Kelantan	3,953
Terengganu	206.8
Selangor	1,213.30
Johor	1,068.93
Negeri Sembilan	1,176.76
Melaka	370.57

Jumlah tanah yang telah diwartakan di negara kita bagi kaum Orang Asli adalah 19,303.43 hektar, yang diluluskan tetapi belum diwartakan adalah sebanyak 28,932.27 hektar. Tanah Orang Asli yang dipohon adalah 78,975.56 hektar. Tanah yang didiami oleh Orang Asli tanpa permohonan rasmi adalah sebanyak 5,664.55 hektar. Jumlah hektar yang digunakan oleh kaum Orang Asli adalah 132,875.81 hektar. Terima kasih.

9. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dasar kerajaan dalam isu pengeksporan kayu-kayan negara ini yang membabitkan kuota syarikat bumiputera dan bukan bumiputera.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan khususnya Kementerian Perusahaan Utama menggalakkan pengeksporan kayu-kayan terutamanya produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi seperti perabot yang memberikan sumbangan yang tinggi kepada pendapatan tukaran asing negara.

Buat masa ini, kerajaan tidak bercadang menetapkan kuota pengeksporan itu bagi syarikat bumiputera dan bukan bumiputera. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pernah menimbulkan di Dewan yang mulia ini, berkenaan cara pengeksporan kayu-kayan kita iaitu adakah pihak kerajaan sekarang ini memantau pengeksporan kayu-kayan yang kita hendak ialah kayu-kayan ini dieksport menerusi pelabuhan-pelabuhan di Malaysia kerana kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, pengeksporan kayu-kayan menerusi Singapura kadangkala sebagai transshipment sahaja, selepas eksport ke Singapura dia re-export ke tempat lain dan kadangkala ditukarnya label daripada Singapura dan bukan daripada Malaysia, yang buruk mungkin dijadikan daripada Malaysia, yang cantik daripada Singapura.

Jadi, perkara ini mungkin berlaku. Jadi, saya hendak tahu kalau dahulu mungkin 30% kayu-kayan dieksport menerusi Pelabuhan Singapura, kini apakah kedudukan sebenarnya?

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Kementerian Perusahaan Utama telah pun membuat satu kajian yang terperinci berapakah jumlah matrik tan kayu-kayan kita yang telah pun dieksport melalui Singapura dan masa kini kita belum dapat lagi data-data itu dan kita sedang menunggu dan kita sekarang telah pun secara tidak langsung menggalakkan supaya semua pengusaha terutama sekali pengusaha-pengusaha perabot di kawasan Johor dan terutama sekali di Muar supaya mengeksport semua barang mereka terutama sekali perabot melalui port-port di Malaysia kita.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Di negara Thailand memang tidak berlaku pengeksporan kayu-kayan, malah Thailand merupakan salah satu daripada negara yang banyak mengimport

kayu-kayan daripada negara kita, sesuai dengan dasar negara untuk mengurangkan pembalakan, untuk menjaga alam sekitar dan dengan izin, water shade catchment area dan perkara-perkara yang berkaitan dengan iklim di negara kita, apakah kerajaan sedang mengkaji supaya kita memutuskan tidak lagi mengeksport kayu-kayan ini demi untuk masa depan kita kerana kos yang akan kita tanggung di masa akan datang akan jauh lebih besar daripada pendapatan yang kita dapat pada hari ini. Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan terutama sekali Kementerian Perusahaan Utama tidak menggalakkan supaya kayu-kayu ini dieksport dan kita telah pun daripada segi kayu getah, kita tidak membenarkan eksport kayu getah kepada pasaran luar oleh kerana kita mengetahui bahawa kita sekarang adalah kekurangan daripada segi raw material kita dan inilah sebab di mana kerajaan telah pun menggalakkan supaya kita mengadakan ladang-ladang hutan kita sendiri. Oleh itu, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bahawa kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama tidak akan mengeluarkan permit-permit untuk mengeksport kayu-kayu kita dan saya ingat di Semenanjung Malaysia, kita tidak membenarkan eksport dan di Sabah kita cuma mengeluarkan eksport yang begitu rendah sekali.

Ini adalah dasar Kementerian Perusahaan Utama dan kita akan dari masa ke semasa mengikut keperluan perusahaan kayu-kayan di negara kita, kita akan mengkaji semula supaya kekurangan bahan-bahan mentah ini dapat diatasi di negara kita.

**10. Puan Jamilah binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Sistem Saraan Baru (SSB) akan dikaji semula kerana terdapat sebahagian besar kakitangan kerajaan tidak berpuas hati dengan sistem tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak pelaksanaan SSB, kerajaan telah mengesan masalah dan isu-isu berbangkit daripada kakitangan kerajaan. Kerajaan sedang meneliti semua masalah dan isu yang dibangkitkan dan hasil kajian serta dengan cadangan akan ditimbang oleh kerajaan untuk menambahbaikkan SSB.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, isu SSB ini banyak kali telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, dan juga di luar Dewan oleh kesatuan sekerja dan saya sendiri. Banyak rintihan yang selalu kita dengar bahawa kebanyakannya kakitangan awam memang sama

sekali tidak bersetuju SSB ini dijalankan dalam negara kita. Saya pernah mencadangkan supaya SSB ini diganti dengan satu skim yang lain. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat baru-baru ini satu mesyuarat telah diadakan di antara CUEPACS dan juga JPA, kalau tidak silap saya di Sabah, dan satu kajian akan dibuat menyeluruh dan kerajaan mohon pandangan dari kesatuan sekerja.

Saya ingin tahu, bilakah kajian ini akan dapat disiapkan bagi memastikan rintihan kakitangan awam tidak berterusan dan mereka akan dapat bekerja lebih tekun dan meninggikan produktiviti mereka dan tidak adanya pilih kasih dari segi soal kenaikan gaji dan juga perkara dan isu yang berhubung kait dengan kepentingan pekerja, oleh kerana ini merupakan satu daripada perkara yang selalu diambil berat oleh kerajaan kerana perkhidmatan kakitangan awam adalah sangat diperlukan bagi memastikan dasar dan apa juga yang diputuskan oleh kerajaan dapat dilaksanakan demi untuk rakyat dan negara. Terima kasih.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di Dewan ini bahawa di seluruh dunia tidak ada satu skim untuk pegawai-pegawai kerajaan dan di antara kerajaan di mana semua yang telah berpuas hati dengan skim itu. Apa yang dikaji sekarang ialah kemungkinan kerajaan untuk menambah baik apa yang sudah sedia wujud dan bukan untuk memansuhkan satu skim yang sedia ada. Apa yang telah dikemukakan oleh pihak CUEPACS dan yang kita dengar di Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga, semuanya akan dimasukkan dalam satu kajian dan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sekarang ini sedang menyediakan satu laporan kepada Kabinet dan kerajaan.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita hendak minta Yang Berhormat Menteri dan kerajaan mengisytiharkan pada hari ini dan penjelasan, kedudukan mutu Jabatan Perkhidmatan Awam kita berbanding dengan perkhidmatan awam di seluruh negara. Kita dapat tahu dalam kita tidak puas hati sebagai kakitangan kerajaan, apakah status, kedudukan kakitangan kerajaan kita dari segi perkhidmatannya, dari segi pencapaiannya, dari segi gaji dan sebagainya berbanding dengan negara-negara lain seperti Thailand umpamanya, Filipina ataupun di peringkat negara-negara membangun lain supaya kakitangan faham di dalam menuntut keperluan mereka, mereka juga berada dalam satu paras yang boleh diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.



**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa jentera pentadbiran di negara ini adalah dalam tahap yang terbaik sekali kalau dibandingkan dengan negara-negara yang sedang membangun. Kalau kita lihat pencapaian negara setelah kita mendapat kemerdekaan, saya fikir kita mempunyai satu jentera kerajaan iaitu satu the delivery system yang baik sekali dan ini adalah wujud daripada satu sistem yang telah dijalankan oleh sistem kerajaan sekarang ini.

Apa yang menjadi soalan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak CUEPACS dan sebagainya ialah hanya dalam 5% daripada pegawai-pegawai yang mendapat kenaikan pangkat yang telah ditetapkan, yang melintang dan sebagainya dan inilah yang menjadi tumpuan kepada ketidakpuasan hati yang saya telah dengar dan perhatikan dalam kedua-dua Dewan ini.

Saya ingin jelaskan juga di sini bahawa kalau kita bandingkan dengan kerajaan-kerajaan yang lain di negara-negara yang sudah membangun, saya fikir tahap pencapaian kita untuk mentadbir negara ini dengan jentera kerajaan yang sedia wujud adalah dalam tempat yang baik sekali.

**Datuk Haji Karim bin Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Adakah menteri dan kerajaan sedar bahawa salah satu faktor kenapa Kerajaan Barisan Nasional tumbang di Terengganu disebabkan pegawai-pegawai kerajaan tidak menyokong kerajaan di negeri itu?

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan satu pandangan. Jadi, kalau ianya betul, kita sama-samalah menjalankan tugas kita untuk pegawai-pegawai ini dapat bekerjasama dengan pihak orang-orang politik dan sebagainya, oleh kerana apa yang dimaksudkan oleh kerajaan kita ialah kita mendapatkan satu jentera penyampai iaitu satu delivery system yang baik, yang akan dapat menyampaikan apa yang telah dimaksudkan oleh kerajaan kepada rakyat dan saya fikir ini adalah satu perkara yang kerajaan ambil berat dan kita akan mengambil satu untuk mendapatkan kerjasama daripada mereka yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan-soalan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 27 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang”. [3 Mei 2000]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Luar Negeri.

**11.18 pagi.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya sebelum ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 di peringkat dasar yang mana telah juga menyentuh beberapa perkara di bawah bidang tugas Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut. Satunya, hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zainudin bin Maidin yang telah membangkitkan mengenai hubungan dua hala Malaysia-Amerika Syarikat serta faedah kepada pembangunan negara berbanding hubungan dengan negara-negara Eropah yang wujud lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, selepas berakhirnya era Perang Dingin, Amerika Syarikat telah muncul sebagai satu-satunya kuasa besar yang mempunyai kuasa terunggul di dunia. Jadi, perkembangan ini telah menyebabkan wujud minat oleh pihak tertentu untuk melahirkan satu order baru dunia yang berteraskan kepada hegemonic power. Jadi, melalui isu-isu seperti hak asasi manusia, demokrasi liberal, liberalisasi perdagangan, globalisasi, alam sekitar dan sebagainya, kuasa besar ini cuba melebarkan pengaruhnya ke atas negara-negara lain. Menyedari hakikat ini Malaysia sentiasa menyeru negara-negara membangun agar bersatu dan bersuara dengan satu nada bagi memperjuangkan hak mereka dalam era dunia tanpa sempadan. Jadi, melalui cara ini sahajalah, negara-negara membangun akan dapat memastikan

suara mereka didengar oleh kuasa besar serta mendapat perhatian dan layanan yang adil dan saksama dalam proses globalisasi tanpa tekanan daripada kuasa-kuasa besar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan antara negara kita Malaysia dengan Amerika Syarikat, bukanlah satu rahsia lagi bahawa wujud perbezaan pandangan, pendirian kita dan pendapat dalam pelbagai isu antara kedua-dua negara. Akan tetapi perbezaan-perbezaan ini tidaklah pula menjadi penyebab untuk Malaysia dan Amerika Syarikat tidak bekerjasama dalam bidang-bidang lain yang boleh membawa faedah dan kebaikan bersama kepada kedua-dua negara. Dalam bidang perdagangan contohnya, Amerika Syarikat telah merupakan rakan dagang utama Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bagi tahun 1999 sahaja nilai dagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat adalah sebanyak RM113.71 bilion, sebanyak 21.9% daripada eksport Malaysia bagi tahun 1999 berdestinasikan pasaran Amerika Syarikat. Jadi, pada masa yang sama jumlah eksport Amerika Syarikat ke Malaysia pada tahun lalu mengatasi jumlah eksportnya ke negara-negara Rusia, India dan Indonesia digabungkan bersama.

Jadi dalam bidang pelaburan pula, Amerika Syarikat terus merupakan pelabur utama dalam projek-projek pelaburan langsung asing (foreign direct investment) dengan jumlah pelaburan dilulus pada tahun 1999 sebanyak RM5.16 bilion. Jadi, secara amnya pasaran Amerika Syarikat dan Malaysia adalah masing-masing destinasi utama pengeluaran eksport kedua-dua negara. Jadi, di samping bidang perdagangan dan pelaburan yang disebutkan tadi, kerjasama turut dijalinan dalam bidang-bidang lain seperti pertahanan, pendidikan dan juga teknologi maklumat. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan-kenyataan di atas menjuruskan kepada hakikat bahawa kedua-dua negara mempunyai kekuatan tersendiri serta saling memerlukan dan atas premis kesaksamaan ini hubungan Malaysia-Amerika Syarikat akan terus berlangsung.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan Malaysia dengan negara-negara Eropah sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sendiri wujud lebih awal serta berdasarkan kepada faktor sejarah. Namun demikian, faedah yang diperolehi daripada hubungan tersebut banyak dirasai pada peringkat awal kemerdekaan negara. Adalah lebih tepat untuk kita menyatakan bahawa hubungan Malaysia dengan negara-negara Barat termasuk Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah berkenaan telah mendatangkan pelbagai manfaat kepada pembangunan negara. Dalam hal ini

Malaysia akan terus mengamalkan dasar luar yang bebas tanpa dipengaruhi mana-mana pihak. Justeru itu, Malaysia telah menjalin hubungan dengan pelbagai negara tanpa mengira fahaman dan sistem politik mereka kerana hubungan ini mendatangkan faedah kepada negara kita.

Perkara kedua yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah campur tangan negara asing dalam hal ehwal dalaman. Mengenai isu campur tangan negara asing dalam hal ehwal dalaman negara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Karim bin Salleh, Malaysia peka dan sedar tentang perkembangan ini. Kemajuan yang dicapai oleh Malaysia menurut acuan dan modelnya sendiri telah menjadi penyebab rasa tidak senang hati negara-negara asing terhadap negara Malaysia. Namun begitu, Malaysia akan terus memantau agenda tersembunyi pihak-pihak berkenaan yang dilaksanakan melalui pelbagai program-program ekonomi, politik dan sosial agar tidak mendatangkan sebarang kesan negatif terhadap perpaduan, keutuhan dan kedaulatan negara Malaysia kita.

Perkara yang ketiga ialah peristiwa penculikan di Pulau Sipadan. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar telah menyentuh mengenai isu penculikan 21 orang termasuk pelancong asing di Pulau Sipadan baru-baru ini. Beliau menyebut kenyataan Menteri Luar yang menyatakan bahawa mangsa-mangsa tebusan berada dalam keadaan selamat. Beliau percaya dengan kemahiran Pasukan Keselamatan Negara dan kerjasama daripada pihak berkuasa Filipina dan Indonesia, mangsa-mangsa tebusan ini akan dapat diselamatkan. Tuan Yang di-Pertua, kita percaya pemerintah Filipina telah mengambil langkah-langkah wajar dalam menangani isu penculikan 21 warga negara asing termasuk 9 orang warganegara Malaysia dari Pulau Sipadan. Malaysia telah menghantarkan Ketua Polis Negara kita dan Yang Berhormat Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia untuk mendapatkan maklumat daripada pihak berkuasa Filipina mengenai situasi mutakhir tentang penculikan ini. Lawatan dari Malaysia bukan bertujuan untuk berunding tetapi dengan ini telah pun dimaklumkan kepada pihak Filipina melalui saluran diplomatik kita. Malaysia berharap agar isu ini dapat diselesaikan dengan cara damai dan mangsa-mangsa culik dibebaskan tanpa sebarang kecederaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang juga ditimbulkan pada sesi ini ialah isu Kumpulan Wang Simpanan Berpusat (CPF) yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang

Berhormat sedia maklum, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura dalam pertemuan di Hanoi pada tahun 1998 telah bersetuju untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit secara pakej. Jadi, isu-isu berbangkit yang dimasukkan ke dalam pakej selain daripada isu CPF juga meliputi pembekalan air kepada Singapura selepas tamat kedua-dua perjanjian yang sedia ada pada tahun 2011 dan 2061. Rundingan semula syarat-syarat terkandung di dalam Points of Agreement (POA), penempatan pegawai-pegawai kastam, imigresen dan kuarantin Malaysia dan juga penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat Tentera Udara Singapura. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semasa membuat persetujuan telah menyelesaikan isu-isu tersebut di dalam pakej dan telah menyatakan kesediaan Malaysia untuk menyelesaikan isu-isu tersebut sekaligus. Jadi, dengan demikian satu jalan penyelesaian yang dapat memuaskan kedua-dua pihak perlu dicapai.

Jadi, semasa pertemuan kedua-dua Perdana Menteri pada 5 November 1998, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Goh Chok Tong telah mengatakan bahawa Singapura bersedia melonggarkan undang-undang CPF bagi membolehkan mereka yang terlibat dapat mengeluarkan simpanan mereka dalam masa dua tahun secara beransur-ansur dimulakan dengan pekerja-pekerja yang lebih tua. Singapura juga menyatakan bahawa kelonggaran ini dapat dilakukan selepas persetujuan menyeluruh kepada pakej perundingan dicapai di antara kedua-dua negara. Oleh itu, sekiranya kita berhasrat untuk mengeluarkan isu Kumpulan Wang Simpanan Berpusat ini daripada pakej perbincangan dua hala yang masih dalam proses rundingan, ia tidak dapat menyelesaikan masalah CPF sama sekali. Jadi, malahan empat isu berbangkit lain yang terdapat di dalam pakej tersebut juga tidak dapat diteruskan rundingan dan seterusnya akan menjejaskan matlamat kita untuk mencapai satu penyelesaian. Jadi, setakat ini kita telah mengadakan rundingan sebanyak tiga kali dan rundingan masih diteruskan untuk mencari jalan penyelesaian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya percaya perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, saya telah cuba jawabkan dan walau bagaimanapun, bagi persoalan-persoalan yang tidak dapat dijawab atau tidak terjawab, kementerian ini akan mengambil maklum dan perhatian sewajarnya akan diambil untuk tindakan susulan mengenainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

**11.30 pagi.**

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng yang telah membangkitkan permasalahan pengeluaran hak milik strata semasa sesi perbahasan pada 24 April dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Long bin Jidin berhubung masalah pelupusan tanah kepada masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, kementerian sedar masih banyak pembangunan yang belum dikeluarkan hak milik strata. Masalah pengeluaran hak milik strata ini boleh dikategorikan kepada dua keadaan iaitu pertama, kegagalan pemaju atau tuan-tuan tanah membuat permohonan hak milik strata adalah disebabkan antara lain seperti berikut:

- (i) hal-hal urusan tanah yang masih belum selesai seperti proses penyatuan tanah, pecah sempadan tanah dan penukaran syarat tanah. Kurangnya kefahaman pemilik-pemilik tanah atau pemaju-pemaju perumahan mengenai tanggungjawab dan kewajipan untuk permohonan hak milik strata;

[Tmbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

- (ii) kelewatan ini di peringkat pemprosesan permohonan hak milik strata pula adalah disebabkan permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi kehendak undang-undang.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai langkah pentadbiran, kementerian dari masa ke semasa sentiasa membantu pemaju menyelesaikan masalah yang menyebabkan mereka gagal untuk memohon hak milik strata dan demi menjaga kepentingan pembeli agar hak mereka terpelihara. Kementerian juga telah melaksanakan Pusat Pemprosesan Setempat, dengan izin, One Stop Agency untuk mempercepatkan pengeluaran hak milik strata.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin, kementerian ini memang mengambil berat tentang perkara berhubung dengan pelupusan tanah kepada masyarakat Orang Asli. Begitu juga bagi kerajaan-kerajaan negeri. Banyak perbincangan telah diadakan bagi mencari sebaik-baik jalan untuk membuka peluang pemilikan tanah kepada Orang Asli. Hasil

daripada perbincangan tersebut, maka satu garis panduan, kaedah dan pendekatan pelupusan tanah kepada Orang Asli telah dikeluarkan untuk kemudahan kerajaan negeri membuat dasar bagi negeri masing-masing. Sungguhpun demikian harus diambil perhatian bahawa luas sesuatu pemberi-milikan bergantung bukan sahaja kepada pendekatan pembangunan itu sendiri, malahan kepada keupayaan kerajaan negeri dari segi banyaknya tanah kerajaan yang ada untuk dilupuskan bagi tujuan tersebut.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf jikalau ada perkara yang tidak sempat dijawab. Bagi pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, kita ambil berat pandangan dan juga cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan tindakan akan diambil dari masa ke semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Belia dan Sukan menjawab.

#### **12.35 tgh.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tunjuk minat dan keprihatinan mereka terhadap perkara-perkara dan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim membangkitkan mengenai pengurangan bilangan pinjaman yang diluluskan kepada belia untuk berniaga. Sukacita saya menjelaskan di sini bahawa memang benar bahawa bilangan pinjaman yang diluluskan berkurangan daripada 364 orang pada tahun 1998 kepada 138 orang pada tahun 1999. Pengurangan ini disebabkan oleh perubahan dasar dan kaedah pelaksanaan Skim Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia kepada Skim Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional Komersial Berhad dan kesan kegawatan ekonomi yang melanda negara kita serta negara-negara serantau pada tahun 1997 dan 1998.

Mengenai saranan Yang Berhormat supaya menambah bilangan latihan dan kursus keusahawanan kepada golongan belia bagi melahir, menggalak dan meningkatkan keusahawanan di kalangan belia, sukacita saya menjelaskan di sini

bahawa Kementerian Belia dan Sukan dari masa ke semasa berusaha untuk menambah bilangan kursus yang dijalankan. Untuk makluman Dewan yang mulia dan juga Ahli Yang Berhormat, bilangan kursus keusahawanan dan penyertaan bagi tahun 1998 dan tahun 1999 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Kursus Keusahawanan</b>	<b>Bilangan Penyertaan (orang)</b>
1998	115	3,554
1999	80	3,771

Dalam tahun 2000 pula kementerian ini telah merancang untuk menganjurkan sebanyak 94 kursus keusahawanan yang melibatkan lebih kurang 4,000 peserta bagi mengikuti program-program berikut:

- (i) Program Pendidikan dan Motivasi Keusahawanan;
- (ii) Program Penyelidikan dan Pengembangan Keusahawanan;
- (iii) Program Konsultasi dan Bimbingan;
- (iv) Program Pengurusan dan Komunikasi Keusahawanan;
- (v) Program Pembangunan Literasi Komputer Usahawan Belia; dan
- (vi) Program Kerjaya Keusahawanan.

Program-program tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan, galakan dan kemahiran keusahawanan kepada belia-belia supaya mereka akan menjadi lebih proaktif, berdaya maju dan berdaya saing lebih-lebih lagi dalam konteks pasaran global sekarang. Mengenai saranan Yang Berhormat supaya belia yang diberi latihan dalam bidang vokasional dan teknikal menyertai bidang perniagaan, sukacita saya memaklumkan bahawa usaha menyediakan lebih banyak peluang latihan vokasional dan teknikal kepada golongan belia merupakan matlamat program latihan kemahiran teknikal. Bilangan kemasukan pelatih di institut-institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang berjumlah 7 buah di seluruh negara pada masa kini bertambah daripada 2,921 orang pada tahun 1997 kepada 3,277 orang pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, bilangan kemasukan berkurangan sedikit pada tahun 1999 iaitu seramai 2,784 orang, sementara itu kementerian menjangkakan seramai 4,198 orang akan memasuki IKBN-IKBN pada tahun 2000 ini.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh kesemua IKBN yang sedia ada dinaikkan taraf infrastruktur dan 8 buah IKBN baru telah dan akan dibina di 8 buah



negeri iaitu negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Kelantan, Perlis, Sabah dan Sarawak. Dengan siapnya 8 buah IKBN baru ini nanti dijangka akan dapat menyediakan 8,000 tempat untuk pelatih.

Dari segi kurikulum latihan pula ianya meliputi dua komponen utama iaitu kemahiran dan bina insan. Modul keusahawanan sememangnya merupakan sebahagian daripada kurikulum bina insan. Secara amnya lebih kurang 10% daripada pelatih-pelatih IKBN menceburi bidang perniagaan. Walau bagaimanapun kementerian sedang berusaha mengumpulkan maklumat terperinci mengenai bilangan pelatih yang menceburi bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern menyentuh mengenai peningkatan masalah sosial di kalangan belia dan menyarankan supaya para belia yang berusia sekurang-kurangnya 16 tahun diwajibkan menyertai program bina semangat dan brain storming.

Tuan Yang di-Pertua, masalah gejala sosial di kalangan belia merupakan masalah universal terutamanya di negara maju dan negara membangun seperti Malaysia. Mengenai soal ini sukacita saya menjelaskan bahawa usaha-usaha untuk membendung masalah ini bukan sahaja merupakan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan sebaliknya ianya juga menjadi tanggungjawab semua pihak terutamanya institusi keluarga dan masyarakat umum. Kementerian Belia dan Sukan melaksanakan program-program bercorak penghindaran atau preventive dengan izin, dan bukannya penyelesaian atau curative dengan izin, kepada masalah ini dengan memberi penekanan kepada latihan jati diri, kepimpinan, pembentukan sahsiah diri, semangat kesukarelaan, patriotik dan kemasyarakatan. Kesemua ini dilaksanakan melalui program-program pembangunan belia seperti Program Khidmat Sosial Negara, Program Rakan Muda dan Program Pembangunan Pertubuhan Belia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh supaya Kementerian Belia dan Sukan mengadakan penilaian dan pemantauan terhadap pelaksanaan program-program pembangunan belia khususnya Program Rakan Muda, izinkanlah saya menjelaskan bahawa penilaian dan pemantauan program secara dalaman sentiasa dibuat dari semasa ke semasa ke atas semua program yang dianjurkan oleh kementerian ini. Bagi program pembangunan belia khususnya Program Rakan Muda sukacita saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kementerian ini telah menjalankan penilaian terhadap kaedah pelaksanaan

dan penerimaan program ini. Hasil dari kajian tersebut didapati ianya perlu disusun semula dengan memberi keutamaan mengikut segmen dan citarasa golongan remaja. Berikutan dengan itu kementerian telah menyusun semula program mengikut pendekatan 'sectored'. Melalui pendekatan ini lebih ramai anak-anak muda kita dapat dihubungi dan menyertai program berdasarkan citarasa mereka.

Selain daripada itu kementerian ini juga sedang berkerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi membuat kajian menyeluruh terhadap Program Rakan Muda ini. Dari segi impak ke atas perubahan sikap, pengisian masa lapang dan faedah yang diperolehi serta sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi negara. Kajian ini akan dimulakan pada pertengahan tahun ini.

Bagi program pembangunan belia yang lain, satu kajian mengenai kelesuan pertubuhan-pertubuhan belia telah pun dijalankan pada tahun 1998. Kajian ini menunjukkan 61% dari kalangan pertubuhan belia berada dalam keadaan lesu atau tidak aktif. Sehubungan dengan itu Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan program pengupayaan pertubuhan belia bermula pada tahun 1999 bertujuan untuk merangsang semangat motivasi, kemahiran dan kecekapan pengurusan di kalangan pemimpin-pemimpin belia supaya dapat memainkan peranan aktif untuk menghidupkan semula pertubuhan-pertubuhan belia dan menjadi rakan kongsi yang berkesan dalam melaksanakan program pembangunan belia.

Selain daripada itu kementerian dengan kerjasama UPM juga sedang membuat kajian tentang penyerlahan potensi pertubuhan-pertubuhan belia untuk meneroka pendekatan dan kaedah baru bagi membangunkan potensi dan peranan pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini. Kajian ini dijangka siap pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman menyentuh mengenai pembatalan 772 buah persatuan belia dan mencadangkan supaya kementerian menghidupkan semula Majlis Perundingan Belia Negara. Sukacita saya menjelaskan di sini pembatalan sejumlah 772 buah pertubuhan belia yang lesu dan tidak aktif oleh Pendaftaran Pertubuhan memberi semangat kepada kementerian ini untuk melaksanakan program pengupayaan pertubuhan-pertubuhan belia seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Mengenai Majlis Perundingan Belia Negara yang ditubuhkan pada tahun 1985, sukacita saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kementerian sedang membuat penyusunan semula keanggotaannya dan mesyuarat dijangka akan

diadakan pada pertengahan tahun ini. Untuk makluman Yang Berhormat, keanggotaan Majlis Perundingan Belia Negara yang berjumlah 120 orang akan terdiri daripada pelbagai pihak yang mewakili pelbagai bidang dan kepakaran iaitu pemimpin-pemimpin kanan pertubuhan belia dan badan bukan kerajaan (NGO), tokoh-tokoh korporat, aktivis masyarakat, ahli-ahli politik, pegawai-pegawai-pegawai kanan kerajaan dan dari sektor swasta serta tokoh-tokoh agama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani mencadangkan supaya diwujudkan peruntukan khas bagi menggalakkan pembangunan sukan di luar bandar dan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam program peningkatan sukan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Dasar Sukan Negara merangkumi konsep sukan untuk semua. Ianya bertujuan untuk menggalakkan penglibatan segenap lapisan masyarakat tanpa batasan kaum, agama dan keadaan fizikal individu dalam aktiviti-aktiviti sukan rekreasi dan kecergasan.

Usaha-usaha mempertingkatkan acara-acara sukan yang sedia ada dilaksanakan melalui beberapa pendekatan termasuk program bakat kejurulatihan, kepimpinan dan memperkenalkan program sukan baru. Program-program peningkatan sukan yang dicadangkan untuk tahun ini adalah seperti berikut:

- Program pembangunan sukan remaja khususnya di peringkat daerah yang akan melibatkan 21,600 orang peserta.
- Program liga sukan untuk semua di peringkat daerah yang dijangka akan melibatkan 51,750 orang peserta
- Memperkenalkan program sukan lasak atau extreme sport dengan izin, seperti hand gliding, par gliding, kayak arus deras, payung terjun
- Terus memajukan sukan-sukan baru termasuk sukan bermotor seperti Kejohanan Cup Prix jemputan KBS, Eco-challenge dan football.

Dalam melaksanakan program-program sukan, Kementerian Belia dan Sukan memberikan perhatian untuk melaksanakan program-program sukan pada peringkat akar umbi. Program-program tersebut dilaksanakan pada peringkat daerah di semua negeri meliputi program kepimpinan sukan, bakat dan kejohanan, liga sukan untuk

semua Seminar Kemantapan Kepimpinan Sukan di peringkat daerah dan program pembangunan sukan remaja.

Dalam pada itu kementerian ini juga turut merancang dan mengadakan kemudahan sukan di kawasan luar bandar dari masa ke semasa antara lain termasuk kemudahan-kemudahan sukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dengan menerusi Pelan Pembangunan Kemudahan Sukan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Senator Datuk Long bin Jidin menyarankan supaya Kementerian Belia dan Sukan memberi peluang kepada anak-anak Orang Asli untuk dilatih menjadi ahli sukan atau atlet bagi mewakili negara dalam acara-acara antarabangsa dan Yang Berhormat juga mencadangkan supaya kementerian ini mengambil alih sekolah sukan di Bukit Jalil dan menubuhkan sekolah khas sukan hanya untuk atlet sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberikan peluang yang saksama kepada semua tidak mengira kaum termasuk anak-anak Orang Asli untuk maju dalam bidang sukan. Ini turut melibatkan anak-anak Orang Asli yang berpotensi untuk diketengahkan bagi mewakili negara sehingga ke peringkat antarabangsa. Contohnya di bawah Program Persediaan Atlet Sukan Asia tahun 2006 yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara, seorang anak Orang Asli iaitu Norbaili Hakim menerusi sukan olahraga telah dipilih untuk diserapkan ke dalam program tersebut dan buat masa ini beliau ditempatkan di bawah program khas olahraga di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang. Program-program pembangunan yang lain terutama yang dilaksanakan di negeri dan peringkat daerah, seperti program pembangunan sukan pilihan dan Program Rakan Sukan turut memberikan peluang pendedahan kepada semua termasuk Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Belia dan Sukan belum bercadang untuk mengambil alih sekolah sukan di Bukit Jalil ataupun menubuhkan sekolah sukan yang khas untuk atlet sahaja. Walau bagaimanapun Kementerian Belia dan Sukan menerusi Majlis Sukan Negara sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan dalam usaha melaksanakan program pembangunan atlet-atlet di peringkat sekolah lagi.

Sebuah Jawatankuasa Bersama telah pun ditubuhkan bagi menyelaraskan dan melaksanakan program-program di sekolah. Ini adalah kerana sebahagian besar program pembangunan yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara melibatkan

kaum pelajar dan guru-guru sekolah . Bagi program di Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar ,Johor, Majlis Sukan Negara telah membantu dalam perkara-perkara berikut:-

- (i) latihan dan penyertaan dalam pertandingan bagi atlet-atlet terutama atlet elit dan pelapis yang terdapat di sekolah-sekolah yang berkenaan;
- (ii) penempatan jurulatih luar negara dan jurulatih tempatan sepenuh masa;
- (iii) bantuan pengajian dan tuisyen;
- (iv) makanan tambahan dan supplement;
- (v) khidmat sains dan perubatan sukan; dan
- (vi) pemilihan atlet-atlet berbakat dan berpotensi untuk memasuki Tingkatan Satu sekolah tersebut menerusi program mengenalpasti bakat atau talent identification dengan izin, dengan bantuan pakar-pakar dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa di atas kepercayaan kepada semangat 'Malaysia Boleh' Kementerian Belia dan Sukan di bawah Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab bagi menerajui dan mengangkat martabat generasi belia dan pembangunan sukan di negara ini dengan lebih cemerlang lagi untuk menghadapi cabaran abad ke 21 ini.

Akhir kata saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan teguran kepada Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan kali ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menjawab.

**11.55 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai fungsi dan tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Nosimah binti Hashim telah menyentuh tentang Akta Keganasan Rumahtangga dan kerjasama dengan pihak polis. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan dalam Akta Keganasan Rumahtangga 1994 telah menggariskan tugas dan tanggungjawab pegawai polis atau pegawai kebajikan masyarakat sebagai pegawai penguatkuasa mengikut Seksyen 19(a) hingga (e). Di samping itu seorang pegawai polis juga diberi kuasa tambahan iaitu menjelaskan kuasa penangkapan terhadap pesalah.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi melicinkan pengendalian mangsa-mangsa keganasan rumahtangga maka telah dipersetujui bahawa pegawai kebajikan masyarakat akan membantu mangsa mengikut peruntukan Seksyen 19(a) hingga (e) iaitu:

- (a) membantu mangsa membuat laporan;
- (b) menyediakan kemudahan pengangkutan bagi mangsa pergi ke tempat lebih selamat atau ke tempat perlindungan sekiranya perlu;
- (c) mengaturkan pengangkutan bagi mangsa pergi ke hospital atau tempat kemudahan perubatan sekiranya rawatan diperlukan;
- (d) menjelaskan kepada mangsa hak mendapatkan perlindungan; dan
- (e) mengiringi mangsa pulang ke rumah untuk mengambil barang keperluan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak polis akan bertindak ke atas orang yang menyebabkan kecederaan terhadap ahli keluarganya. Pembahagian tugas antara pegawai kebajikan masyarakat dan pegawai polis ini membolehkan mangsa mendapatkan perlindungan dan pihak polis mengambil tindakan terhadap pendera. Kerjasama dan persefahaman di antara kedua pihak sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi memastikan masyarakat mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Charern Intachat ingin mengetahui tentang rancangan dan program kementerian terhadap penumpuan semangat bersatu dan perpaduan di jiwa anak-anak kecil daripada semua kaum di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya melalui Jabatan Perpaduan Negara sentiasa berusaha untuk memantapkan lagi semangat bersatu dan

perpaduan di antara kaum di Malaysia. Terdapat tiga strategi utama iaitu penggalakan, pencegahan dan pemulihan, iaitu;

- (i) melalui strategi penggalakan perpaduan, usaha-usaha akan dipertingkatkan bagi memantapkan perpaduan di antara kaum untuk bergaul mesra dan berinteraksi dalam kegiatan kemasyarakatan melalui Skim Rukun Tetangga;
- (ii) melalui strategi pencegahan dilaksanakan, dilakukan aktiviti sistem pengesanan perhubungan sosial; dan
- (iii) strategi pemulihan, Jabatan Perpaduan Negara akan mengambil usaha-usaha bersepadu bagi memulihkan semula keadaan apabila berlaku sebarang konflik yang berunsur perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim mencadangkan supaya kerajaan menambahkan talian hot line untuk tujuan kaunseling dan khidmat kaunselor bagi menangani masalah salah laku di kalangan remaja, penderaan, HIV dan sebagainya dari terus berleluasa. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kementerian saya tidak ada menyediakan perkhidmatan kaunseling melalui talian hot line. Bagaimanapun Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menggalakkan serta membuat pemantauan terhadap perkhidmatan tersebut yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan NGO.

Buat masa ini Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya menyediakan perkhidmatan kaunseling secara langsung di pejabat-pejabat kebajikan peringkat negeri, daerah dan institusi-institusi kebajikan. Perkhidmatan tersebut diberikan oleh kaunselor-kaunselor jabatan yang berkelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani telah mengesyorkan Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat bancian terperinci setiap orang kerdil di negara kita dan memberi peluang kepada golongan ini untuk menikmati hidup yang normal seperti insan lain. Untuk makluman Yang Berhormat, orang kerdil adalah di dalam kategori kurang upaya anggota dan perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Setakat ini tiada perangkaan yang tepat berkenaan bilangan orang kerdil di negara ini. Mengikut daftar yang diselenggarakan oleh Pertubuhan Kebajikan Orang Kerdil Malaysia terdapat lebih kurang 2,000 orang menjadi ahli pertubuhan tersebut.

Walau bagaimanapun, melalui Banci Penduduk Tahun 2000 adalah diharapkan bilangan orang kerdil akan diperolehi. Oleh kerana golongan ini dikategorikan sebagai orang kurang upaya, mereka layak menikmati apa jua bantuan dan kemudahan yang disediakan untuk orang kurang upaya sama ada yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat atau lain-lain agensi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad minta kementerian menyatakan jumlah orang kurang upaya serta meminta ditambah bantuan kepada golongan ini. Beliau juga menyarankan supaya kementerian dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Belia dan Sukan memperbanyakkan program sukarela bagi mewujudkan masyarakat penyayang. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga November 1999 terdapat seramai 88,786 orang kurang upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Setakat ini tiada perangkaan yang tepat berkenaan bilangan orang yang kurang upaya di negara ini kerana pendaftaran adalah secara sukarela.

Walau bagaimanapun, melalui Banci Penduduk 2000 adalah diharapkan bilangan orang kurang upaya yang lebih tepat akan diperolehi. Mulai tahun ini kerajaan telah bersetuju menaikkan kadar bantuan kewangan kepada semua penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk juga orang kurang upaya. Sebagai contoh, elaun pekerja cacat telah dinaikkan dari RM70 sebulan kepada RM100 sebulan. Bantuan am bagi wang pertaruhan sahaja telah dinaikkan dari RM175 sebulan kepada RM250 sebulan. Untuk makluman Yang Berhormat Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menggalakkan penyertaan masyarakat dalam usaha membela nasib masyarakat yang kurang bernasib baik termasuk orang kurang upaya melalui konsep perkongsian bijak ke arah membantu masyarakat penyayang. Terdapat 68 buah pertubuhan sukarela yang diberi geran untuk merancang program dan aktiviti bagi orang kurang upaya.

Kementerian saya juga sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain...

**Tuan Zainal bin Rampak:** Yang Berhormat, minta laluan daripada saya.

**Tuan S. Veerasingam:** Ya.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Seperti mana kita bercerita soal orang cacat, orang kerdil peluang-peluang mereka untuk mendapatkan kerja memang susah oleh kerana keadaan mereka yang sudah semula jadi. Saya ingin tahu daripada kerajaan



sama ada kerajaan sudah membuat satu dasar mengehendkan certain percentage, dengan izin, peratus bagi sektor-sektor swasta, kerajaan mengambil orang-orang kerdil, kurang upaya, cacat bekerja dalam sektor-sektor yang sedemikian.

Kalau ini dapat diwujudkan, saya yakin kita akan dapat mengatasi masalah peluang-peluang pekerjaan orang-orang kerdil ini tidak dapat peluang bekerja dari menceburkan diri dalam perkembangan ekonomi negara, menikmati hidup dalam negara kita seperti mana juga orang-orang biasa. Bukan hanya sekadar kita harus memberi bantuan dari segi kewangan, mewujudkan beberapa peluang-peluang ekonomi yang ada, tetapi saya ingat satu jurusan lain, certain percentage harus diwujudkan dari segi dasar ataupun undang-undang bagi memastikan syarikat-syarikat swasta dan juga jabatan-jabatan kerajaan mengambil orang-orang kerdil ini untuk bekerja dalam jabatan-jabatan yang berkenaan. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Zainal Rampak yang telah menimbulkan masalah mendapat kerja bagi orang kurang upaya seperti orang-orang kerdil. Kementerian saya sendiri ada beberapa jenis pekerjaan, macam menyediakan sampul surat dan lain-lain di mana ramai orang kurang upaya bekerja dan dapat pendapatan lebih kurang RM10 satu hari dan apabila ada orang-orang kurang upaya bekerja di tempat-tempat pendapatan mereka kurang, perbelanjaan mereka kalau tidak mencukupi kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menampung dengan pemberian sebanyak RM100 tambahan sebulan.

Cadangan Yang Berhormat supaya mengadakan satu dasar adalah satu cadangan yang baik. Kita sentiasa merayu kepada syarikat-syarikat supaya memberi kerja kepada orang-orang kurang upaya dan ada syarikat-syarikat yang telah menawarkan kerja kepada orang-orang kurang upaya dan kami akan kaji cadangan Yang Berhormat supaya menjadikan satu dasar supaya semua kilang-kilang ataupun syarikat-syarikat besar termasuk jabatan-jabatan kerajaan memberi peluang kepada orang-orang kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin telah membangkitkan beberapa isu yang menyentuh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan kepentingan Orang Asli khasnya mengenai cadangan Yang Berhormat supaya nama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ditukar kepada Jabatan Pembangunan Orang Asli. Kementerian saya berpendapat bahawa nama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah

tidak perlu ditukar kepada Jabatan Pembangunan Orang Asli kerana fungsi jabatan meliputi aspek pengurusan kebajikan dan kemajuan masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia. Sekiranya jabatan hanya diminta menguruskan hal ehwal pembangunan Orang Asli sahaja maka fungsi kebajikan perlu diserahkan kepada satu agensi yang lain untuk menguruskannya.

Yang Berhormat yang sama juga membangkitkan mengenai komitmen kerajaan-kerajaan negeri terhadap kepentingan dan pembangunan Orang Asli dan kerajaan-kerajaan negeri sering meletakkan tanggungjawab ini kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli semata-mata. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya akan terus mengadakan perbincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri berkaitan dengan kebajikan dan pembangunan masyarakat Orang Asli dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Kementerian ini berharap kerajaan negeri akan memberikan kerjasama dalam usaha untuk membangunkan masyarakat Orang Asli yang berada dalam negeri masing-masing.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai soal pendidikan Orang Asli iaitu penubuhan tabung-tabung di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan penggunaan wang perlu untuk kebajikan pendidikan anak-anak Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memberikan bantuan pendidikan kepada anak-anak Orang Asli melalui sumber belanja mengurus jabatan termasuk pembiayaan bantuan pakaian seragam sekolah, pengangkutan ke sekolah, yuran-yuran persekolahan, alat-alat tulis, keperluan diri di asrama dan catuan makanan di pedalaman.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak dapat bergantung kepada tabung-tabung akaun amanah masyarakat Orang Asli kerana akaun-akaun amanah berkenaan tidak mempunyai dana yang banyak. Sungguhpun begitu, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan memastikan dana akaun amanah negeri-negeri akan digunakan secara lebih baik untuk tujuan pendidikan anak-anak Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan membuat kajian ke atas cadangan Yang Berhormat supaya ditubuhkan yayasan Orang Asli di peringkat kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan memberikan kritikan dan cadangan yang

berguna kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Kesihatan menjawab.

**12.08 tgh.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu membahaskan Belanjawan 2000 bagi Kementerian Kesihatan Malaysia di Dewan yang mulia ini. Izinkan saya memberi ulasan atas teguran-teguran yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim telah membangkitkan pengurangan peruntukan dibandingkan dengan tahun lepas iaitu RM330 juta kepada RM317 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 1999 Program Kesihatan Awam telah diperuntukkan peruntukan mengurus sebanyak RM737,897,656 dan jumlah perbelanjaan sebenar ialah RM737,266,499.65. Bagi tahun 2000 anggaran peruntukan yang diberikan kepada Program Kesihatan Awam adalah sebanyak RM727,976,060 dan ini tidak termasuk peruntukan untuk pembelian aset di mana bagi bagi tahun 2000 ianya diletakkan di bawah peruntukan 'One-Off'. Sebenarnya peruntukan bagi tahun 2000 tiada dikurangkan dari perbelanjaan sebenar tahun 1999. Bagaimanapun, jika terdapat keperluan untuk peruntukan tambahan akibat kejadian wabak penyakit, permohonan akan dibuat kepada pihak Perbendaharaan Malaysia, kebiasaan peruntukan tambahan akan diberikan.

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh telah menyatakan bahawa layanan di hospital kerajaan perlu diperbaiki. Kementerian Kesihatan amat prihatin mengenai isu layanan di hospital-hospital kerajaan dan kementerian telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan kualiti layanan. Salah satu daripadanya ialah Kursus Budaya Korporat yang dimulakan pada tahun 1991 yang menekankan aspek profesionalisme, kerja berpasukan dan sikap prihatin (caring culture), manakala pada tahun 1999 Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan Program Budaya Penyayang (Patient-Centred Service) yang memberikan penumpuan kepada pelanggan sebagai fokus perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman meminta Kementerian Kesihatan supaya mengkaji semula pelaksanaan projek-projek penswastaaan. Ini adalah berikutan dengan pengalaman beliau sendiri yang menghadapi kesukaran ketika menjalankan ujian jantung di Hospital Kuala Lumpur kerana peralatan yang digunakan tidak berfungsi sepenuhnya disebabkan oleh perkhidmatan yang diberi oleh Syarikat Radicare Sdn. Bhd. di dalam penyelenggaraan peralatan perubatan di hospital berkenaan tidak memuaskan.

Kementerian Kesihatan telah menswastakan khidmat sokongan hospital kepada tiga syarikat konsesi iaitu Faber Mediserve Sdn. Bhd., Radicare Sdn. Bhd. dan Tongkah Medivest Sdn. Bhd. iaitu mulai 1 Januari 1997. Salah satu perkhidmatan yang diswastakan ialah penyelenggaraan kejuruteraan biomedikal. Perjanjian konsesi yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan syarikat konsesi telah memperuntukkan satu mekanisme pemotongan yuran sekiranya syarikat konsesi gagal memberikan perkhidmatan yang memuaskan.

Beberapa masalah yang dihadapi di peringkat awal pelaksanaan telah dapat diatasi melalui perbincangan dan mesyuarat yang kerap diadakan di semua peringkat. Selain daripada masalah penyesuaian operasi syarikat kepada keperluan perjanjian, perlu dimaklumkan bahawa peralatan-peralatan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di hospital-hospital adalah peralatan lama dan usang yang sukar diselenggarakan kerana alat ganti tiada lagi dalam pasaran serta pembuat dan pembekal asal tidak dapat dikesan.

Walau bagaimanapun, syarikat konsesi telah berulang kali diberi peringatan supaya mengkaji semula operasi syarikat dan mengenalpasti kelemahan pelaksanaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. Selain itu, Kementerian Kesihatan turut aktif menjalankan aktiviti pengawalseliaan. Melalui mekanisme pemotongan yang diwujudkan, pihak kementerian akan memotong bayaran bagi setiap kelemahan perkhidmatan serta kerosakan alat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Hawa @ Karimah Mohd Nor meminta supaya Kementerian Kesihatan memeriksa tahap kebersihan bekalan air di negeri Kelantan kerana menurutnya air paip yang dibekalkan mengandungi karat. Beliau juga meminta pihak Kementerian Kesihatan mengkaji kesan terhadap kesihatan penduduk Kelantan akibat daripada penggunaan air yang berkarat tersebut. Kementerian Kesihatan melalui Program Pengawasan Mutu Air Minum Kebangsaan

yang telah mula dilaksanakan pada awal 80-an sentiasa mengawasi tahap kebersihan atau kualiti air yang dibekalkan kepada orang awam.

Pengawasan ini adalah bertujuan untuk memastikan air yang dibekalkan kepada pengguna adalah selamat untuk digunakan. Dari data-data pengawasan yang telah dijalankan menunjukkan paras ferum (iron) dan mangan (manganese) di dalam air yang dibekalkan di kebanyakan tempat di Kelantan adalah tinggi dan kemungkinan bahan-bahan inilah yang menyebabkan warna karat sebagaimana yang dinyatakan. Kandungan ferum dan mangan yang tinggi di dalam air adalah berpunca terutamanya daripada sumber air bawah tanah. Ini kerana air bawah tanah secara semula jadi di Kelantan mempunyai kandungan ferum dan mangan yang tinggi dan negeri Kelantan merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang menggunakan air di bawah tanah sebagai sumber air mentah secara meluas.

Menyedari akan keadaan ini, Kementerian Kesihatan telah berhubung dengan pihak yang bertanggungjawab membekal air di Kelantan supaya mengatasi masalah tersebut. Berdasarkan kajian-kajian pakar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kandungan ferum dan mangan yang tinggi di dalam air boleh menyebabkan masalah warna dan rasa. Ini boleh mengotorkan pakaian yang dibasuh. Walau bagaimanapun, menurut pakar-pakar tersebut keadaan ini tidak menyebabkan sebarang ancaman kesihatan yang serius kepada manusia. Kementerian Kesihatan akan terus mengawasi keadaan ini dan menggesa pihak yang bertanggungjawab melaksanakan langkah-langkah mempertingkatkan kualiti air di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal Mohd Nawi meminta Kementerian Kesihatan supaya hospital-hospital baru yang lengkap dengan peralatan-peralatan perubatan canggih digunakan sepenuhnya untuk kesejahteraan rakyat. Beliau juga meminta supaya pakar-pakar perubatan ditempatkan di hospital-hospital baru itu. Beliau juga meminta agar pihak Kementerian Kesihatan mengkaji keperluan penempatan pakar-pakar perubatan di hospital-hospital seperti Hospital Lumut dan Hospital Batu Gajah.

Dalam perancangan Kementerian Kesihatan, hospital-hospital yang dikenalpasti sebagai hospital dengan perkhidmatan kepakaran akan menyediakan tujuh kepakaran asas seperti bidang perubatan, pembedahan, pediatrik, radiologi, patologi, bius, perbidanan dan sakit puan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan

perkhidmatan kepakaran ini bergantung kepada jumlah bilangan pakar-pakar yang ada dan akan diagihkan mengikut keutamaan dan keperluan perkhidmatan perubatan.

Hospital Lumut telah diambil alih oleh Hospital Sri Manjung pada tahun 1994 dan pada masa ini mempunyai enam orang pakar dalam bidang perubatan, pembedahan, pediatrik, radiologi, bius, perbidanan dan sakit puan. Untuk makluman Yang Berhormat, jarak Hospital Batu Gajah hanya 17 kilometer dari Hospital Ipoh. Jaraknya yang berhampiran dengan Hospital Ipoh membolehkan perkhidmatan kepakaran disediakan melalui sistem rangkaian hospital-hospital dari Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail telah membangkitkan isu keselamatan makanan terutamanya makanan yang diimport perlu diberi perhatian yang serius oleh kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan. Didapati terdapat makanan yang diimport seperti buah epal yang mempunyai pengawet sulfur. Ini kerana terdapat dakwaan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang menyatakan analisis makanan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan analisa kimia oleh Jabatan Kimia tidak dilakukan secara terperinci.

Menurut beliau, Kementerian Kesihatan perlu bersikap lebih terbuka dalam menangani masalah ini. Kerjasama dengan agensi lain seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Perusahaan dan Kementerian Dalam Negeri perlu ada. Agensi-agensi tidak sepatutnya bersikap menuding jari antara satu dengan lain. Tambah beliau lagi, tindakan yang sepatutnya diambil oleh kementerian berkaitan ialah dengan mengadakan pemeriksaan ke atas sistem saringan dan analisis makanan sedia ada. Akhir sekali, satu jawatankuasa perlu ditubuh untuk mengatasi masalah ini secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian serius terhadap keselamatan makanan termasuk makanan yang diimport. Penguatkuasaan sentiasa dijalankan oleh pihak kementerian ke atas makanan yang diimport di semua pintu masuk dengan mengambil sampel untuk menganalisis tahap kandungan bahan kimia bagi memastikan makanan import mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. Pemantauan yang dijalankan oleh makmal-makmal pihak Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kimia Negara adalah berdasarkan bahan kimia bermasalah yang dikenalpasti dan data perlanggaran yang lalu.

Memandangkan isu-isu keselamatan makanan melibatkan pelbagai kementerian dan agensi lain dan ia mempunyai implikasi ke atas kesihatan, perdagangan dan ekonomi negara, kementerian ini sedang dalam proses menyediakan memorandum Jemaah Menteri untuk menubuhkan satu Majlis Penasihat Keselamatan Makanan yang telah dipersetujui oleh kementerian dan agensi-agensi berkenaan. Majlis penasihat tertinggi ini akan menangani semua perkara berhubung dengan keselamatan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Parasuraman a/l Sanasamy dan Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten telah menyuarakan rasa kebimbangan beliau terhadap peningkatan kes-kes Malaria dan Batuk Kering.

Di Malaysia seramai 14,907 kes baru Tuberculosis (Tibi atau Batuk Kering) telah dikesan pada tahun 1999. Ini merupakan 0.07% dari jumlah penduduk negara ini. Setiap hari seramai 40 kes baru Tibi dikesan dengan 2 kematian. Setiap tahun pula terdapat purata peningkatan kes baru seramai 770 orang yang dikesan.

Bagi menangani masalah Tibi agar tidak menjadi masalah kesihatan masyarakat, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa langkah dan strategi di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah seperti berikut:

- (i) Mempertingkatkan aktiviti pendidikan kesihatan kepada orang ramai bagi mengenal tanda-tanda awal penyakit Tibi.
- (ii) Membuat pemeriksaan saringan di klinik-klinik kesihatan dan hospital bagi kes-kes yang mempunyai tanda-tanda penyakit Tibi dan bagi yang berisiko tinggi.
- (iii) Menjalani saringan kesihatan secara mandatori ke atas pekerja-pekerja asing yang ingin memohon permit kerja di Malaysia.
- (iv) Memperkukuhkan pemantauan rawatan Tibi melalui kaedah penyeliaan rawatan rapi (Direct Observed Therapy) dengan menggunakan sukarelawan yang terlatih.
- (v) Menggunakan sistem inspektorat untuk mengesan kontek dan pesakit Tibi yang engkar rawatan.
- (vi) Mempergiatkan aktiviti pelalian BCG kepada bayi-bayi dan kanak-kanak terutama kepada kalangan Orang Asli Semenanjung dan peribumi Sabah dan Sarawak.

- (vii) Mempertingkatkan aktiviti latihan kepada kakitangan kesihatan dan sukarelawan.
- (viii) Mendapatkan bantuan dan kerjasama dari badan-badan bukan kerajaan, badan korporat serta pengamal-pengamal perubatan swasta dan hospital swasta untuk sama-sama membantu dalam aktiviti pendidikan kesihatan dan penyeliaan rawatan kes Tibi.

Mengenai kejadian malaria pula pada keseluruhan kejadian Malaria telah berkurangan di seluruh negara. Kadar insiden penyakit Malaria telah berkurangan dari 298.9 setiap 100,000 penduduk pada tahun 1995 kepada 48.9 setiap 100,000 penduduk pada tahun lalu. Bagaimanapun, diperhatikan kejadian Malaria berlaku semula di beberapa tempat di kawasan bandar seperti Bandar Batu Pahat, Pekan Kuala Kubu dan Pulau Pinang. Kejadian Malaria di kawasan tersebut berlaku di kalangan pekerja asing.

Kementerian sekarang sedang mempertingkatkan usaha bagi membasmi penyakit ini terutama di kawasan bandar. Tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi mengawal kejadian Malaria adalah antaranya:

- (i) Mempertingkatkan pengesanan penyakit Malaria di semua kawasan berpotensi terutama di kalangan pekerja asing yang bekerja di kawasan berisiko tinggi seperti projek pembangunan di kawasan lereng bukit, projek pembukaan tanah dan projek tanam semula di sektor pertanian.
- (ii) Membuat pemeriksaan saringan mandatori kepada semua pekerja asing yang memohon permit kerja.
- (iii) Mengesan dan memberi rawatan kepada kes yang didapati positif malaria.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Zainal bin Rampak:** Soalan tambahan, saya nak tanya sedikit. Soal pekerja asing, nampaknya dari segi penyakit Tibi, Malaria bertambah di negara kita. Pada satu ketika dulu, kita tahu penyakit Tibi dan Malaria telah berkurangan, hampir pupus dari penyakit tapi dengan kemasukan pekerja asing nampaknya penyakit Tibi dan Malaria telah bertambah dengannya. Kata Yang Berhormat tadi jika pekerja asing ingin memohon kerja dalam negara kita, diadakan pemeriksaan kesihatan dan



sebagainya. Saya nak tahu, setelah mereka masuk dan berapa kekerapan kalikah pihak Kementerian Kesihatan mengadakan pemeriksaan di premis-premis kedai makanan yang menjual makanan biasa macam fast food dan sebagainya di restoran dan juga tempat-tempat construction industry, dengan izin, pembinaan-pembinaan bangunan. Berapa kekerapan kalikah diadakan pemeriksaan sama ada pemeriksaan kesihatan diadakan sekali waktu mereka masuk atau akan diadakan pada tiap-tiap tiga bulan sekali atau enam bulan sekali bagi memastikan kesihatan mereka ini sentiasa dalam keadaan yang baik dan penyakitnya tidak memudaratkan pada penduduk-penduduk dalam negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang nyata bahawa pada tahun 1998, 11.5 pendatang asing sebagai penyumbang kepada peningkatan penyakit Tibi dan lain-lain penyakit yang berjangkit dan oleh kerana itu kementerian memberi sebagai satu keharusan mandatori untuk pemeriksaan ini dan pemeriksaan dibuat di bawah Kementerian Dalam Negeri dan setiap kali mereka diterima bekerja mereka perlulah mendapat screening keseluruhan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bukan oleh kerana 11.5 sebagai peningkatan pekerja asing dalam penyebaran penyakit perlulah dibuat dari masa ke semasa dan ini perlu menjadi satu keharusan bagi kerajaan membuat demikian. Terima kasih Yang Berhormat. Saya sambung.

- (iv) Peningkatan kawalan nyamuk tiruk (vektor) pembawa parasit Malaria di kawasan bermasalah Malaria melalui semburan ubat serangga di dalam rumah dan semburan ubat jentik-jentik di dalam parit-parit yang berpotensi pembiakan nyamuk tiruk. Semburan kabus dijalankan bagi kawasan yang berlaku wabak. Manakala penduduk yang tinggal di kawasan bermasalah malaria seperti Orang Asli dan penduduk di kawasan pendalaman di Sabah dan Sarawak diberi kelambu berubat bagi mencegah daripada gigitan nyamuk di waktu malam.

Tuan Yang diPertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sekian sahaja jawapan yang dapat saya berikan di atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika dalam jawapan ini

tidak dapat menyentuh teguran tersebut atau tidak dapat dijawab, saya akan mengambil perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan?

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, minta sikit lagi tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Saya ingin menyatakan bahawa klinik-klinik awam amat berkurangan, contohnya Bukit Bendera di kawasan saya, kawasan bandar boleh dikatakan, di Batu Feringgi, pusat pelancongan tidak ada klinik awam. Di Tanjong Tokong yang penduduknya lebih daripada 10,000 orang tidak ada klinik awam. Tetapi di tempat-tempat ini Yang Berhormat, ada klinik bidan - mungkin depa galak orang melahirkan anak lagilah. Klinik bidan ini boleh atau tidak ditingkatkan menjadikan klinik awam di mana bab-bab perbidanan dan sakit puan itu dijadikan sebahagian daripada klinik itu supaya orang ramai boleh menggunakan klinik itu. Itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat. Menurut laporan yang saya terima, memang kawasan Yang Berhormat sebut, Batu Feringgi dan Bukit Bendera akan diadakan poliklinik, syabas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menjawab.

**12.32 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Tuan Rizalman bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Kementerian Pembangunan Usahawan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Belanjawan 2000 khususnya yang ada kaitan dengan kementerian saya.

Yang pertamanya, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah mencadangkan supaya Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ditubuhkan di setiap negeri bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam beroperasi mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan mengambil maklum cadangan tersebut dan ia adalah merupakan satu cadangan yang baik. Ini akan membolehkan rakyat berhubung dengan lebih dekat dan cepat.

Bagaimanapun, pembukaan cawangan LPKP di setiap negeri akan melibatkan perbelanjaan yang besar dari segi penyediaan ruang pejabat dan juga peruntukan pegawai dan kakitangan. Kementerian akan mengkaji kesesuaian dan keperluan untuk melaksanakan cadangan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan telah meminta supaya kementerian menilai semula kedudukan permit pemandu teksi yang menyokong parti pembangkang.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya terdapat perlakuan yang sedemikian, nasihat dan ingatan akan diberikan agar tidak mengulangi perlakuan yang sama. Pemantauan dan juga penguatkuasaan sentiasa dijalankan untuk memastikan kenderaan perkhidmatan awam tidak disalahgunakan untuk tujuan yang lain.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli juga membangkitkan supaya pemberian kelulusan pendaftaran kontraktor bumiputera mengambil kira kontraktor yang menyokong parti pembangkang. Sebenarnya pendaftaran kontraktor bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor tertakluk kepada syarat-syarat pendaftaran yang ditetapkan. PKK akan meneliti semua aspek-aspek seperti modal, kelulusan teknikal, pengalaman, rekod kerja serta penglibatan pengarah dan ahli-ahli pengurusan dalam menimbang permohonan pendaftaran. Mengenai dengan pemberian projek, perkara ini adalah di luar bidang kuasa PKK dan ia dilakukan oleh agensi-agensinya pelaksana.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu, menyarankan supaya mengatasi masalah pengangguran yang berjumlah 39,000 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat, matlamat MARA adalah untuk mewujudkan dan menambah bilangan usahawan bumiputera serta meningkatkan usaha niaga bumiputera dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan ke arah pembentukan masyarakat peniaga bumiputera yang berjaya dan kukuh. Untuk mencapai matlamat ini aktiviti ditumpukan kepada program pembangunan usahawan merangkumi aktiviti pembiayaan perniagaan, penyediaan premis perniagaan dan juga latihan keusahawanan. Di bawah aktiviti latihan keusahawanan sebanyak enam jenis perkhidmatan utama disediakan, iaitu latihan melalui kursus-kursus perniagaan, program perintisan, khidmat runding cara, promosi pemasaran, latihan di pusat usahawan teknikal serta menyediakan kemudahan-kemudahan dan latihan di pusat sumber teknologi perabot.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh setakat 31 Disember 1999, melalui enam jenis aktiviti tersebut, seramai 47,866 usahawan bumiputera telah menikmati kemudahan ini. Berdasarkan program semasa, MARA telah melatih 11,966 usahawan dalam setahun bagi melatih sebahagian daripada 39,000 orang yang menganggur. MARA memerlukan sedikit tambahan masa untuk membolehkan program latihan keusahawanan dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar mencapai matlamat yang diharapkan. Daripada penelitian pihak kami bahawa bilangan usahawan siswazah yang menyertai program MARA masih kecil dan penyertaan mereka amatlah dialu-alukan.

Mengenai dengan seramai 39,000 orang yang dikatakan menganggur itu, Yang Berhormat merujuk kepada kalangan siswazah seperti yang dilaporkan di dalam akhbar tempatan tidak berapa lama dahulu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan sebenarnya ada mewujudkan satu skim usahawan siswazah di mana kementerian memberikan latihan perniagaan kepada siswazah, mengaturkan mereka di sebuah syarikat bagi menjalani latihan sambil belajar dan menyediakan satu skim pinjaman kewangan bagi mereka yang hendak memohon dan memulakan perniagaan. Seramai 2,798 orang siswazah telah membuat permohonan sehingga akhir April 2000. Daripada jumlah ini seramai 883 orang telah mengikuti latihan asas keusahawanan selama 6 hari 5 malam. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk tabung usahawan siswazah yang ditadbirkan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad. Sehingga kini sebanyak 59 permohonan telah diluluskan yang melibatkan pembiayaan sejumlah RM4.9 juta. Program ini akan dipertingkatkan lagi bagi menambah bilangan usahawan serta masalah pengangguran di kalangan siswazah. Kementerian ini juga akan mempergiatkan lagi skim ini bagi memberi peluang lebih ramai siswazah mendapat latihan dan memulakan perniagaan. Dalam pada itu, kementerian ini juga akan cuba mendapat kerjasama MARA bagi melatih mereka dalam bidang keusahawanan.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail telah membangkitkan isu nasib pemandu-pemandu teksi di bawah konsep sewa pajak. Sebenarnya adalah tidak benar kementerian tidak memberi perhatian ke atas nasib pemandu teksi. Kementerian saya telah dan akan meneruskan langkah-langkah membela nasib mereka. Langkah-langkah yang telah diambil dan akan diteruskan ialah memantau perkhidmatan teksi

terutamanya di kalangan syarikat-syarikat bagi memastikan syarat-syarat sewaan yang dikenakan kepada pemandu adalah tidak keterlaluan dan hanya menguntungkan syarikat atau pengusaha sahaja.

Kementerian ini juga sedang mengkaji kaedah bagaimana pemandu-pemandu teksi boleh dijadikan sebagai pekerja kepada syarikat atau pengusaha teksi. Pada peringkat awalnya, Kementerian Pembangunan Usahawan juga telah mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat teksi ke arah menyeragamkan perjanjian serta syarat-syarat sewa beli dan lain-lain kemudahan yang disediakan. Selain daripada itu, sesuai dengan keputusan kerajaan, kementerian ini akan mengeluarkan lesen-lesen teksi tambahan khas untuk individu dengan syarat mereka mengusahakan dan memandu sendiri teksi berkenaan. Serentak dengan itu juga, kementerian akan mengambil tindakan tegas ke atas pemilik lesen yang memajak lesen mereka termasuk langkah-langkah membatalkan lesen dengan memberikannya kepada pemandu teksi yang layak.

Selain dari tindakan yang diambil di atas dalam usaha membantu pemandu-pemandu teksi, kementerian juga sedang menyediakan kaedah untuk membolehkan pemandu-pemandu teksi syarikat yang telah memandu selama lima tahun dan lebih dengan syarikat-syarikat dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik untuk membuat permohonan bagi mendapatkan lesen teksi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Charern Intachat ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Intachat.

**Tuan Rizalman bin Abdullah:** ....minta maaf, sebutan [*Ketawa*] - Yang Berhormat Dato' Charern telah meminta Kementerian Pembangunan Usahawan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar keturunan Thai yang berkelayakan untuk memasuki Maktab Rendah Sains MARA dan juga Universiti Teknologi MARA. Bagi kemasukan ke Maktab Rendah Sains MARA, selain dari kelayakan akademik yang telah ditetapkan, calon yang memohon mestilah bumiputera warganegara Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail juga telah menyeru agar MARA tidak mengambil tindakan memfliskan usahawan yang mengalami kesusahan akibat kegawatan ekonomi. MARA pada umumnya, jarang sekali mengambil tindakan memfliskan peminjam-peminjam kecuali jika didapati peminjam tersebut berkemampuan tetapi sengaja enggan membayar balik pinjaman mereka. Lazimnya, dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap pinjaman,

MARA selalu mengambil kira kemampuan mereka untuk membayar balik, susulan dan siasatan akan dibuat terlebih dahulu untuk mengetahui kedudukan kewangan mereka bagi memastikan tindakan yang akan diambil nanti tidak menganiaya peminjam.

Bagi peminjam yang kurang berkemampuan perundingan dengan peminjam akan dilakukan untuk menjadualkan semula bayaran balik pinjaman. Misalnya, dalam tahun 1999 daripada 65,210 kes tindakan penguatkuasaan dan salah perlanggaran syarat pinjaman, hanya 6,126 kes atau 9% sahaja yang berada di peringkat mahkamah, selebihnya iaitu 323 kes melibatkan cagar tanah dan 4,891 kes pula telah dihapus kira dan telah diselesaikan, manakala 53,870 kes lagi masih di peringkat pratindakan yang mana pihak MARA akan membuat susulan, siasatan dan seterusnya rundingan dengan peminjam bagi mengatasi masalah mereka.

Yang Berhormat Senator Zainal Rampak juga telah mengesyorkan agar sistem sewa pajak dihapus terus dan diganti dengan sistem di mana pemandu teksi bekerja di bawah syarikat. Kementerian Pembangunan Usahawan sedang mengkaji kaedah berhubung cadangan supaya pemandu-pemandu teksi boleh dijadikan sebagai pekerja syarikat. Tindakan ini adalah ke arah menghapuskan sistem sewa atau pajak yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan perbincangan ke atas Belanjawan, dan bagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan Kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Akhirnya saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

**12.44 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah menyatakan sokongan dan mengemukakan pandangan mengenai isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan semasa membahaskan ucapan Belanjawan 2000.

Saya akan memberi maklum balas seberapa banyak yang boleh kepada isu-isu permasalahan yang ditujukan kepada Kementerian Kewangan. Namun begitu, bagi isu-isu yang tidak sempat saya memberi maklum balas pada hari ini, saya ingin

menegaskan bahawa Kementerian Kewangan akan memberi perhatian kepada semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany ingin mendapat penjelasan berhubung dengan pendirian kerajaan mengenai penetapan kadar pertukaran RM3.80 berbanding dengan USD1.

Pada jangka masa sederhana dan jangka panjang berdasarkan perkembangan dalam kewangan dan proses globalisasi di samping terdapatnya laporan bahawa nilai tersebut adalah dengan izin, under value. Berhubung dengan perkara ini suka saya maklumkan bahawa kadar pertukaran mata wang Ringgit semasa iaitu pada kadar RM3.80 berbanding USD1 telah memberi manfaat kepada ekonomi negara. Antaranya ialah ekonomi negara termasuk pasaran kewangan kini adalah stabil di mana kestabilan ini telah membantu pemulihan ekonomi dalam membolehkan usaha-usaha pemulihan ekonomi berjalan dengan lebih lancar lagi.

Perdagangan luar negara telah terus mencatat lebih sebanyak RM72.3 bilion pada tahun 1999 dan RM9.1 bilion pada dua bulan pertama tahun 2000. Sementara itu rizab antarabangsa juga telah meningkat sebanyak USD14.2 bilion dari bulan Ogos 1998 kepada USD34.4 bilion pada 14 April 2000 dan kadar inflasi telah menurun kepada 2.8% dalam tahun 1999 kepada 1.5% pada bulan Mac 2000 berbanding dengan 5.3% pada tahun 1998.

Kerajaan akan terus mengekalkan kadar pertukaran Ringgit semasa kerana tiada sebab yang konkrit untuk kerajaan mengkaji semula kadar pertukaran Ringgit tersebut. Perubahan nilai Dolar Amerika Syarikat dalam pasaran mata wang asing adalah normal dan bukanlah perubahan asas dalam trend yang memerlukan kadar pertukaran Ringgit atau dengan izin, 'pet itu diubah'. Namun demikian, perkembangan di dalam dan di luar negeri yang mungkin mempunyai kesan besar ke atas dasar dan kadar pertukaran Ringgit akan terus diawasi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu mengenai perbankan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany, Yang Berhormat Tuan Lim Eng Kok, Yang Berhormat Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim, Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail. Isu-isu yang dibangkitkan ialah mengenai jumlah pekerja yang

diberhentikan akibat daripada penggabungan bank meminta Bank Negara menetapkan syarat kepada institusi peminjam supaya penjamin tidak dibebankan dalam usaha mendapatkan semula pinjaman, mencadangkan penggabungan bank berteraskan syarak dan usaha-usaha diambil dalam menangani masalah kecurian wang melalui ATM.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini lima penggabungan di antara bank-bank telah pun dilaksanakan dengan jayanya, penggabungan tersebut melibatkan Bank of Commerce (M) Berhad dengan United Asian Bank, DCB Bank Berhad dengan Kwong Yik Bank Berhad, United Overseas Bank Berhad dengan Chung Kiaw Bank Berhad, RHB Bank Berhad dengan Sime Bank Berhad dan Bank Bumiputra Berhad dengan Bank of Commerce (M) Berhad.

Di dalam pelaksanaan cadangan penggabungan tersebut tiada seorang pekerja pun yang telah diberhentikan kerja secara paksa. Pemberhentian kerja hanya dilaksanakan melalui Skim Pemisahan Sukarela di mana pekerja ditawarkan pampasan kewangan berasaskan tempoh kerja mereka jika sebilangan mereka memilih untuk menamatkan perkhidmatan mereka. Kerajaan telah memberi jaminan bahawa di bawah Program Penggabungan Institusi Perbankan Tempatan tiada kakitangan yang akan ditamatkan perkhidmatan mereka menerusi pemberhentian perkhidmatan secara paksa dan sebarang rasionalisasi kakitangan. Sekiranya ada akan hanya dibuat menerusi Skim Pemisahan Sukarela.

Di samping itu, dengan tahap pemulihan ekonomi yang cepat pada masa ini sebarang lebih kakitangan di sektor perbankan akan dapat diserap oleh sektor-sektor ekonomi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya Bank Negara menetapkan syarat kepada institusi pinjaman supaya penjamin tidak dibebankan dalam usaha institusi pinjaman tersebut mendapatkan semula pinjaman dan pindaan undang-undang dibuat untuk melindungi penjamin, suka saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam usaha melindungi kepentingan para penjamin Bank Negara telah mengeluarkan satu garis panduan kepada semua institusi perbankan pada tahun 1995.

Garis panduan tersebut menghendaki institusi perbankan menghabiskan segala ikhtiar dalam mendapatkan balik wang pinjaman daripada peminjam terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan ke atas penjamin.



Walau bagaimanapun, garis panduan tersebut tidak terpakai bagi pinjaman yang melebihi RM200,000 pinjaman kepada perbadanan korporat atau suami isteri peminjam dan penjamin yang dengan sukarelanya memberi persetujuan bertulis untuk melepaskan haknya di bawah garis panduan tersebut. Bank Negara, persatuan-persatuan bank dalam Malaysia dan persatuan syarikat-syarikat kewangan di Malaysia juga akan meningkatkan kempen untuk menyedarkan orang ramai berhubung dengan perkara ini.

Pada masa yang sama Bank Negara akan menyemak garis panduan di atas bagi meneliti kemungkinan mempertingkatkan tahap perlindungan ke atas penjamin tanpa menjejaskan kepentingan institusi-institusi perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, aduan mengenai amalan tidak adil oleh institusi perbankan yang mengambil tindakan ke atas penjamin boleh dirujuk kepada Biro Perantaraan Perbankan (BPP) yang ditubuhkan untuk menyelesaikan pertikaian di antara pihak institusi perbankan dan pelanggan. Untuk makluman sejak penubuhan BPP pada tahun 1997, hanya lima aduan telah diterima mengenai perkara ini.

Mengenai cadangan supaya penggabungan bank dibuat berteraskan syarak untuk membolehkan bank-bank berkenaan bersaing selaras dengan liberalisasi pasaran modal, dimaklumkan bahawa sehingga kini Bank Negara belum bercadang untuk membuat sebarang dasar berhubung penggabungan Bank Islam di Malaysia. Ini adalah kerana ketika ini hanya terdapat dua Bank Islam sahaja di Malaysia. Tambahan pula Bank Islam yang kedua iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad ditubuhkan pada 1 Oktober 1999 hasil daripada penggabungan operasi perbankan Islam, Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan Bank of Commerce (M) Berhad. Walau bagaimanapun, Bank Negara akan sentiasa meningkatkan daya saing mereka bagi menghadapi proses liberisasi pasaran.

Mengenai usaha-usaha yang diambil untuk menangani kehilangan wang melalui ATM. Dimaklumkan bahawa Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan kepada institusi perbankan pada 29 Mac 2000 yang menghendaki institusi-institusi perbankan meningkatkan tahap keselamatan dan memberi keutamaan kepada pelanggan. Sebarang aduan mengenai penipuan melalui ATM boleh dikemukakan kepada Biro Perantaraan Perbankan untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk T. Marimuthu juga telah membangkitkan mengenai ekonomi yang memberi tumpuan kepada ekonomi yang

berteraskan pengetahuan dan pertumbuhan di bidang-bidang baru bagi menghasilkan nilai baru dalam ekonomi. Saya ucapkan terima kasih atas sokongan dan pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, pelan induk k-ekonomi pada masa ini sedang disediakan. Pelan tersebut akan menggariskan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan bagi negara beralih ke arah k-ekonomi pada akhir tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Lee Pit Chern supaya kerajaan menaikkan kadar maksimum rebate cukai pendapatan kepada ibu bapa yang bekerja di tempat-tempat yang tidak menyediakan pusat penjagaan anak-anak, suka saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa kerana di dalam Belanjawan 2000 baru-baru ini telah meningkatkan pelepasan diri bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan individu daripada RM5,000 kepada RM8,000. Langkah ini menyebabkan kerajaan kehilangan hasil sebanyak RM348 juta. Langkah tersebut di samping penurunan kadar cukai pendapatan individu sebanyak 1 mata peratus di semua peringkat telah mengakibatkan seramai 213 ribu orang atau lebih 15% daripada jumlah pembayar cukai tidak akan lagi membayar cukai.

Dengan itu, mereka yang berpendapatan kira-kira RM1400 bagi seorang bujang dan RM2,100 bagi yang telah berkahwin serta mempunyai dua orang anak tidak lagi perlu membayar cukai. Berdasarkan pada kehilangan hasil tersebut, kerajaan pada masa ini belum bersedia untuk menanggung kehilangan hasil yang lebih besar lagi. Oleh itu kerajaan belum bercadang untuk memberi sebarang pelepasan tambahan termasuk rebate khas kepada ibu bapa yang bekerja sama ada di tempat-tempat yang menyediakan atau tidak menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak.

Mengenai cadangan supaya kadar tol lebuhraya dikurangkan bagi menggalakkan perkembangan sektor pelancongan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak yang mana kita semua sedia maklum, salah satu tujuan pembinaan infrastruktur jalan raya ialah bagi membuka kawasan pembangunan baru termasuk kawasan pelancongan dengan adanya lebuhraya, jalan raya ini perjalanan ke destinasi tersebut adalah lebih selamat, selesa dan ekonomik.

Berdasarkan kepada ciri-ciri yang terdapat di lebuhraya bertol pengguna mendapat banyak faedah antaranya keselamatan pengguna adalah lebih terjamin, penjimatan masa perjalanan, penjimatan kos operasi kenderaan dan peningkatan

kualiti alam sekitar. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan sektor pelancongan negara. Walau bagaimanapun, oleh kerana kos pembinaan infrastruktur yang tinggi dan kerajaan tidak mampu menyediakan semua kemudahan infrastruktur tersebut maka sebahagian daripadanya dilaksanakan secara penswastaan.

Mengikut amalan biasa penetapan kadar tol mengambil kira pelaburan dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat konsensi dan pada masa yang sama kadar tol tersebut tidak membebankan pengguna. Dalam hal ini kadar bayaran tol bagi setiap kilometer perjalanan bagi lebuhraya-lebuhraya di Malaysia adalah berbeza-beza bergantung kepada kos pembinaan, bantuan kerajaan seperti pinjaman sokongan, sokongan trafik dan juga pembayaran balik tanah sekiranya ada.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini beberapa lebuhraya telah pun diturunkan kadar tol seperti Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Damansara-Puchong, Lebuhraya Sungai Besi dan Lebuhraya Karak. Penurunan kadar tol ini telah menyebabkan kerajaan terpaksa membayar pampasan mengikut perbezaan kadar tol yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Oleh yang demikian, jika kadar tol lebuhraya diturunkan lagi maka ini akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan untuk membayar pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi di lebuhraya berkenaan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya kadar bayaran pencen dinaikkan sekurang-kurangnya RM500 sebulan bagi kakitangan kumpulan sokongan, suka saya hendak jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa pencen terendah yang dibayar sekarang pada pesara yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 25 tahun ialah RM180 sebulan sebagaimana yang diturunkan dalam peruntukan Undang-undang Pencen. Walau bagaimanapun, pada masa ini kajian sedang dijalankan bagi menentukan kadar pencen terendah yang munasabah dengan mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu telah dibangkitkan dalam bidang KWSP mengenai cadangan supaya Kementerian Kewangan mengistiharkan kadar dividen selaras dengan kadar yang dicadangkan oleh Lembaga Pengarah KWSP. Suka saya jelaskan bahawa dalam keadaan tertentu kadar dividen yang dicadangkan oleh Lembaga Pengarah KWSP tidak semestinya diterima khususnya apabila melibatkan lebih terkumpul.

Mengenai cadangan supaya kadar dividen KWSP dibayar mengikut tiga peringkat iaitu caruman kurang daripada RM1000 pada kadar 1% lebih tinggi, caruman RM1000 ribu hingga RM250 ribu kepada kadar setengah % lebih tinggi dan caruman RM250 ribu ke atas pada kadar asas. Di maklumkan bahawa asas kiraan dividen bagi satu tahun ialah peratusan pendapatan bersih bagi satu tahun ke atas jumlah caruman terkumpul. Cara ini membolehkan caruman mendapat dividen yang sama rata. Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat memerlukan kajian lanjut kerana ia menimbulkan diskriminasi kepada ahli-ahli.

Berhubung dengan cadangan supaya pekerja wanita yang bersara pilihan pada umur kurang 50 tahun dibenarkan mengeluarkan caruman KWSP sebagai modal persediaan mencebur diri dalam kegiatan ekonomi, dimaklumkan bahawa hanya kakitangan awam yang telah diletakkan di bawah skim pencen boleh mengeluarkan simpanan mereka dari KWSP mulai 1 Julai 2000. Bagi kakitangan awam yang memilih skim KWSP, kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan mereka mengeluarkan caruman sebelum mencapai umur 55 tahun. Walau bagaimanapun, memang ada kemudahan yang disediakan bagi membolehkan golongan wanita mendapatkan modal persediaan untuk menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi. Umpamanya *Credit 'Guaranty' Corporation* (CGC) sebuah bank anak syarikat Bank Negara mengendalikan pinjaman tabung usahawan kecil (TUK) bagi membantu usahawan kecil mendapatkan pinjaman dengan kos yang rendah kepada usahawan wanita untuk mendapatkan pinjaman di antara RM20 ribu hingga RM50 ribu.

Mengenai cadangan supaya Kerajaan Malaysia mendesak Kerajaan Singapura menyelesaikan isu-isu berkaitan Central Provident Fund (CPF) sebagai balasan ikhlas Kerajaan Malaysia menyelesaikan isu CLOB. Dimaklumkan bahawa perkara ini masih dalam peringkat perundingan di antara kedua-dua kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, pandangan dan cadangan semasa membahaskan Belanjawan 2000 seperti yang saya jelaskan di awal ucapan saya, kesemuanya ini membina yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan akan diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil supaya Kementerian Kewangan dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup. Selepas makan tengah hari Yang Berhormat akan sambung. Majlis ini ditempokkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

*Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

## **RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN) 2000**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.32 ptg.**

**Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976, Akta 173 bagi antara lain menaikkan taraf Institut Teknologi MARA kepada universiti; menukar nama Institut Teknologi MARA kepada Universiti Teknologi MARA; mewujudkan jawatan-jawatan Canselor dan Pro-Canselor; menukar nama jawatan Rektor kepada Naib Canselor; dan membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berbangkit berikutan kenaikan taraf Institut Teknologi MARA seperti konvokesyen, persatuan Alumni dan sebagainya. Pindaan ini merupakan sesuatu yang telah lama dinanti-nantikan sejak Institut Teknologi MARA dibenarkan menganugerahkan ijazah; mewujudkan Senat berikutan dengan Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1996 iaitu Akta 964.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyingkap sejarah penubuhan Institut Teknologi MARA kita tidak melupakan peranan Rural Industries Development Authority (RIDA) yang membuka peluang kepada anak-anak Melayu menjalani latihan dan berkecimpung dalam bidang komersial atau perdagangan. Usaha itu yang menghasilkan kejayaan walaupun kecil tidak berhenti begitu sahaja. Pada mesyuarat Kongres Ekonomi Bumiputera pertama telah dicadangkan supaya satu usaha raksasa dilancarkan untuk melatih anak-anak Melayu. Hasil daripada usaha kongres ekonomi kapitalis kerdil bumiputera inilah maka tertubuhnya MARA dan Institut Teknologi MARA.

Sepatah kata Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran semasa membentangkan Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA dalam bulan April 1976, bahawa Institut Teknologi MARA ditubuhkan dengan tujuan tertentu dan khas untuk golongan tertentu iaitu kaum Melayu agar keadaan tidak seimbang antara kaum tidak wujud.

Kini sudah hampir 24 tahun Akta Institut Teknologi MARA 1976 dikanunkan untuk menyempurnakan matlamat menyediakan latihan profesional dan separa profesional kepada orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak agar dapat berkhidmat ke peringkat pengurusan dalam sektor swasta dan awam.

Sejak penubuhannya dalam tahun 1976 Institut Teknologi MARA kini sudah banyak melalui perubahan. Bukan hanya di pihak kerajaan dan masyarakat bahkan harapan dan jangkauan pelajar-pelajar Institut Teknologi MARA masa kini juga telah bertambah. Keyakinan diri mereka telah meningkat. Para pelajar Institut Teknologi MARA telah melalui pelbagai cabaran hingga berjaya menempa nama dalam arena kebangsaan dan juga antarabangsa. Mereka telah mencapai prestasi yang cemerlang dan setanding dengan pelajar-pelajar universiti yang lain. Graduan Institut Teknologi MARA telah bukan sahaja mencapai kedudukan tinggi dan memegang pucuk pimpinan dalam pelbagai profesion tetapi juga menerajui badan-badan korporat di dalam dan di luar negara. Saya percaya bahawa ada di kalangan ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang merupakan graduan Institut Teknologi MARA. Kedudukan mereka dalam masyarakat membuktikan kejayaan Institut Teknologi MARA mendidik dan melatih mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kecemerlangan akademik dan pengurusan Institut Teknologi MARA kini bertambah mantap. Program pembangunan kakitangan selama

tiga dekad telah menghasilkan ramai para akademik dan profesional terlatih yang berkemampuan melatih pelajar sehingga ke peringkat tertinggi. Setakat 16 Disember 1999, Institut Teknologi MARA mempunyai 2,746 para akademik dan 3,836 kakitangan pentadbiran. Dari jumlah ini seramai 1,935 orang atau 70.4% para akademiknya berkelulusan pasca-siswazah. Setakat 16 Disember 1999 juga seramai 159 tenaga pengajar dan kakitangan Institut Teknologi MARA sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D dan 225 orang di peringkat sarjana.

Ramai daripada pensyarah Institut Teknologi MARA dilantik sebagai pemeriksa luar dan tidak kurang juga yang terlibat dalam rundingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ada juga antara pensyarah-pensyarah Institut Teknologi MARA yang telah dilantik sebagai profesor kehormat (adjunct professor) di universiti-universiti di luar negara.

Bersesuaian dengan perkembangan industri dan tuntutan masa kini keperluan pekerja berilmu atau knowledge workers perlu diberi penekanan. Pelajar dan lulusan Institut Teknologi MARA meletakkan harapan kepada Institut Teknologi MARA untuk menyediakan kemudahan pendidikan demi menjana guna tenaga negara terlatih dalam pelbagai bidang. Institut Teknologi MARA telah menyahut cabaran tersebut dan telah membuktikan dengan jayanya kemampuan Institut Teknologi MARA menyemarakkan kesedaran orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dalam merealisasikan cita-cita dan harapan mereka. Selain itu, Institut Teknologi MARA telah membuka peluang pendidikan menerusi program berkembar, usaha sama, program jarak jauh, program bersekutu dan program luar kampus. Ini juga dijayakan dengan penubuhan cawangan di seluruh negara.

Walaupun telah menempa kejayaan, Institut Teknologi MARA tetap gigih berusaha ke arah menambah baik secara berterusan prestasi pencapaian dan imejnya. Dan dengan itu, sewajarnya matlamat Institut Teknologi MARA diperluaskan supaya Institut Teknologi MARA dapat berperanan dengan lebih giat lagi merangkumi ruang lingkup yang jauh lebih bermakna. Sejajar dengan itu, kerajaan yang selama ini mengiktiraf dan menghargai sumbangan Institut Teknologi MARA dalam bidang pendidikan dan pembangunan negara telah bersetuju untuk menaikkan taraf Institut Teknologi MARA menjadi sebuah universiti dengan nama Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada hakikatnya fungsi akademik bertaraf universiti bukanlah sesuatu yang asing bagi Institut Teknologi MARA. Ini berikutan dengan pindaan yang dibuat melalui Akta A964 dalam tahun 1996 yang memberi kuasa kepada Institut Teknologi Mara untuk, antara lain, menganugerahkan ijazah hingga ke peringkat Ph.D., menubuhkan Senat, mewujudkan jawatan Profesor, Profesor Madya dan sebagainya, mewujudkan Lembaga Pengarah Institut dan kuasa korporat yang sejajar dengan kuasa yang sama yang diperuntukkan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Memandangkan kepada dasarnya Institut Teknologi MARA telah pun beroperasi sebagai sebuah universiti sejak lulusnya Akta A964 dalam tahun 1996, suasana akademik bertaraf universiti sudah mula dirasai sejak dari tarikh itu dan kini sudah menjadi sebatian dengannya. Oleh yang demikian, penukaran nama Institut Teknologi MARA kepada Universiti Teknologi MARA hanyalah merupakan satu penerusan proses evolusi dan perkembangan Institut Teknologi MARA. Dengan terbentuknya Institut Teknologi MARA sebagai sebuah universiti, maka adalah menjadi harapan semua pihak agar Institut Teknologi MARA dapat berkembang dengan lebih pesat lagi di alaf baru ini dan rakyat serta negara dapat bersama-sama menikmati hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan peruntukan-peruntukan yang penting yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000 mempunyai 27 Fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Akta yang dicadangkan diberi tarikh kuat kuasa ke belakang ke 26 Ogos 1999.

Fasal 2 bertujuan untuk mentakrifkan istilah 'tarikh permulaan kuat kuasa' yang bererti tarikh akta yang dicadangkan akan mula berkuat kuasa.

Fasal 3 dan 4 membawa perubahan nama institut dan juga membuat pindaan am kepada Akta 173 dengan menggantikan perkataan "INSTITUT" dengan perkataan "UNIVERSITI". Dengan pindaan ini, Akta Institut Teknologi MARA 1976 sekarang akan bernama Akta Universiti Teknologi MARA 1976.

Fasal 5 bertujuan untuk memberi kesan kepada perubahan nama institut, institut sekarang akan dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA. Fasal ini juga



memperuntukkan bahawa kuasa, hak keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi institut dan prosiding undang-undang oleh/atau terhadap institut tidak akan terjejas dengan perubahan nama institut.

Fasal 6 adalah peruntukan berbangkit, tujuannya ialah untuk memperuntukkan bahawa segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh institut boleh dikuatkuasakan terhadap universiti.

Fasal 7 hingga 12 bertujuan untuk mengekalkan kesinambungan dan juga merupakan peruntukan berbangkit.

Fasal 7 memperkatakan perletakhakan tanah, harta dan aset institut pada universiti.

Fasal 8 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan wang dan harta daripada Kumpulan Wang Institut Teknologi MARA kepada Kumpulan Wang Universiti Teknologi MARA. Pemindahan yang serupa juga diperuntukkan berhubung dengan wang yang terkandung dalam Kumpulan Wang Rizab atau mana-mana kumpulan wang lain institut itu.

Fasal 9 memperuntukkan bahawa cawangan kampus, sekolah dan pusat institut hendaklah pada tarikh permulaan berkuat kuasa Akta yang dicadangkan disifatkan sebagai cawangan kampus, sekolah dan pusat universiti.

Fasal 10 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan, Lembaga Pengarah Institut dan Senat Institut yang diwujudkan melalui Akta A964 pada tahun 1996 hendaklah disifatkan sebagai Lembaga Pengarah dan Senat Universiti.

Fasal 11 bertujuan untuk memastikan penerusan perkhidmatan kakitangan, agen dan orang lain yang dilantik atau diambil kerja oleh institut dengan universiti dari tarikh akta yang dicadangkan ini mula berkuat kuasa.

Subfasal 1, melindungi kepentingan dan hak kakitangan yang ada sekarang. Terma dan syarat perkhidmatan mereka tidak boleh kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang terpakai bagi mereka sebelum tarikh permulaan kuat kuasa.

Subfasal 2 menyatakan bahawa mereka hendaklah diberikan satu pilihan sama ada terus tertakluk kepada syarat perkhidmatan yang sedia ada atau tertakluk kepada syarat-syarat yang baru.

Melalui Fasal 12 semua pelajar institut disifatkan sebagai pelajar universiti yang mengikuti kursus pengajian yang sama seperti yang diikuti oleh mereka sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 13 memperkatakan perubahan nama daripada “Rektor” kepada “Naib Canselor”. Sebutan mengenai “Rektor Institut” sekarang akan disifatkan sebagai sebutan mengenai “Naib Canselor Universiti”. Fasal ini juga memperkatakan kuasa, hak keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Rektor, dan prosiding undang-undang oleh/atau terhadapnya yang tidak terjejas dengan perubahan nama jawatan itu. Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh Rektor boleh dikuatkuasakan terhadap Naib Canselor.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 1A ke dalam Akta Institut Teknologi MARA 1976 untuk memperuntukkan bahawa penubuhan universiti adalah menurut dan mengikut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak. Kemasukan seksyen baru 1A ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengekalkan identiti dan matlamat penubuhan Institut Teknologi MARA dari sejak awal penubuhannya sebagaimana yang telah saya huraikan sebentar tadi.

Fasal 15 mengandungi beberapa tafsiran baru. Fasal ini bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta Institut Teknologi MARA untuk memasukkan takrif baru dan untuk meminda takrif tertentu yang digunakan di dalam Akta Institut Teknologi MARA 1976. Antara yang lebih penting adalah seperti berikut:-

- (a) Takrif ‘persatuan alumni’ yang merujuk kepada persatuan alumni yang ditubuhkan di bawah seksyen 16B yang dicadangkan;
- (b) Takrif ‘Canselor’ sebagai Ketua Universiti;
- (c) Takrif ‘pelajar’ sebagai merangkumi pelajar-pelajar pengajian jarak jauh dan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pengajian yang dijalankan oleh universiti tidak di kampusnya tetapi di tempat-tempat di luar kampus; dan
- (d) Takrif ‘Naib Canselor’ untuk menggambarkan perubahan nama jawatan Rektor.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta Institut Teknologi MARA 1976, untuk memasukan Canselor, Pro-Canselor dan Senat sebagai sebahagian daripada pertubuhan perbadanan iaitu universiti .

Fasal 17 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3A ke dalam Akta Institut Teknologi MARA 1976 untuk menyatakan dengan khusus bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak akan terpakai bagi universiti ini.

Fasal 18A bertujuan untuk meminda perenggan 4(1)(d) Akta Institut Teknologi MARA 1976 untuk menghentikan kuasa universiti untuk mendirikan, melengkapkan dan menyelenggarakan perpustakaan, dewan kuliah, asrama dan bangunan lain di luar negara. Dengan peruntukan ini Universiti Teknologi MARA akan diletakkan setara dengan universiti-universiti lain yang dalam konteks penubuhan kampus dan cawangan institusi di negara asing.

Fasal ini juga bertujuan untuk meminda perenggan 4(1)(e) Akta Institut Teknologi MARA 1976 bagi membolehkan universiti mengurniakan *fellowship* , biasiswa dan sebagainya, berkenaan dengan pendidikan dan latihan yang diadakan tidak sahaja di universiti tetapi dari, atau oleh universiti.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta Institut Teknologi MARA 1976 yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada perenggan 4(1)(d) dan Fasal 18.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta Institut Teknologi MARA 1976 bagi maksud penjelasan.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda seksyen 16A Akta Institut Teknologi MARA 1976 untuk memasukkan subseksyen baru (5A) bagi membolehkan Timbalan Naib Canselor menguruskan apa-apa mesyuarat Senat semasa ketiadaan Naib Canselor.

Fasal 22 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 16B ke dalam Akta Institut Teknologi MARA 1976. Seksyen baru ini memperkatakan penubuhan persatuan alumni. Penubuhan mana-mana persatuan alumni adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan dua seksyen baru ke dalam Akta Institut Teknologi MARA 1976 iaitu seksyen 19A dan 19B . Seksyen 19A memperuntukkan bahawa Canselor Universiti ialah Yang di-Pertuan Agong. Manakala seksyen 19B memperkatakan perlantikan Pro-Canselor.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta Institut Teknologi MARA 1976 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang layak dan sesuai sama ada dari dalam atau luar universiti boleh dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor. Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semasa ketiadaan Naib Canselor seorang Timbalan Naib Canselor yang dinamakan oleh Menteri hendaklah menjalankan fungsi Naib Canselor.

Fasal 25 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 29B ke dalam Akta Institut Teknologi MARA 1976 untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan konvokesyen.

Fasal 26 bertujuan untuk memastikan bahawa semua perbuatan dan benda yang dilakukan dalam menjangkakan bahawa akta yang dicadangkan ini akan diperbuat, akan disifatkan telah diberi kuasa oleh akta yang dicadangkan.

Fasal 27 bertujuan untuk membenarkan Menteri membetulkan apa-apa anomali dalam akta yang dicadangkan melalui perintah. Kuasa ini hanya boleh dijalankan dalam tempoh dua tahun dari tarikh akta ini disiarkan.

Pindaan-pindaan lain yang tidak disebutkan dengan khusus adalah pindaan-pindaan yang kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Ghazi.

**2.52 ptg.**

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahas rang undang-undang Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menyampaikan rang undang-undang tersebut dengan begitu jelas, terang dan dengan penuh fakta-fakta yang menarik. Saya ingin mengucap syabas kepada pihak kerajaan kerana telah membuat keputusan untuk menaikkan taraf Institut

Teknologi MARA ini kepada status universiti kerana setelah berpengalaman 43 tahun saya rasa sudah bukan setakat kena pada masanya malah boleh dikatakan agak terlewat. Tetapi dalam pepatah Inggeris, *“it is better late than never”*. Baiklah tepat sekali masanya sekarang untuk kita mengubah menaikkan taraf daripada institut kepada universiti.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada keseluruhan pengurusan Universiti Teknologi MARA sekarang ini dan yang mempunyai pengalaman luas daripada institut lagi termasuk yang ada sekarang dan yang dahulu, termasuk semua yang dimulakan dengan Tan Sri Arshadnya, Tan Sri Awang Hadnya, arwah Dato' Lokman Musanya dan sehingga sekarang semuanya cemerlang menghasilkan tahap pencapaian UiTM pada masa sekarang. Saya rasa langkah kerajaan yang bijak untuk menaikkan taraf universiti ini akan terus memajukan, akan terus memberi perangsang kepada ahli-ahli pengurusan akademiknya dan bukan akademik untuk meneruskan proses yang kita anggap sebagai satu proses evolusi yang amat baik sekali, tidak mendadak tetapi menunggu pada saat dan ketika keperluan untuk dijadikan universiti.

Malah baru-baru ini saya ingin memberi maklum kepada Dewan yang mulia ini kita rasa amat berbangga kerana pada 3 Mei yang lalu dalam satu akhbar yang diberi tajuk dengan izin, *“UiTM's Students Sweep All Awards In Car Design Contest”*. Saya tidak payah bagi huraian panjang tetapi pencapaian ini sahaja sudah dapat berbakti yang terkini dalam bidang design, reka bentuk kita mempunyai kepakaran dan kebolehan. Ini selaras, sekali gus menunjukkan kebolehan para akademik, kebolehan para pelajar dan menampakkan sekiranya diberi pendedahan, diberi galakan yang baik, diberi suasana (environment) dengan izin, yang baik, insya-Allah, pelajar-pelajar yang kita hendak didik akan dapat mencapai pada tahap yang amat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak sebut ialah mengenai kuasa akademik yang begitu luas yang ada pada pengurusan universiti ini. Saya difahamkan sebanyak 188 kursus dalam berbagai bidang yang dihidangkan untuk pelajar-pelajar di universiti ini. Saya ingin menyampaikan rasa sedikit agak kecurigaan tentang bidang akademik yang begini luas apakah tidak dalam abad yang ke-21 ini kita melihat juga dari segi pengkhususan. Saya melihat ada umpamanya dari segi sistem pembelajaran yang pelbagai, sepenuh masa, separuh masa, pengajian luar kampus, pendidikan jarak jauh, pembelajaran flexible dan sebagainya. Ini baik cuma

dari segi bidang pengkhususan mungkin perlu kajian. Kalau tidak, kita akan mendapati masalah yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini juga masalah graduan 39,000 menganggur kerana tidak ada persamaan di antara permintaan dengan keluaran.

Kita sudah bincang dan komen banyak tentang hal ini dan saya rasa tidak lewat masanya kalau sekarang pihak UiTM membuat kajian dan mengulang kaji sedikit dan membuat penyesuaian-penyesuaian yang tertentu sesuai dengan alaf 21 budaya ICT teknologi akan datang, bioteknologi dan sebagainya. Malah ingin saya sebutkan juga dalam bidang yang saya pilih bila saya melihat senarai bidang-bidang akademik yang diambil, bidang seni umpamanya ada disebut di sini ada bidang seni persembahan. Seni persembahan telah disebutkan dan ada juga akhbar di sini yang menunjukkan pengkhususan tentang seni layar- Fakulti Seni Persembahan. Ini pun terbit dalam akhbar baru-baru ini pada 1 Mei.

Pada saya ini satu pendekatan yang amat baik yang saya ingin ucap tahniah sekali lagi kepada UiTM menampakkan yang mereka bergerak selaras dengan pembangunan e-village (entertainment village) yang saya sebut dalam Dewan baru-baru ini. Dan saya rasa langkah ini patut digalakkan malah pada saya bukan hanya memberi pengkhususan kepada seni persembahan yang agak lebih pokok, juga ialah seni pemikiran kreatif. Pemikiran kreatif sebagai satu alat yang amat kuat untuk melahirkan ini. Dari segi persembahan pada saya mungkin itu adalah kemahiran kita untuk membuat persembahan. Di dalam bidang-bidang seni termasuk filem, teater dan sebagainya yang menuju ke arah e-village amat tepat sekali. Lebih-lebih lagi apabila kita juga mencadangkan supaya perancangan strategik dan dasar budaya kebangsaan pun hendaklah dilihat semula. Mungkin perlu direka bentuk sesuai dengan abad 21. Maka kalau di dalam peringkat kebangsaannya kita mereka bentuk dasar budaya kebangsaan, maka adalah amat tepat sekali Universiti ITM menuju ke arah ini.

Saya rasa langkah ini amat baik sekali perlu diperhebatkan, perlu diperluaskan kerana kalaulah target 95% pelajar-pelajar di UiTM ini ialah orang-orang Melayu, anak-anak Melayu, kekuatan anak-anak Melayu dalam segi seni ini begitu amat kuat, begitu amat hebat. Yang perlu ditunjukkan, yang perlu dibimbing ialah pendedahan dan pengkhususan supaya mereka sedar tentang keperluan bidang-bidang ini. Dan ini

telah pun dibuktikan oleh UiTM sendiri tanpa saya memberi hujah yang lebih panjang lebar.

Malah, Tuan Yang di-Pertua, kalau difikirkan sesuai saya ingin cadangkan supaya pihak pengurusan universiti membuat pemikiran, consider, dengan izin, dengan mewujudkan seni bunyi suara dan lagu sekali dengan lain bidang yang saya katakan seni pemikiran kreatif kerana bidang-bidang ini pada saya adalah termasuk, tergaull dalam bidang seni persembahan yang telah pun disebut dalam akhbar yang saya sebutkan tadi.

Malah dalam pembelajaran fleksibel berdasarkan IT umpamanya. Mungkin semasa cuti universiti ini dipergunakan tempat ini sebagai ruang untuk mengadakan kursus-kursus khas untuk dewasa. Panggillah apa pun kursus yang canggih, yang saya maksudkan kursus lanjutan untuk warga-warga yang sudah berumur kerana pada saya, ini adalah selaras dengan usaha kita untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu. Saya bercakap banyak dalam Rang Undang-undang Perbekalan baru-baru ini tentang mewujudkan masyarakat bermaklumat, bagaimana hendak mencari ilmu, bagaimana hendak mencari kemahiran untuk belajar, tahu hendak belajar untuk hendak belajar. Pada saya, kalau masyarakat dilengkapkan dengan ini dan universiti ITM yang ada rekod cemerlang dari segi menaikkan taraf pembelajaran anak-anak Melayu, pada saya inilah ruang yang boleh diadakan semasa percutian universiti dan malah boleh dikaitkan juga dengan sesi pelancongan kerana isu pelancongan dapat dikaitkan dengan pendidikan. Jadi, kita belajar sambil kita melancong, sambil kita berehat, sambil kita menjalankan program-program riadah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebutkan ialah tentang UiTM ini yang sebenarnya merupakan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri institusi pengajian tinggi yang terbesar sekali. Kita rasa megah dengan kehebatan besar ini pelajarnya menjangkau 75,000 orang dan kampus cawangannya di seluruh pelosok negara - dua belas dan kampus-kampus kota katanya lima. Saya ingin membuat sedikit pertanyaan untuk penjelasan yang saya kurang jelas. Soal besar bilangan pelajar ini ada hubung-kaitnya dengan usaha pihak universiti sendiri untuk mewujudkan apa yang dipanggil Mega Universiti, baik Mega Universiti dari segi bilangannya. Cuma yang saya agak khatir apakah kita hanya terus hendak menambahkan bilangan UiTM ini yang telah pun terbukti keupayaannya setakat yang ada. Mungkin persoalan yang patut ditanya apakah

bilangan optimumnya dari segi pengurusan apabila kita mengurus sebuah kampus yang 20,000, 30,000 orang ataupun yang banyak kampus seluruh negara yang menjangkau 80,000 dan kalau mengikut perkembangan berterusan sehingga 100,000.

Mungkin pihak kementerian boleh membuat kajian supaya kalau pun perlu dipecahkan dua universiti utama UiTM ini kepada dua bentuk universiti yang mempunyai pengkhususannya sendiri dan dengan ini bidang dan ruang untuk kerajaan memberi peruntukan yang lebih banyak terbukti. Bidang dan ruang dan peluang yang kita beri kepada anak-anak Melayu masih lebih terdedah. Bidang dan ruang untuk kerajaan mewujudkan universiti-universiti dan kolej ini memberi pengkhususan kepada luar bandar dengan pengajaran-pengajaran terkini, bidang ICT dan sebagainya termasuk bidang seni, seni pemikiran, seni persembahan, seni kreatif dan banyak seni lain yang boleh kita mencungkil bakat daripada luar bandar ini. Saya rasa pihak kerajaan boleh membuat kajian ini.

Saya juga ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan senario luar negara di Eropah ataupun di Amerika, kita tahu universiti-universiti yang terbesar ini, saya juga ingin tahu sebagai satu comparative analysis, dengan izin, tentang kewujudan luasnya kapasiti pelajarannya dan tenaga pengajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut di sini ialah hubung kait universiti ini dengan industri. Saya juga pernah menyebut ini sedikit dalam perbincangan yang lain dahulu tetapi saya rasa terpanggil untuk menyebut sekali lagi di sini kerana ruangnya amat tepat sekali. UiTM, sekurang-kurangnya yang di Shah Alam wujudnya di tengah-tengah industri - hebat. Saya rasa program-program hubung kait dengan industri untuk memanfaatkan lagi pelajar-pelajar, khasnya pelajar-pelajar di luar bandar yang kadang-kadang mungkin dia lebih senang belajar, bila lebih banyak komponen untuk didedahkan semasa dia belajar.

Sebab bila dengar lecture dia tidak faham. Sekurang-kurang saya sendiri mempunyai pengalaman itu, saya tidak tahulah orang lain. Kadang-kadang bila kita belajar, mendengar syarahan hanya sekadar untuk mendapat ijazah, kelulusan. Tetapi bila kita berkecimpung, bertungkus lumus dan dirty our hand, dengan izin, maka pelajar itu akan lebih menghayati dan memahami apa yang dia belajar. Jadi, dalam segi ini saya rasa UiTM mempunyai peluang yang terbaik untuk pendedahan termasuk membawa pelajar-pelajar daripada luar bandar yang mungkin tidak



mendapat manfaat industri, hanya setengah-tengah kampus sahaja yang mempunyai manfaat industri ini. Apabila mereka terdedah dengan pengalaman-pengalaman di industri saya rasa keberkesanannya amat baik sekali.

Malah di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak UiTM dan juga kerjasama sebuah akhbar baru-baru ini mengadakan satu program ilmu yang saya panggil program ilmu yang namanya kalau tidak salah 'Wacana Pemikiran Abad 21' or something like that saya tidak ingat sebenarnya, saya turut hadir dan amat baik sekali. Saya rasa dalam kesibukan universiti menjalankan tugas utamanya memberi pengajaran mengikut bidang-bidang yang kita sebut tadi, elok juga sekali-sekali dalam tajuk hubungan kait dengan industri dalam kes ini industri media patut juga menjadi pemimpin masyarakat, membimbing masyarakat untuk berfikir untuk mendapat ilmu.

Saya rasa kalau dibuat dengan cara ini masyarakat lebih percaya kerana bila masyarakat melihat universiti masyarakat merasakan bahawa ini satu endorsement, dengan izin, yang baik dan kalau kita boleh selaraskan dengan program-program semasa cuti yang saya sebutkan tadi, masa yang bukan cuti dan juga diberi pengiktirafan kalau yang lebih formal sedikit dengan kertas-kertas yang dipanggil sijil dengan baik, maka dengan cara ini kita menggalakkan masyarakat keseluruhannya untuk mencari ilmu dan mendapat pengiktirafan dari segi ilmu ini.

Saya pernah mengatakan bahawa pihak kerajaan patut menekankan pembelajaran bukan hanya mendapat ijazah kedoktoran, sijil diploma atau ijazah sehingga peringkat kedoktoran, tetapi perlu kita perluaskan sehingga pembelajaran itu dalam bidang yang lain walaupun dia tidak mendapat ijazah ataupun sijil yang tertentu. Maka dengan cara ini, keseluruhan masyarakat akan lebih mencari ilmu kerana kata dia bukan hanya untuk mendapat sijil, kerana dalam bidang sekarang ini sesiapa sahaja walaupun tidak mendapat kelulusan formal daripada universiti, kalau universiti menjalankan program-program yang agak lebih senang, yang lebih khusus kemahiran-kemahiran yang tertentu, maka timbul perseimbangan di antara universiti sebagai kilang mengeluarkan ijazah dengan universiti sebagai kilang mengeluarkan ilmu pengetahuan yang diiktiraf oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Zainudin bin Maidin.

**3.09 ptg.**

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih banyak kerana memberi kesempatan untuk turut dalam perbincangan perbahasan mengenai meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976. Saya menyertai Yang Berhormat Datuk Ghazi untuk merasakan perasaan gembira dan bangga saya kerana sebagai seorang yang telah mengikuti perkembangan ITM dari perletakan asasnya oleh Allahyarham Tun Abdul Razak sehingga kini, saya berasa bangga kerana telah dinaikkan kepada taraf yang sesuai iaitu menjadi universiti, UiTM.

Kita seharusnya mengakui bahawa ITM adalah salah satu daripada agenda Melayu ataupun agenda Islam yang jelas, yang telah diterima dengan baik oleh semua kaum di negara ini sebagai satu affirmative action, dengan izin, yang amat berkesan dalam menangani masalah-masalah kemiskinan, masalah kekurangan tenaga professional dan sebagainya.

Apa yang lebih penting untuk dinyatakan di sini ialah keunikannya, keagungannya, kewibawaannya untuk menjadikan anak-anak yang lower grade, dengan izin, yang tercicir, yang rendah taraf kelulusannya daripada yang lain telah berjaya dijadikan orang-orang yang mempunyai gred-gred yang paling besar, paling tinggi, paling laku di dalam pasaran negara di bandingkan dengan universiti-universiti yang lain di negara ini dalam beberapa lapangan, bukan semua lapangan tetapi dalam beberapa lapangan yang benar-benar memerlukan pengisian negara. Hal ini tidak boleh dinafikan.

Kenapa hal ini berlaku? Berlakunya hal ini ialah kerana perancangan dan perletakkan asas universiti ini adalah dengan kajian berdasarkan kepada kehendak-kehendak pada masa itu dan kehendak masa depan yang berasaskan kepada pasaran. Kalaulah perancangan ini ada ditukarkan daripada awal lagi oleh kebanyakan pihak yang mengasaskan dan juga pihak-pihak universiti lain yang telah sedia ada maka masalah keruncingan yang sedang kita hadapi mungkin tidaklah seruncing yang kita hadapi sekarang. Tetapi bagaimanapun dalam hal ini maka kita telah melihat kewibawaannya ITM telah membuktikan keunikannya, keupayaannya bahawa Melayu boleh. Kalau diberikan peluang, Melayu boleh. Ini yang paling besar sekali dan sesuai dengan pencapaian inilah maka kita tidaklah seharusnya meragukan pengiktirafan, peningkatan ITM kepada UiTM.

Kita tidaklah seharusnya meragukan dalam semua hal, kita tidaklah seharusnya meragukan dengan fahaman-fahaman yang salah, fahaman-fahaman untuk mengelirukan satu matlamat suci ini dengan kita tidak memahami apa yang telah berlaku, yang tidak seharusnya dikelirukan dan membangkitkan perasaan prejudis tentang Islam dan sebagainya dalam penghayatan dalam hasrat UiTM untuk meneruskan tanggungjawabnya kepada bangsa dan agama. Kalau ada sebarang kekeliruan tentang dasar-dasar dari segi soal pengajaran Islam dan sebagainya, lebih baiklah daripada kita bercakap di sini, kita pergi dan bertanyalah kepada pihak yang berkenaan. Sebelum mengelirukan masyarakat dengan perkara-perkara yang kita sendiri belum sah dan kita cuba untuk mengaburi atau mengelirukan dan mengelirukan masyarakat kita sendiri terhadap agenda Melayu yang sebenarnya.

Itulah permintaan saya kalau sekiranya kita benar-benar ikhlas dan kita bersama-sama bertanggungjawab terhadap bangsa dan agama di negara ini....

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Minta laluan, terima kasih Yang Berhormat Datuk Zam. Menyebut tentang semangat dan roh Islam dalam pendidikan di ITM ini, saya ada terbaca bahawa antara matlamat penting yang digariskan oleh ITM sendiri ialah menanamkan semangat dan ciri-ciri Islam kepada para pelajar untuk melahirkan pelajar sebagai insan kamil. Saya rasa ini sudah pun termaktub dalam ITM itu sendiri cuma barangkali ianya cuba dikaburi, cuba barangkali disalahertikan. Sebenarnya bapa-bapa pemimpin kita sudah pun meletakkan garisan yang begitu mantap terhadap pendidikan anak bangsanya dari segi Islam itu sendiri.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Terima kasih, Yang Berhormat Gapar, saya tidak mahu mengatakan apa-apa lagi dalam soal ini tetapi saya hanya minta kesedaran daripada kita semua sebelum kita pergi lebih jauh dalam kekeliruan yang tidak bertepi, biarlah kita nampak pantainya dan kita bercakap tentang pantai yang sebenarnya.

Saya tertarik dengan Yang Berhormat Datuk Ghazi mengatakan bahawa walaupun pengarah-pengarahnya silih berganti tetapi ITM terus menunjukkan kecemerlangannya. Kenapa? Kenapa ITM terus cemerlang dan kenapa sehingga membolehkan keyakinan kita untuk menjadikannya ke peringkat universiti Soal pokoknya ialah kerana kita telah meletakkan satu asas yang paling kukuh satu asas yang diperlukan, seperti juga negara ini. Saya suka juga kembali kepada asas negara ini iaitu asas negara yang diletakkan pada awal lagi dalam satu keadaan yang

berkecamuk dalam dunia di sebelah sini berkecamuk tetapi pemimpin-pemimpin yang waras, yang rasional telah meletakkan asas negara itu begitu kuat untuk kemantapan seterusnya.

Inilah asas yang kita takut dihancurkan dan inilah juga kebimbangan saya bahawa asas itu telah diletakkan oleh Tun Abdul Razak, telah diletakkan oleh Arshad Ayub, suatu asas yang paling meyakinkan dan inilah juga kebimbangan saya kalau tidak betul-betul dipegang, tiap-tiap orang penggantinya, kalau tidak berpegang kepada falsafah, keberanian, kenekadan, keyakinan terhadap apa yang telah kita lakukan maka kita akan hancur. Kita harus memerangi sebarang anasir-anasir jahat yang cuba untuk menyelewengkan ITM untuk kembali kepada kekolotan, untuk kembali kepada kejumudan, kita mesti mempunyai tanggungjawab ini. Pengarah, Vice Chancellor yang baru dilantik mesti mempunyai keberanian ini.

Kita jangan takut, Melayu, kita mesti melihat UiTM bahawa Islam itu in terms of universal value, not in terms of kekampungan, not in terms of kejumudan, tidak. Ini mestilah menjadi asas yang kuat kalau kita hendak melahirkan anak-anak Melayu yang berwibawa, yang mempunyai nilai-nilai market di pasaran di negara ini dan juga nilai-nilai antarabangsa. Ini soal yang paling pokok, mesti berani. Kita bukan defensive kita mesti offensive dalam soal ini. Jangan tiba-tiba, kenapa orang Melayu tidak boleh menerima hiburan, jangan. Saya ingat saya pergi ke UiTM, saya cuba bertanya.....

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit oleh kerana saya berasa terpanggil untuk menanya soalan ini. Oleh kerana perjuangan Islam telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya ingin minta penjelasan, apakah alasan dan sebab-sebabnya maka beberapa orang khalifah telah dibunuh dengan sengaja, Saidina Omar dibunuh dalam masjid, Saidina Osman dibunuh, Saidina Ali dibunuh begitu juga cucu kepada Rasulullah dibunuh, begitu juga sebuah negara dijadikan sebuah negara Syiah, bukankah ini kerana ada pihak yang menganggapkan mereka yang lebih wajar, yang lebih mampu kononnya dengan perjuangan jihad bahawa mereka menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Sebenarnya saya terpaksa terpanggil juga untuk membincangkan perkara ini tetapi tentulah yang lebih alim dalam hal ini ialah Ustaz Hassan sendiri tetapi saya hanya menyatakan bahawa perkara yang berlaku

adalah satu..., terus menerus kalau kita orang-orang Islam mahu melihat diri kita sendiri dalam sejarah yang difokuskan kepada sejarah Nabi itu sendiri tetapi kepada sejarah kebangkitan Islam sampai ke hari ini iaitu di mana soalnya persengketaan antara kita sendiri ialah untuk menunjukkan bahawa kita lebih Islam daripada Islam yang lain.

Inilah yang menyebabkan berjuta-juta orang Islam terbunuh dalam peperangan Iran dan Iraq bahawa Islam Iran merasakan bahawa dia lebih Islam daripada orang Iraq, bahawa dia lebih Islam daripada Arab Saudi, bahawa dia lebih Islam daripada orang-orang Islam yang lain. Ini masalahnya, ini balik kepada sejarahnya, sejarah yang baru lagi. Kita kata itu sebagai satu kebangkitan Islam, kita khayal tetapi berjuta-juta orang Islam terbunuh dalam satu peperangan antara sesama Islam, kenapa? Saya menemui orang Iran di Mekah pada tahun 1987 ketika saya menunaikan fardu haji di Mekah yang berbangga, dia minta supaya dijadikan politik, menanamkan kebencian kepada orang-orang Arab Saudi yang bukan Islam. Tetapi seorang kawan saya menghalau orang Iran ini di tengah jalan, mengatakan dia lebih Islam dan saya melihat pembunuhan itu dengan mata saya sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Balik kepada tajuklah.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang diperbahaskan tidak ada.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Rang Undang-undang yang dibahaskan.....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** .....Rang Undang-undang tidak ada sangkut paut perang Iran dan Iraq.....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya minta maaf.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Pergi terlalu jauh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah diambil ingatan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Ya, Ustaz tidak payah panjang, saya faham, saya telah terpanggil oleh Menteri tadi terdorong, saya faham, saya cukup faham. Saya selalu mengawal diri saya. Jadi saya kembali, saya minta maaf.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkaskanlah.....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya akan ringkaskan tetapi soalnya hendak balik tadi, saya ingat saya telah terlanjur, saya minta maaf.

Saya bergembira kerana dalam meningkatkan taraf kepada UiTM, UiTM telah memberikan penekanan yang utama ke arah memastikan agar produknya bagi

lapangan profesional adalah mereka yang menghayati kesedaran kebangsaan dan kualiti keislaman yang diperlukan oleh negara. Ini yang saya rasa adalah sangat penting yang ditekankan secara hitam putih oleh pihak mana pun, semua pihak boleh mendapatkan tentang dasar-dasar yang telah ditekankan oleh ITM dalam melangkah ke arah menjadi UiTM iaitu ia menekankan bahawa mata pelajaran merupakan sebahagian daripada kurikulum kursus yang diwajibkan ke atas semua pelajar kursus diploma dan ijazah.

Tetapi yang dipertikaikan, yang diheboh-hebohkan ialah kerana semester bagi mata pelajaran Islam itu telah dikurangkan kepada 3 semester. Itu yang telah menjadi satu yang dipolitikkan, dikelirukan dan mungkin inilah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya bimbang bahawa maksud-maksud yang suci ini akan dikotorkan. Tujuannya walaupun dikurangkan kepada 3 semester tetapi digabungkan, ditingkatkan, bukan dipendekkan tetapi lebih dipertingkatkan diajar dalam masa 3 semester. Bukan maknanya dikurangkan tetapi perkara ini semasa dijalankan dalam semester ini pun telah memang boleh dilakukan dalam 3 semester.

Jadi, kalau satu perkara, satu pengajaran yang boleh dilakukan dalam masa 3 semester, kenapa harus pergi sampai 6 semester. Dan bila ini telah dilakukan, kita dapat mengurangkan dari segi tenaga pengajar, bebanan kepada pelajar dan juga pembiayaan serta pembelanjaan bagi kursus ini sendiri. Jadi, janganlah kerana hanya hendak menambahkan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang membuat cadangan hendak menambah ini?

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Mengurangkan daripada enam, bukan menambah. Pihak UiTM apabila ditingkatkan, kita mengurangkan daripada enam semester kepada tiga semester. Bukan ditambah, dikurangkan tetapi timbul cerita sekarang, dijadikan cerita politik kononnya kita hendak mengurangkan mata pelajaran Islam. Itu yang tidak benar. Jadi, kita kalau perkara yang tidak betul, kita siasat dulu. Kita jangan cuba menyebarkan apa yang dikatakan fitnah. Inilah fitnah. Ini yang saya katakan, inilah fitnah. Kalau kita tengok, apa fitnah? Ini fitnah. Kita siasat dulu. Sebagai orang Islam yang bertanggungjawab kita mesti siasat. Jangan mengelirukan. Itu yang saya kata tadi, saya perlu bercakap dalam soal ini.

Dengan peralihan universiti itu menampakkan komitmen UiTM yang terus terhadap aspek keislaman dalam amalan, pengisian jiwa dari peringkat awal dengan

pelbagai program bimbingan yang diteruskan seperti program asas sosial Islam dan ciri-ciri kesopanan dan kemurnian nilai-nilai Islam, pekerti Islam kepada pelajar-pelajarnya. Ini diteruskan oleh pihak UiTM Saya mengucapkan tahniah.

Di samping itu, beberapa fakulti pula menawarkan program-program yang mempunyai unsur-unsur Islam seperti Undang-undang Keluarga Islam, Ekonomi Islam dan Perbankan Islam. Semua ini adalah kursus-kursus berijazah dan dalam ini saya percaya kita harus melihat bahawa misi UiTM ialah untuk melahirkan cendekiawan Islam yang tidak melihat *survival* itu hanya politik tetapi *survival* orang Islam, maruah Islam berasaskan kepada profesionalisme, kepada golongan-golongan profesional yang dapat mengisi lapangan yang mendatang maruah kepada bangsa itu sendiri. Itu yang paling pokok, saya kira.

Jadi, hal ini harus kita fahami. Bukanlah hanya mata pelajaran, kalau mata pelajaran kita sudah belajar di sekolah menengah dan sambung mata pelajaran yang sama di UiTM, hanya hendak memudahkan mendapat kelulusan, buat apa? Kita menjiwai architecture, kita menjiwai perbankan dan sebagainya dengan Islam dan orang-orang ini akan menjadi orang Islam yang tidak *corrupt*, yang bersih, yang beramanah, bukan hanya ajar mata pelajaran yang disambung dari sekolah menengah pergi ke UiTM, hanya untuk memudahkan. Jadi, kalau ini yang dikurangkan, apa salahnya. Hal-hal ini saya rasa kita harus luas, harus melihat dengan perspektif yang lebih luas.

Saya percaya mereka yang telah diamanahkan untuk menerima tanggungjawab UiTM sebagai universiti akan berjaya. Insya -Allah, akan berjaya membawa universiti kepada taraf yang diharapkan oleh negara dan rakyat. Perubahan ITM ke UiTM tidaklah seharusnya hanya sebagai roh semangat dan ilmu sahaja tetapi haruslah juga memperlihatkan perubahan fizikal kepada UiTM sendiri yang dapat meningkatkan daya kerja dan suasana pembelajaran yang lebih sesuai.

Dalam ini, maksud saya langkah-langkah hendaklah diambil bagi menambahkan tabung *maintenance* atau penjagaan di UiTM sendiri sebab umurnya pun sudah 30 tahun lebih. Ada yang sudah robek – hostel-hostel, rumah-rumah, pejabat-pejabat dan sebagainya dan saya pernah pergi ke situ, terpaksa menunggu lif yang begitu lama dan banyak.

Saya rasa ini perlulah disiasat dan dilihat. Kalau untuk menjiwai tidak hanya dengan roh tetapi juga dengan fizikalnya supaya meyakinkan dan menambahkan

efisiensi di pihak UiTM sendiri, malah saya ingat dengan penambahan pelajar dan sebagainya, tentulah juga diperlukan untuk penambahan kakitangan dalam pengurusan dan sebagainya supaya ia lebih efisien, lebih cekap, lebih cepat dalam pengurusan dengan ibu bapa yang jumlah anak-anaknya lebih 60,000 hampir 70,000 sekarang di seluruh negara.

Jadi, saya ingat perkara ini tidaklah boleh dipandang kecil kalau sekiranya kita benar-benar untuk menunjukkan UiTM sebagai sebuah universiti yang bermaruah dan setaraf ataupun lebih daripada universiti-universiti yang lain dan kita tidak haruslah juga kalau UiTM ini dilihat lebih, hanya sebagai kerana dari ITM pergi jadi UiTM, maka dia harus kita mempunyai banyak *excuse* untuk meninggalkannya dalam keadaan yang ada sekarang. Saya harap perkara ini diberikan perhatian yang berat.

Di samping itu, saya juga ingin mengesyorkan bahawa kampus-kampus di UiTM, saya tidak mahu bercakap panjang dalam soal in, Dato' Ghazi bercakap tetapi soal kualiti, saya rasa Dato' Ghazi lebih maksudkan daripada segi pengeluaran yang berkualiti tetapi buat sementara ini, kita kira barangkali negara masih memerlukan kuantiti dalam pengisian jumlah anak-anak Melayu yang kuotanya telah semakin kurang, yang dahulunya katanya 55%, 45% tetapi dengan penambahan atau pertumbuhan swasta (IPTS) dan sebagainya, maka saya mendapat maklumat-maklumat yang mengatakan kita sekarang hanya 35% sahaja. Saya tidak tahu. Bolehlah pihak di sini mendapatkan maklumat yang sebenarnya dan kuota ini satu perjuangan yang saya rasa paling mendukacitakan dan saya tidak tahu apakah langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah ini.

**Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Zainudin. Maksud saya tadi bukan hanya kualiti juga kuantiti. Sebab itulah saya maksudkan patut diperanakkan kepada satu kampus yang lain, jadi, kita dapat lebih banyak. Itu maksud saya, bukan hanya bertumpu kepada kualiti. Jadi, kita samalah dari segi itu dan hujah-hujah lain saya bersetuju. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Kita mempunyai *wave length* yang sama dan saya harap bahawa bagaimanapun saya ingat dengan penambahan tidak hanya satu kampus, saya harap ini tidak menjadi satu dasar, satu kampus bagi satu negeri tetapi kalau perlu lebih baik ada lebih banyak kampus bagi satu negeri mengikut tuntutan pada keadaan-keadaan dan keperluan semasa.



Pada akhirnya, saya ingin pergi kepada satu perkara yang paling penting, yang saya kira paling penting selain daripada soal-soal yang telah ditimbulkan, soal-soal keterlanjuran saya daripada tajuk dan sebagainya. Saya ingin pergi kepada soal pokok pindaan universiti ini. Maafkan saya kalau saya salah faham atau saya salah mengerti. Saya meminta supaya pindaan ini ditarik balik, kalau saya silap, iaitu Fasal 18A.

Fasal 18A ini subsekyen 4(1) meminda perkataan 'atau' – 'atau di tempat lain'. Jadi secara jelas Fasal 18A ini, dijelaskan oleh Menteri Pendidikan sendiri tadi, Tan Sri Musa iaitu untuk menghentikan kuasa universiti untuk mendirikan, melengkapkan, menyelenggarakan perpustakaan, dewan kuliah, asrama dan bangunan lain di luar negara. Dalam erti kata yang terus terang, Fasal ini menamatkan hasrat UiTM, kuasa UiTM untuk membuka kampus-kampusnya di luar negara.

Saya tidak faham bahawa dasar dan falsafah negara kita, saya tidak tahu apa rasionalnya pindaan ini yang meminda Akta ITM 1996 yang membenarkan langkah ini. Saya rasa ini adalah satu langkah yang ke belakang, langkah yang tidak ber'vision' dan tidak menepati memandang jauh ke hadapan dan juga tidak sesuai dengan falsafah negara iaitu dengan izin, prosperous tie neighbour seperti yang selalu dilaung-laungkan oleh Perdana Menteri sendiri. Kerana apa kita mengambil langkah ini sedangkan pihak-pihak universiti dari Great Britain, daripada United Kingdom atau daripada Australia dan sebagainya membuka kampus mereka di sini dan mengadakan berkembar dengan kita dan sebagainya dan kenapa kita tidak boleh, kenapa kita tidak menyediakan satu langkah ke hadapan di mana kita terkenal dengan tanggungjawab dan dasar kita seperti yang saya sebutkan tadi iaitu makmur bersama jiran dan juga tanggungjawab sosial kita sebagai caring society dan jika diizinkan kenapa kita umpamanya pada satu masa nanti, mungkin sekarang tidak boleh tapi mungkin di masa hadapan boleh tapi kerana apa kita tidak bolehkan perkara yang boleh kita lakukan di masa hadapan daripada sekarang.

Umpamanya, katalah kita atas dasar sebagai sebuah negara yang semakin makmur, semakin mantap, satu masa tidakkah kita boleh membuka kampus di Selatan Thai umpamanya kepada anak-anak orang Islam di Selatan Thai. Kenapa kita tidak boleh membuka kampus UiTM di Filipina umpamanya supaya kita dapat melahirkan anak-anak orang Islam yang berpotensi, yang berwibawa yang tidak menjadi seperti Abu Sayyaf. Kita bukan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tak ada kampus Cambridge di Malaysia, ada?

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada kampus Cambridge di Malaysia kah? Universiti Cambridge.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Maaf Tan Sri, tapi saya ingat belum ada tapi ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kita concentrate dalam negara dululah. [*Ketawa*] Baik, habiskanlah cepat pasal ramai orang nak bercakap ni.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Ya, ya. Jadi itulah yang saya minta penjelasan daripada pihak Menteri Pendidikan. Jadi kalau kita berkemampuan mengapa harus kita bataskan daripada sekarang ini. Saya kira kalau sekiranya tidak boleh, kenapa tidak boleh dan saya minta supaya kalau boleh bagi pertama kalinya biarlah Dewan ini mencatatkan suatu sejarah yang mulia untuk meminta supaya sekatan ini yang disebutkan sebagai tidak boleh kerana ia mengikut langkah daripada AUKU atau Akta Universiti dan Kolej Universiti yang tidak membenarkan universiti-universiti lain membuka kampusnya di luar. Jadi kecuali yang saya faham ialah UIA saja yang boleh. Jadi saya harap perenggan ini kalau boleh ditarik balik iaitu 'atau di tempat lain' dalam perenggan (d) dengan memotong perkataan 'atau di tempat lain' ini ditiadakan dan kembali kepada asalnya. Dan mungkin kalau ada rasionalnya kita terimalah rasional itu tapi saya minta, pada pandangan saya eloklah ini tidak perlu dan perlulah ditarik balik.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tamatkan pandangan saya dan saya menyokong tapi dalam pada itu saya reserve pendapat saya tentang pindaan ini dan saya harap kita dapat fikirkan bersama apakah perlu atau kalau tidak perlu saya harap Dewan Negara ini menimbangkan ini dan kita kemukakan balik kepada Dewan Rakyat, apa perlunya.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

**3.35 ptg.**

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya seperti rakan-rakan yang lain ingin bersama-sama untuk membahaskan rang undang-

undang Akta Institut Teknologi MARA 1976 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa atas nama peribadi saya tidak rasa sah sekiranya saya tidak sedikit sebanyak memberi sumbangan pandangan bersama dengan kerajaan kerana saya adalah salah seorang daripada graduan ITM yang saya rasa sudah sampai masanya juga akta ataupun rang undang-undang ini dibahaskan dan saya rasa barulah saya menjadi seorang graduan ITM yang sebenarnya selepas memberi pandangan sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ITM telah diasaskan sebagaimana rakan-rakan kita terdahulu mengatakan melalui Malay Struggle, dengan izin, suatu pendekatan agenda bumiputera yang mana semangatnya telah dilahirkan melalui kongres sebagaimana yang dijelaskan oleh Kongres Bumiputera, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi dan kita tahu oleh kerana ada iltizam yang bersungguh-sungguh khususnya daripada parti pemerintah kita iaitu ketika itu Perikatan yang sekarang ini terkenal sebagai Barisan Nasional yang mana tunjang partinya ialah UMNO maka lahirlah satu iltizam dan keyakinan ini. Sebab itulah dulu kita namakan Maktab RIDA sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang mana kita melatih hanya jurutaip, kerani, book keeper, dengan izin, jurutrengkas dan sebagainya dan akhirnya diperkukuhkan lagi institut ini dengan menawarkan program Diploma dan seterusnya Advance Diploma.

Di dalam selepas kita berdepan dengan masalah kaum di negara kita pada tahun 1969 maka di situ dimulakan semula semangat dan iltizam baru supaya orang-orang Melayu ketika itu yang amat rendah pencapaian mereka dalam pendidikan. Maka salah satu daripada program kerajaan ketika itu adalah untuk memperkukuhkan kedudukan orang Melayu supaya ada satu hubungan yang rapat dan intim di semua kaum. Maka ITM telah menongkah arus ketika itu dan sayalah sebenarnya salah satu dari kumpulan yang bernasib baik pada tahun 70-an. Kebanyakan ketika itu apabila kita bercakap masalah ITM itu merupakan satu second class, dengan izin, kelas kedua, pusat pengajian tinggi kelas kedua. Kalau kita lepas pelajar SPM ketika itu bukan saja masyarakat di bandar tetapi masyarakat luar bandar pun menyatakan masuk ITM dengan izin, is the last resort. Ha, kalau boleh nak masuk UTM, UPM dan sebagainya.

Dalam tahun 70-an jugalah pelajar-pelajar telah mengisytiharkan ITM lebih dulu daripada kerajaan sebagai sebuah universiti walaupun tidak diterima secara formal. Saya terlibat secara langsung bersama rakan-rakan seperti Datuk Ibrahim Ali ketika kita banyak mengetengahkan pandangan walaupun ketika itu mungkin tidak sesuai untuk dijadikan ITM ini sebagai universiti tetapi ia berkemungkinan kerana bermula di situlah kerajaan telah memikirkan semasak-masaknya. Maka tarikh keramat yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26 Ogos 1999 saya rasa 142,000 graduan yang telah berada dalam pasaran di negara kita dan juga di peringkat antarabangsa merasa sungguh terharu dan merasa terima kasih, bersyukur dan merasa terhormat sungguh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan dalam keadaan suasana kita berkumpul begitu ramai ketika itu dan sejarah ITM juga bermula dengan izin, dengan keadaan dinamakan ketika itu kuasa pelajarlah boleh kita namakan, maka ITM telah melibatkan, telah melatih pelajar dan pada hari ini kita dapat di merata-rata sektor dalam pasaran dalam masyarakat kita.

Tahun 70-an kerajaan telah mencuba untuk meletakkan graduan ITM di dalam sistem sebagai pekerja-pekerja bank. Ketika itu kita masih yakin jarang orang Melayu menjadi pengurus, menjadi pegawai kredit dan menjadi sebagai-bagainya. Maka saya rasa bermula dengan keberanian kerajaan untuk menekankan institusi kewangan yang berorientasikan komersial seperti bank-bank tempatan yang dimulakan oleh Bank Bumiputra dengan mengambilkan graduan diploma dari sudut kewangan, accountancy dan sebagainya. Maka hari ini adalah menjadi suatu perkara biasa apabila kita pergi ke bank-bank kita nampak kebanyakan orang Melayu bersedia menjadi pengurus, pegawai kredit dan sebagainya. Kalau dulunya sebelum 70-an kita rasa begitu janggal apabila melihat orang Melayu berada di posisi seperti pengurus dan sebagainya.

Jadi, saya rasa graduan ITMlah dengan kehendak dan iltizam dan keberanian kerajaan dalam matlamat untuk merapatkan hubungan antara kaum, maka dari sudut sektor ekonominya maka orang Melayu diberi tempat dan ITM merupakan satu mekanisme di dalam Malay struggle dengan izin, supaya perpaduan bangsa Malaysia dapat kita teruskan sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, graduan ITM hari ini berada bukan sahaja di pasaran biasa tetapi kita telah melahirkan ramai tokoh. Tokoh-tokoh ini sudah menjadi satu

tokoh nasional dan antarabangsa, dalam semua sektor. Di mana-mana pun kita pergi graduan ITM sudah berada di merata-rata termasuklah dari sektor korporat ini. Salah satu nama mungkin boleh saya sebut di sini ialah Tan Sri Salleh Sulong, Pengerusi DRB Hicom. Kemudian dari peringkat NGO, persatuan-persatuan nasional seperti Dewan Perniagaan Melayu dan Persatuan Kontraktor Melayu umpamanya, termasuk Persatuan Pengilang Bumiputera, sebagai contohnya Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Haji Roslan Awang Chik, boss saya. Saya kena sebut namanya, kalau tidak nanti balik dia kata, "You tidak sebut nama saya". Di Dewan Rakyat pun kita ada beberapa nama seperti saudara 'Ron' Yang Berhormat Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad salah seorang, termasuk juga daripada pembangkang, saudara Yang Berhormat Mohamed Nasir bin Che Daud daripada parti PAS dan di Dewan Negara ini ada beberapa mungkin termasuk juga saya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak lupa kepada pembimbing utama. Walaupun ini merupakan iltizam Barisan Nasional dan UMNO yang menunjangi kerajaan, kita tidak lupa kepada pembimbing utama, iaitu ....

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Yang Berhormat Datuk hendak soal sayakah atau hendak keluar? Okay.

Pembimbing iaitu Tan Sri Arshad Ayub - yang kebetulan saya memang di bawahnya ketika itu dan Allahyarham Datuk Lukman Musa dan Tan Sri Profesor Awang Had, sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan tadi dan sekarang ini, iaitu yang kebetulan ada juga di Dewan ini, iaitu Datuk Profesor Dr. Haji Ahmad Zaidi dan kita berharap pimpinan ini sebagai pembimbing kepada ITM akan terus menterjemahkan apa juga kehendak dan dasar sebuah parti politik yang mempunyai agenda Melayu dan bumiputera. Tetapi kita juga kena ingat bahawa perjuangan ITM dari dahulu terutama sekali apabila kita memasuki ITM sampai sekarang, saya rasa ada dua perkara besar yang dimasukkan dalam pemikiran pelajar-pelajar dan kita berharap ianya akan diteruskan, iaitu ke bumiputeraan dan keislaman.

Saya rasa ini menjadi agenda utama, teras kepada pelajar-pelajar ITM yang mana kita daripada '70an dahulu sehingga sekarang ini apabila bercakap masalah kebumiputeraan dan keislaman dan cuma bezanya pelajar-pelajar ketika saya dahulu, tahun '70 oleh kerana kita baru sahaja didedahkan oleh masalah-masalah pendidikan yang lebih formal kerana kita ini orang kampung ketika itu tidak seperti anak kita

sekarang ini kerana kita ini ramai ketika itu dipilih melalui satu prinsip supaya orang-orang Melayu yang rendah pun ketika itu dapat Gred 3 hendak habis pun, baru dapat masuk ITM dan mereka ini telah berjaya.

Saya terpaksa memberi satu contoh yang baik apabila ada peluangnya. Seorang rakan saya hanya satu sahaja lagi akan jatuh kepada Gred 4 dan ia dapat masuk ke ITM, kerana ia Gred 3 dan ia merupakan pelajar terpintar dan dapat gold medal pada tahun saya dahulu iaitu dan beliau sekarang sedang menjawat satu jawatan penting di Petronas, merupakan anak Melayu yang pertama, profesionalnya dalam bidang polymer science dan telah diterima oleh 'EPMI', Esso dan sebagainya terpaksa pulang kerana hendak berkhidmat dalam negara, terpaksa bekerja di Petronas. Saya tidak mahu umum nama kerana ada lagi tokoh-tokoh yang lain.

Maksud saya ialah apabila peluang yang telah disediakan oleh ITM khususnya oleh kerajaan ini, anak-anak Melayu yang dilihat sebagai papa kedana seketika dahulu, anak-anak penoreh getah, anak-anak yang tidak mengenal pun apakah erti pendidikan ketika itu kalau tidak kerana UMNO yang menunjangi kerajaan kerana iltizam pejuang-pejuang apatah lagi rasa terima kasih kita kepada penerusan perjuangan ini, maka saya berkeyakinan orang Melayu tidak akan berada seperti hari ini termasuklah rakan-rakan kita dalam pimpinan PAS, dalam KeADILan dan sebagainya. Ramai di antara mereka adalah graduan daripada ITM dan saya pada hari ini mengambil sedikit peluang untuk menyeru kepada rakan-rakan lain supaya menerima ini sebagai satu daripada natijah yang baik bahawa kita terlahir dengan sebegini rupa dan kita telah menjadi satu manusia yang sempurna adalah kerana perjuangan sebuah parti sama ada kita tidak sokong dan sokong tetapi sebagai satu kenyataannya ialah kita mesti ada di sudut hati kita rasa terima kasih dan syukur kita bahawa kita telah terlahir kerana melalui iltizam dan gerakan yang dibuatkan oleh sebuah parti Melayu yang dinamakan UMNO.

Saya kena politik sedikit Tuan Yang diPertua, kerana sekarang ini di kampus-kampus cawangan kadang-kadang pensyarah, saya masih ingat, di zaman '70an kalau di sekolah applied science (sains gunaan), kejuruteraan dan sebagainya, hanya ada lebih kurang 10%-15% pensyarah bumiputera, pensyarah Melayu ketika itu. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri pun boleh endorse. Tetapi melalui program, latihan walaupun tidak berapa tinggi pencapaiannya, maka dihantarkan pelajar-pelajar ITM untuk dijadikan pensyarah selepas graduan di Amerika, England

dan sebagainya di bawah Lecturer scheme some sort like that dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan sekarang ini boleh dikatakan lebih daripada 80% pensyarah ini terdiri daripada bumiputera dan mereka ini pula ialah berasalnya daripada graduan ITM. Tetapi mutakhir ini, saya oleh kerana ramai rakan-rakan saya menjadi pensyarah, mereka lemah dari segi pendekatan mereka, mungkin mereka sudah senang sekarang ini sudah berkahwin sesama pensyarah - ini bukan kata semua tetapi ada segelintir yang boleh kata orang itu, Kerana kerbau seekor terpalit.... - peribahasa itu saya lupa Tuan Yang di-Pertua, Kerana kerbau seekor terpalit semuanya - betul itu tak?

**Seorang Ahli:** .....

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Nampak mengantuk belaka, saya cubalah. Kita suka-suka sedikit.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada segelintir sekarang ini telah rasa mereka begitu senang dan lupa kepada bagaimana sejarah mereka dilahirkan. Jadi, saya mintalah pengurusan ITM, minta Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, minta rakan-rakan kita yang jadi pensyarah, kita muhasabah semulalah diri kita ini. Bagaimana kita dilahir dan terlahir sehingga kita menjadi lebih baik daripada ayah bonda kita sebelum ini. Mungkin anak kita sudah jadi kumpulan elit sekarang ini. Anak kita sudah naik motokar pergi belajar, mungkin kerana kita menjadi pensyarah dan mungkin isteri kita pun jadi seorang pensyarah dan kita lupa.

Saya hendak minta kalau tidak mahu pun menyokong kepada parti yang mendukung kerajaan hari ini pun berilah di sudut hati rasa sedikit terima kasih dan menjadi seorang pensyarah yang profesional dan neutral kedudukannya, kalau tidak mahu sokong pun. Saya berharap mereka ini terus akan memberi sokongan dan saya berkeyakinan dengan kepimpinan kementerian terutama sekali Yang Berhormat Menteri kita yang baru, yang memang pakar dan profesional dari sudut pendidikannya dan telah berpengalaman tinggi dan dibantu oleh seorang politikus yang baru ditimbulkan sebagai Timbalan Menteri Pendidikan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini zaman saya dialah menjadi wakil kepada kerajaan agaknya ketika itu dan ramai di antara pelajar-pelajar ITM rapat dengan beliau dan faham masalah citarasa kita dan kita sekarang ini pun berharap Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, pimpinan dan pengurusan ITM dapat membuat satu penyesuaian supaya semua pensyarah, kakitangan dan sebagainya. Sehingga Jaga yang jaga (guard) ini ada

empat, lima kampus saya pergi pun baru-baru ini sokong PAS, KeADILan - seorang, dua bukan ramai tetapi saya rasa geli sedikit. Saya bukan hendak kata PAS itu hebat tetapi saya rasa oleh kerana mungkin kita terlampau liberal, terlampau terbuka, kadang-kadang kita lupa kita seorang yang menterjemahkan dasar kerajaan. Jadi, saya mintalah kalau boleh pengurusan dapat memberi perhatian berat masalah ini.

Akhirnya - bukan akhir hendak bercakap ini, berkenaan dengan kakitangan ini kalau boleh disusun semula satu pendekatan baru, kalau boleh selepas Datuk Dr. Hj. Ahmad Zaidi ini, bukan kata sekarang, kalau dia hendak berhenti tidak lama, mungkin 5 tahun, 10 tahun akan datang, saya tidak tahulah. Saya berharap beliau akan dianugerahkan kesihatan yang baik, fikiran yang waras, yang mempunyai..., selepas ini kalau pengganti dan pengurusan ITM ini sudah sampai masanya produk ITM harus diketengahkan untuk menguruskan ITM. Saya rasa patut dilihat secara positif perkara-perkara ini.

Kemudian berkenaan budget tahunan, saya nampak dalam budget, saya rasa tidak mencukupi untuk kita menguruskan sebuah ITM yang begini besar dengan matlamat untuk jadikan mega universiti dengan mengadakan kursus yang begitu banyak dan sebagainya. Saya rasa Kerajaan Barisan Nasional telah berkorban begitu banyak, mengikut tahunan lebih kurang RM300 juta setahun, jadi sesuai dengan nama yang kita hendak ubah ini, mesti ada substancenya, substance salah satunya ialah masalah peruntukan.

Jadi, adalah wajar Menteri dan kepimpinan Kementerian Pendidikan bersama-sama dengan Kementerian Kewangan dapat bekerjasama kerana akhirnya kalau kita dapat majukan dan memberi injeksi kewangan yang lebih baik kepada pengurusan ITM UiTM, saya rasa sejarah institusi ITM sebagai sebuah institusi Melayu ini akan dapat kita ledakkan, akan kita bangunkan dan berkemungkinan UiTM ini akan menjadi sebuah universiti yang bukan sahaja akan menjadi sebuah universiti yang terkenal di negara kita tetapi akan menjadi sebuah universiti yang akan menjadi model kepada universiti-universiti lain di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ingatkan sekali lagi sebelum saya duduk ini, walaupun telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, walau apapun keadaan, walaupun kita telah bertukar menjadi universiti, saya berharap pelajar-pelajar yang dimasukkan dalam UiTM ini dapat diteruskan dengan membantu pelajar-pelajar



bumiputera tanpa prejudis kepada Akta 153, supaya UiTM akan dapat dikekalkan peranannya, akan dapat dikekalkan imejnya, dapat dikekalkan perjuangannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya atas nama peribadi juga, sekali lagi merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sanggup mengumumkan pada 26 Ogos 1999, baru-baru ini untuk menukarkan status ITM kepada universiti yang sekali gus ianya memberi kepada kita pada hari ini untuk meluluskan sebagaimana dicadangkan rang undang-undang oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Saya juga meminta kepada kerajaan supaya memberi keutamaan dari segi kakitangan mereka supaya pensyarah-pensyarah kita dan kakitangan-kakitangan ini bersesuaian dengan – tadi Yang Berhormat Menteri hanya sebut supaya faedah, gaji dan macam-macam seperti tidak kurang daripada apa yang ada. Tetapi sesuai dengan nama mestilah ada substance, dengan izin, di semua peringkat di dalam struktur pengurusan - UiTM itu sendiri.

Atas nama saya sebagai seorang daripada graduan ITM pada hari ini merasa bertuah dan kalau tidak kerana ITM siapalah saya, pada hari ini sekali lagi merakamkan terima kasih kepada kerajaan dan menyokong Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000. Semoga sejarah manis ini dapat kita lagendakan di masa-masa akan datang sebagai sejarah institusi Melayu yang terulung di rantau ini.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, saya turut menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Jamilah binti Ibrahim.

**3.54 ptg.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil kesempatan untuk memberi sedikit pandangan kepada Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000 [*Membaca sepotong hadis*] “*Tuntutlah ilmu dari dalam buaian hingga ke liang lahad.*”, Teras ketamadunan Islam berkembang melalui ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah di atas perlantikan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Canselor Universiti Teknologi MARA dan saya merakamkan juga tahniah kepada Tan Sri Dato' Seri Musa selaku Menteri Pendidikan baru, di mana baru sahaja kita dengar beliau di dalam ucapan, harapan, pembelaan bagi melahirkan remaja intelek di kampus UiTM.

Kenaikan taraf Institut Teknologi MARA kepada Universiti Teknologi MARA, satu pengiktirafan yang sememangnya ditunggu-tunggu oleh kita semua iaitu Universiti Teknologi MARA merupakan satu-satunya institusi yang unggul, yang telah memberi peluang kepada anak-anak bumiputera untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Dari awal penubuhannya sehingga kini ITM telah melahirkan graduan-graduan bumiputera yang berdaya maju dan berwibawa dalam karier masing-masing sama ada dalam sektor swasta mahupun dalam sektor awam.

Sebagaimana yang kita semua maklum fungsi asal penubuhan ITM adalah untuk membantu dan membimbing pelajar bumiputera terutama yang datang dari luar bandar bagi memperolehi peluang pendidikan yang sewajarnya. Harapan saya fungsi ini hendaklah dikekalkan walaupun ITM telah dinaikkan taraf sebagai universiti, ini bersesuaian dengan aspirasi penubuhannya oleh bekas pengarahnya Tan Sri Arshad Ayub. Beliau ingin melihat anak-anak bumiputera yang datang dari luar bandar turut sama-sama menikmati pendidikan di institusi pengajian tinggi negara walaupun mendapat Pangkat 3 dalam SPM ataupun mempunyai pencapaian yang rendah dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, UiTM bukan sahaja terkenal sebagai suatu institusi pengajian tinggi di Malaysia, malahan ianya juga terkenal di peringkat antarabangsa dengan adanya program berkembar dengan Universiti Indiana (IU) ataupun Universiti Ohio dan lain-lain universiti yang telah meningkatkan lagi mutu pengajian di institusi tersebut. Oleh yang demikian, sememangnya Universiti Teknologi MARA yang pada asalnya dikenali sebagai Institut Teknologi MARA layak dinaikkan taraf sebagai sebuah universiti. Di sini saya ingin mencadangkan supaya UiTM kelak akan menawarkan lebih banyak kursus di peringkat ijazah lanjutan setanding dengan IPTA yang lain, serta tidak mengabaikan kursus-kursus di peringkat sijil, diploma dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan pengiktirafan tersebut di mana Universiti Teknologi MARA telah melahirkan graduan-graduan yang berkaliber di tanah air, maka sewajarnya mutu pembelajaran perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, saya amat berharap UiTM dapat menambah dan mempertingkatkan bilangan program di peringkat siswazah bagi setiap bidang. Kita mahu melahirkan ahli-ahli profesional yang bukan sahaja berwibawa tetapi juga melahirkan dalam pelbagai bidang. Dengan adanya penambahan program di

peringkat siswazah sama ada Sarjana mahupun PhD, Doktor Falsafah, maka kualiti pembelajaran juga turut bertambah termasuk penyelidikan, pendidikan UiTM.

Diharapkan dengan adanya pelajar-pelajar siswazah ini, maka mutu dan bilangan penyelidikan juga akan bertambah. Bagi sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia banyak lagi bidang yang perlu diterokai yang memerlukan kepada usaha dan kesungguhan daripada semua pihak. Oleh itu, UiTM mestilah menggalakkan program-program yang bercorak penyelidikan, mengadakan program-program berbentuk kerja, kursus dengan menyediakan kewangan yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya UiTM bakal menjadi universiti mega yang pertama di Malaysia. Ini memandangkan kepada jumlah kemasukan graduan yang dianggar mencecah ke angka 100,000 kemasukan pada masa akan datang. Ini mungkin berlaku kerana UiTM mempunyai cawangan-cawangan di seluruh tanah air dan ditambah pula dengan mengadakan program francais di kolej-kolej bersekutunya.

Izinkan saya menyentuh tentang program francais yang dikendalikan oleh UiTM. Program francais yang terdapat di kolej bersekutu UiTM telah memberi peluang kedua kepada pelajar-pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPTA. Di samping memberi peluang kepada pelajar-pelajar ini, saya amat berharap UiTM tidak mengambil kesempatan ini mengaut keuntungan dalam mengenakan yuran francais yang tinggi kepada kolej-kolej berkenaan serta kos pengajian yang tinggi yang boleh membebankan para pelajar. UiTM juga perlu mengawal serta memantau mutu-mutu pengajian di kolej-kolej berkenaan.

Sepengetahuan saya, kebanyakan pensyarah-pensyarah kolej francais terdiri daripada lepasan ijazah sarjana muda, oleh yang demikian bersesuaian dengan peningkatan, pengiktirafan UiTM maka sewajarnya pensyarah-pensyarah kolej francais juga memerlukan mereka berkelulusan di peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan kenaikan taraf UiTM maka saya juga mengharapkan supaya mutu prasarana UiTM perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa sama ada di peringkat kampus induk mahu pun di peringkat cawangan. Prasarana yang dimaksudkan termasuklah perpustakaan, asrama, makmal, dewan

kuliah dan lain-lain lagi yang perlu bagi menjamin mutu dan kemudahan pembelajaran dan mutu kemudahan pembelajaran UiTM itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya membincangkan beberapa isu di atas – akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan untuk mengatur isu kebajikan kakitangan akademik UiTM. Tidak adil jika saya menyetepikan isu kebajikan kakitangan UiTM khususnya kakitangan akademik. Kakitangan akademik UiTM mestilah diberi peluang dan kemudahan yang sama seperti yang ada di universiti-universiti awam yang lain. Peluang dan kemudahan seperti skim gaji setaraf dan elaun tambahan mestilah diselaraskan mengikut skim yang sewajarnya. Begitu juga dengan prasarana yang lain seperti mengadakan bilik-bilik pensyarah yang lebih selesa serta kemudahan komputer iaitu sekurang-kurangnya setiap pensyarah akan dibekalkan dengan sebuah komputer peribadi untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan di UiTM itu sendiri.

Saya rasa setakat itulah sahaja pandangan saya dalam mengambil bahagian Rang undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000 dan saya mengalukan usaha ke arah menaikkan taraf ITM kepada UiTM dan saya turut menyokong. Terima kasih.

#### **4.06 petang.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga memohon izin untuk mengambil bahagian bagi menyokong Rang undang-undang Institut Teknologi MARA yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Universiti Teknologi MARA ini telahpun menjalankan tugas-tugas sebagai universiti sebelum ianya diumumkan oleh Perdana Menteri pada 26 Ogos 1999 lagi. Kalau kita tengok dari segi pencapaian yang telah dicapai oleh ITM dahulu sekalipun kita telah melihat sumbangannya terhadap keperluan negara yang begitu ketara sekali. Memanglah ianya merupakan satu kemuncak, *an apex*, mohon izin, kepada perjuangan kerajaan Barisan Nasional khususnya kepada orang-orang Melayu, bumiputera termasuk *natives*, kalau kita ikut orang-orang daripada Sabah dan Sarawak yang memerlukan sebuah institusi penyelamat.

Saya menganggap institusi Universiti Teknologi MARA ini sebagai institusi penyelamat, *the savior*, mohon izin, kerana pada awal-awal lagi mereka

telahpun mengambil kira pelajar-pelajar yang tidak – saya ingat Tuan Yang di-Pertua, ada masalah sikitlah dari segi ni, [*sambil memegang microphone*] kerana kita dapati bila kita berucap retak-retaknya terkena kepada ..... [*Disampuk*] Saya kena pindah sekejap.

Jadi, kemuncak pencapaian hasil perjuangan Kerajaan Barisan Nasional lebih-lebih lagi hasil perjuangan kakitangan-kakitangan ITM itu sendiri. Kalau dulunya RIDA, ditingkatkan kepada ITM dan kini sebagai Universiti Teknologi MARA, ianya sesungguhnya adalah manifestasi kegiatan dan usaha yang dijalankan oleh kakitangan-kakitangan ITM itu sendiri. Kerana tidak mungkin Universiti Teknologi MARA dapat wujud kalau sekiranya dari segi pencapaian akademiknya tidak melambangkan taraf keuniversitiannya. Kerana ianya telahpun mencapai ke tahap yang begitu tinggi maka menjadi pertukaran nama sahaja ITM menjadi Universiti Teknologi MARA walhal apa yang dibuat ialah perkara yang telah dibuat semasa ianya ITM lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya amat kagum dengan pencapaian yang dibuat oleh Universiti Teknologi MARA setakat ini kerana kita dapati sebenarnya peranan ITM dulu ialah menampung tenaga pekerja di bidang swasta terutama sekali dari segi bidang peniagaan, perusahaan dan perindustrian. Saya tengok dari segi kelulusan pencapaian mereka yang ditempatkan di dalam bidang swasta begitu tinggi sekali sehinggakan mereka ini, lulusan MARA, lulusan ITM mencapai ke tahap 63% daripada graduan-graduannya masuk ke bidang swasta. Dan, pengkajian dari segi kursus-kursus yang telah diberikan oleh ITM, graduan yang lulus daripada 142,511 kita dapati kebanyakannya adalah mempunyai pengkhususan di dalam bidang yang diperlukan oleh sektor swasta.

Perakaunan misalnya, 16.7% iaitu berjumlah 23,733 dan yang memeranjatkan sekali dalam bidang kejuruteraan pun UiTM memainkan peranan dan melahirkan 13.8% jurutera-jurutera di dalam bidang kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik dan kejuruteraan mekanikal. Begitulah juga dari segi peniagaan dan pengurusan yang terbanyak sekali 39,761 iaitu 27.9%. Dan, kita dapati kalau mengikut kajian susulan lulusan UiTM ketiga yang dibuat baru-baru ini, kita tengok dari segi mereka yang ditempatkan di dalam sektor swasta dan majikan-majikan lain, 82.4% mengatakan mereka amat memuaskan sekali, iaitu maknanya *satisfaction*, mohon izin. Majikan-majikan yang mengambil mereka yang lulus daripada Universiti Teknologi MARA

sekarang ini, begitu berbangga sekali dan berpuashati. Daripada survey yang dibuat, 82.4% puashati dengan mereka yang berkelulusan daripada Universiti Teknologi MARA.

Jadi, semuanya ini melambangkan ITM dulu dan Universiti Teknologi MARA sekarang telahpun memainkan peranan yang besar bagi menempatkan graduan-graduan ITM dan kini Universiti Teknologi MARA ke bidang swasta. ITM juga pada waktunya mendahului universiti-universiti swasta yang ada sekarang ini. Saya amat terperanjat mendengar dan melihat program berkembar, usahasama pengajian luar kampus, pendidikan jarak jauh, kolej bersekutu dan program pembelajaran *flexible* pun dijalankan oleh ITM sewaktu ianya ITM.

Dan, saya juga amat berbangga melihat bahawa ITM telahpun mempunyai program berkembar dengan 26 universiti, 11 di UK, 3 di Australia, 3 di US dan sehingga kepada Indonesia, Turki dan United Arab Emirate sekalipun, Jepun, Germany. Ini menunjukkan kewibawaan, kepimpinan ITM telah pun membawa prestasinya ke peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang sungguhpun Universiti Teknologi MARA mempunyai 188 kursus yang akan diadakan, saya hendak tahu dan ingin tahu, di mana fokusnya, di manakah kekuatannya atau 'forte' universiti ini. Kalau dahulu rekodnya telah pun mencerminkan bahawasanya ia kuat di dalam bidang perniagaan dan pengurusan, saya memohon kementerian menjadikan Universiti Teknologi MARA sebagai universiti ala Harvard. Jadikanlah ia Harvard Malaysia, graduate business school kita wujudkan supaya ITM atau Universiti Teknologi MARA merupakan benar-benar di peringkat antarabangsa pun terkenal melahirkan graduan-graduan yang mahir di dalam kegiatan-kegiatan perdagangan, perusahaan dan pengurusan kerana kekuatannya sudah pun terserlah dan perjuangan kita masih belum selesai

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati dengan pecahan-pecahan profesional di negara kita ini di mana saya quote, saya ambil daripada kajian, 1990 ke tahun 1998 saya amat bimbang kerana pecahan bumiputera, bukan bumiputera dari segi profesion akauntan, kalau tahun 1990 hanya 11% dan tahun 1998 kita hanya mencapai 15.2% sahaja. Proesion-profesion lain seperti arkitek, doktor gigi, doktor, doktor veterinar, juruukur, peguam semuanya telah pun sampai kepada tahap yang lebih tinggi, yang paling tinggi saya lihat di sini siswazah arkitek sampai 55.6%,

pelukis pelan pun kita ramai, jurutera pun sudah ramai –42%, doktor gigi sudah ramai, doktor pun sudah ramai, doktor binatang pun sudah ramai atau doktor veterinar tetapi akauntan tidak ramai.

Memanglah menjadi tugas ITM dahulu dan kini Universiti Teknologi MARA bagi melahirkan ramai lagi akauntan-akauntan supaya ianya meningkat lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang kerana inilah salah satu perjuangan ‘affirmative action’ yang kita buat dan kita tidak menjadi prerogative tentang adanya affirmative action menerusi ITM atau Universiti Teknologi MARA ini kerana ianya telah pun berjaya dari segi perjuangan kita semua.

Jadi, saya juga tertarik hati dengan apa yang berlaku baru-baru ini dan saya petik, di mana Yayasan Budiman, Universiti Teknologi MARA dahulu pernah saya sebutkan tempoh hari hanya dapat mengutip RM1.3 juta pada 21 April 2000 tetapi saya difahamkan jumlah terbaru, jumlah yang paling sah ialah mereka berjaya, Yayasan Budiman, Universiti Teknologi MARA yang memanggil ahli-ahli alumninya berjaya mengutip RM2.8 juta pernah saya katakan dalam Dewan yang mulia ini, minggu lepas, Harvard mempunyai RM14 bilion aset dari segi sumbangan daripada graduan-graduan mereka. Begitu juga Oxford dan Cambridge.

Jadi, kalau sekiranya seperti sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Rosli tadi menyatakan ia sebagai seorang alumni, seramai 142,000 lebih ahli-ahli alumni amatlah baik sekali kalau mereka ini mengikuti dengan tepat apa yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita semasa berada di Malam Yayasan Budiman itu, katanya: *“Perasaan terhutang budi amatlah penting dalam masyarakat kita, kalau kita lupa mengenainya, maka masyarakat kita akan jadi masyarakat yang tidak ada hubungan antara satu sama lain, antara yang lama dan yang baru.”*

Jadi, saya mengucapkan tahniah kerana Yayasan Budiman mencetuskan pendekatan untuk hendak melibatkan ahli-ahli alumni supaya mereka menyumbang kembali kepada institusi penyelamat (saviour) Universiti Teknologi MARA ini untuk menentukan generasi di belakang mereka ataupun di depan ini dapat terus kesinambungan perjuangan yang amat gigih itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya Universiti Teknologi MARA selain daripada menjadi Harvard Malaysia supaya ianya juga bila kita sebut Harvard Malaysia ada kaitan yang rapat dengan industri-industri di sekitar

kawasan Alam Shah dan juga di sekitar kawasan kampus-kampus yang lain supaya industri-industri ini ada hubungan rapat bukan sahaja dari segi penyumbangan tetapi dari segi pertukaran, dari segi management trainee programme, misalnya, supaya pelajar-pelajar Universiti Teknologi MARA sewaktu cuti yang panjang boleh ditempatkan di kawasan-kawasan industri yang berdekatan dan juga industri-industri yang lain untuk mendapat dan menimba pengalaman kerana pengalaman dan pendedahan selain daripada teori yang dapat daripada universiti, gabungan itu akan menjadikan mereka yang lebih berguna di dalam pasaran tenaga manusia terutama sekali di bidang swasta.

Saya diberitahu selain daripada kepuasan yang diberi oleh majikan, saya diberitahu ramai majikan yang mengatakan graduan-graduan ITM dahulunya dan sekarang Universiti Teknologi MARA berbeza sedikit daripada graduan-graduan Universiti Kebangsaan Malaysia misalnya yang kita tubuhkan. Mereka didapati mempunyai daya saing dan jati diri lebih, saya tidak tahu apa formula rahsia yang digunakan oleh ITM tetapi jelas sekali tinjauan kepuasan dari segi majikan itu tadi, berasaskan kepada jati diri graduan-graduan itu sendiri, mungkin mereka boleh berinteraksi dengan baik atau mungkin mereka boleh, saya tidak tahu, mungkin bahasa Inggerisnya lebih baik daripada bahasa Inggeris graduan-graduan di tempat lain, saya tidak tahu. Jadi saya hendak tahu apakah dia formula, kerana kini ITM ataupun Universiti Teknologi MARA sekarang di bawah Kementerian Pendidikan semoga IPTA yang lain, yang sebelas buah lagi itu boleh mengikuti cara-cara untuk melahirkan graduan-graduan yang confident, yang mempunyai jati diri, yang mempunyai daya saing, yang boleh survive dalam bidang apa sekalipun terutama sekali di dalam bidang swasta. Jadi, formula ini sepatutnya kita gabungkan bersama.

Saya juga ingin mencadangkan supaya Universiti Teknologi MARA yang mempunyai banyak kampus di cawangan-cawangan seperti di Terengganu dan merata tempat juga ada menggunakan institusi ini sebagai seperti yang saya sebutkan dahulu mencari ilmu seumur hidup. Dalam jangka waktu cuti panjang, saya minta Universiti Teknologi MARA kerana kampusnya bertaburan di seluruh pelosok negara membuatkan program kursus-kursus pendek di dalam kampus-kampus di seluruh negara ini dan diedarkan kepada kerajaan, kepada majikan-majikan lain supaya mereka dapat memasukkan dari segi agenda percutian mereka bersama dengan agenda program penimbaan ilmu Universiti Teknologi MARA.



Tuan Yang di-Pertua, ini seperti yang saya nyatakan dahulu, dibuat oleh semua universiti di UK. Kalau kita pergi di waktu musim panas di United Kingdom, ia ada buku setebal ini menunjukkan segala bidang kursus-kursus yang boleh diikuti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri mengikuti salah satu kursus-kursus iaitu kursus tukang kayu, banyak kursus-kursus yang seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kira 'summer courses' di London.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ya, summer courses, Tuan Yang di-Pertua, buku setebal ini. Jadi saya menganggarkan kita juga ada cuti panjang antara semester dengan semester, pada cuti yang terpanjang dalam dua, tiga bulan itu. Jadi, kita memaksimumkan penggunaan institusi-institusi ini, tenaga pengajarnya, mungkin tenaga pengajar daripada luar pun boleh diambil, tetapi yang lebih penting infrastruktur prasarana yang ada, bangunan yang begitu luas, yang begitu besar, tetapi tidak diisi, kosong sahaja di waktu musim percutian panjang.

Jadi, sejajar dengan mencari ilmu seumur hidup kalau kita wujudkan kursus-kursus seperti ini dan sejajar pula dengan keekonomi (knowledge economy) yang kita hendak buat selain daripada production economy, jadi semuanya ini dapat meningkatkan tahap keilmuan anak bangsa di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ini dapat dibuat dan pernah dibuat oleh ITM dahulu, saya yakin Universiti Teknologi MARA akan merupakan sebuah universiti yang terunggul di negara kita ini sebagai sebuah universiti yang sebenarnya mengikuti perjuangan Kerajaan Barisan Nasional yang dapat memberi faedah bukan sahaja kepada rakyat jelata di negara kita bahkan di Sabah dan Sarawak.

Saya menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

**4.20 ptg.**

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak berhasrat berucap dengan.....pembesar suara rosak. *[Beralih ke pembesar suara di sebelah]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak berhasrat berucap dengan panjang lebar, cuma saya ingin menyentuh atas satu, dua perkara sahaja.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas pembentangan rang undang-undang, suatu akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976. Inilah kali kedua saya mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Akta ITM. Pada tahun 1996 Akta ITM (Pindaan)

telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini ...*[Berpindah lagi ke pembesar suara di sebelah]*... pindah sekali lagi....dan pindaan telah pun dibahas dan dilulus oleh Dewan yang mulia ini. Akta itu membenarkan ITM menawarkan kursus-kursus berperingkat ijazah iaitu Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran tetapi akta ini menukarkan nama daripada ITM kepada UiTM – berbeza daripada Universiti Teknologi Malaysia.

Semenjak UiTM ditubuhkan pada beberapa dekad yang lalu sebagai satu institusi pendidikan, memberi latihan dan pendidikan dalam bidang perusahaan dan perniagaan kepada penuntut-penuntut bumiputera khususnya daripada kawasan luar bandar untuk menyediakan mereka menceburkan diri dalam bidang-bidang tersebut. Pencapaian ITM dalam empat dekad yang lalu, institusi itu telah mencapai misi dan visinya sebagai satu institusi teknologi terkemuka di negara ini. Misi ITM ialah membangun generasi bumiputera supaya menjadi profesional, berilmu, berinovasi, berdaya saing, bertakwa dan mampu menerajui pembangunan dan saya ingat ini telah dicapai.

Bukan sahaja ITM telah mencapai objektif sosialnya tetapi juga objektif politik melalui pemberian satu cara yang penting untuk mobility social di kalangan penuntut-penuntut bumiputera. Sebenarnya ITM telah menjadi satu projek social engineering oleh kerajaan dan projek itu telah berjaya. Sejarah ITM adalah satu sejarah kejayaan ataupun it is a success story, dengan izin, dalam bidang pendidikan. Daripada satu institusi teknologi yang kecil yang diletakkan di Petaling Jaya Lama, pada masa sekarang ITM mempunyai satu kampus yang tetap di Shah Alam dan beberapa kampus di seluruh negara dengan enrolment hampir 70,000 penuntut pada masa sekarang. Beribu-ribu belia bumiputera telah mendapat latihan dan pendidikan tinggi daripada ITM dan mereka telah dan sedang memainkan peranan dalam bidang bukan sahaja dalam bidang ekonomi, sosial dan sebagainya tetapi juga dalam bidang politik seperti yang telah disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli ada beberapa ahli politik yang terkemuka seperti Datuk Ibrahim Ali yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang dahulu. ITM juga sedang memainkan peranan yang penting untuk mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat bumiputera.

Di sini saya juga ingin memuji sumbangan yang diberi oleh bekas pengarah-pengarah dan rektor iaitu kawan saya Yang Berbahagia Tan Sri Arshad Ayob, Yang

Berbahagia Tan Sri Awang Had Salleh dan sebagainya. Pada masa kini ITM diberi kepimpinan yang berkesan oleh Yang Berbahagia Dr. Ir. Haji Ahmad Zaidi. Dengan meluluskan rang undang-undang ini, ITM akan menjadi satu universiti yang menawarkan kursus-kursus di peringkat ijazah. Sebagai satu universiti, UiTM telah pun menjalankan beberapa pendidikan yang diperlukan oleh ekonomi negara sekarang ialah the knowledge economy.

Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi, saya pun impress oleh UiTM, saya pun telah membaca daripada *Utusan Malaysia* bahawa UiTM telah 'sapu bersih'. Saya tidak tahu perkataan yang baik – sapu bersih hadiah pertandingan. “UiTM sekali lagi membuktikan keunggulannya dalam bidang reka bentuk industri apabila menyapu bersih ketiga-tiga hadiah yang ditawarkan dalam pertandingan reka bentuk Ford ala baru.” Ini menunjukkan taraf yang telah dicapai oleh UiTM.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya minta ialah sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai Fasal 17(3)(a) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak terpakai bagi universiti. Apakah rasionalnya mengecualikan IPTA ini daripada akta ini?

Yang kedua, UiTM telah menjadi sebagai satu IPTA setaraf dengan universiti-universiti awam. Saya juga ingin tahu, apakah polisi kemasukan kepada universiti ini. Saya ingin mencadangkan bahawa masa sudah tiba untuk menyemak semula polisi kemasukan UiTM ini supaya universiti yang terkemuka ini tidak bercanggah dengan polisi pengambilan penuntut yang ditentukan oleh kerajaan. Pada permulaan polisi terbuka boleh dikuatkuasakan untuk kursus-kursus yang ditawarkan oleh Pusat Pendidikan Jarak Jauh dalam jangka masa panjang beberapa kursus boleh dibuka kepada semua penuntut di negara kita.

Saya ingin mencadangkan polisi pengambilan terbuka ini kepada semua penuntut warganegara Malaysia adalah berdasarkan atas perpaduan negara dan keperluan knowledge economy di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institut Teknologi Mara.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Gapar.

**4.30 ptg.**

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang diPertua. Pertama saya melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. dan juga kita berterima kasih kepada kerajaan dan juga pihak ITM yang selepas ini akan dikenal sebagai UiTM yang telah dapat menjayakan misi wawasan untuk anak bangsa ini dengan tertubuhnya nanti Universiti Teknologi MARA. Saya ingin mengimbas kembali untuk sama-sama kita renungkan betapa perjuangan sebuah bangsa yang sudah 400 ratus tahun sebelumnya telah dijajah bergilir-ganti, kemudiannya berjaya mencapai kemerdekaan dengan perpaduan rakyatnya dengan political will yang ada memulakan satu kerja yang besar tetapi dengan langkah yang pertama.

Maksud saya ITM mengikut sejarahnya dimulakan dengan Dewan Latihan RIDA pada tahun 1956 dengan latihan bidang perusahaan dan perniagaan untuk anak-anak bumiputera. Seramai 25 orang mengikuti program London Chamber of Commerce (LCC) dan memulakan perusahaan secara kecil-kecilan, apa yang kita kenali sekarang ini industri kecil. Kemudian daripada situ, bila semaraknya api kemerdekaan, pada tahun 1965 berkumpul para cendekiawan Melayu melihat masa depan anak bangsanya dan negaranya dalam satu cetusan resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera, sesuatu mesti dibuat untuk menaikkan taraf pendidikan anak-anak bangsa yang rata-rata berada di kampung-kampung dalam suasana ekonomi yang begitu rendah, peluang belajar yang begitu kecil, dengan keupayaan keluarga atau ibu bapa yang begitu terhad.

Daripada semangat resolusi ini lahirlah Maktab MARA pada tahun 1965. Pelajar-pelajarnya bertambah dan satu sejarah disebutkan bahawa bangunan tambahannya pun disewa pada ketika itu. Itulah kemampuan, tetapi political will kita tidak menjadikan ini satu hambatan yang boleh merintang kemahuan kita untuk memajukan anak bangsa. Dan hari demi hari dua tahun selepas itu, pada tahun 1967 Allahyarham Tun Abdul Razak telah meletakkan batu asas di tapak kampus tetapnya yang sekarang ini berada di Shah Alam di sebidang tanah seluas 400 ekar. Serentak dengan itu Maktab MARA bertukar nama kepada Institut Teknologi MARA (ITM). Dan 1976, ITM diletakkan di bawah bidang kuasa kementerian pendidikan. Kalau tadi kita menyebutkan bermula daripada 25 orang pelajar sahaja yang kita katakan langkah pertama kini dikatakan ITM telah pun mempunyai lebih 60,000 orang pelajar di kampus-kampus induk dan kampus-kampus cawangannya.

Hasrat rakyat yang dipikul oleh para pemimpin yang bertanggungjawab terhadap anak bangsanya diterjemahkan pula oleh golongan pentadbir ITM ini dengan begitu baik sekali setapak demi setapak seperti mana yang kita lihat tadi dengan penuh kesabaran. Tetapi dengan semangat yang kental hari ini alhamdulillah, daripada sebuah institut bertukarlah sudah, dimartabatkan menjadi sebuah universiti yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri kita pada 26 Ogos 1999 yang lalu. Sesungguhnya, Universiti Teknologi MARA juga memikul tanggungjawab mengendalikan satu proses pendidikan ke arah pembinaan dan pengukuhan sebuah peradaban sama ada secara ketara ataupun tidak. Sebenarnya, ini sudah pun terjemah. Mungkin dengan tertubuhnya Universiti Teknologi MARA ini bermakna masuklah satu alaf yang baru bagi universiti ini berdepan dengan masalah-masalah yang ada depan kita. Kita selalu menyebutkan bahawa dunia pekerjaan semakin canggih dan kompleks, kita perlu meningkatkan daya saing. UiTM perlu tangkas dan dinamik, kurikulumnya dan bidang-bidang kajiannya perlu di up-grade dan sentiasa bersama-sama dalam arus perdana pembangunan negara.

Kita menyebutkan begini kerana baru-baru ini kita dikejutkan dengan masalah 39,000 graduan menganggur. Marilah sama-sama kita mencari sebab musabab dan jalan keluar kepada kebuntuan ini agar peristiwa ini tidak berulang kembali. Usaha untuk mengangkat martabat bangsa dalam arus globalisasi dan liberalisasi ini kita berharap warga UiTM boleh sama-sama bangga dan kita turut gembira. Percayalah ianya datang daripada rakyat bawahan, dari kampung sudah pun mengiktiraf sebagai mana kita dengar Senator Tuan Haji Rosli menyebutkan bahawa UiTM sudah pun sebaris, kalau tidak melebihi daripada universiti-universiti lain UM, UKM, UTM, UPM dan sebagainya. Pertukaran nama ITM kepada UiTM adalah satu tanda pengiktirafan kerajaan dan juga rakyat terhadap penerusan proses evolusi dan perkembangan institut untuk menempah nama yang lebih gemilang untuk bangsa Melayu dan juga anak Sabah dan Sarawak di masa yang akan datang. Kita ingin jelaskan bahawa sesungguhnya tenaga tuan-tuan yang mengendalikan UiTM ini masih lagi diperlukan Kalau dengan ringkasnya PM menyebutkan, "*perjuangan kita belum selesai.*" Mungkin inilah mula satu perjuangan baru.

Saya hendak menarik perhatian bagaimana satu statistik yang profesion yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara terhadap status profesion bumiputera dengan bukan bumiputera ini. Saya ambil contoh beberapa antaranya;

**Perangkaan Status Profesion 1998**

<b>Jawatan</b>	<b>Bumiputera (%)</b>	<b>Bukan Bumiputera (%)</b>
Arkitek	28.7	71.3
Akauntan	15.2	84.8
Jurutera	42.1	57.9
Doktor	35.8	64.2
Peguam	30	69.1

Perangkaan ini kita bawa bukanlah kerana perasaaan prejudis kepada rakan-rakan kita yang lain tetapi sekadar melihat bahawa UiTM sudah kena peranan dan tempatnya untuk memikul tugas dan tanggungjawab untuk sama-sama kita makmurkan bumi Allah ini dan juga sekali gus menyatupadukan rakyat berbilang bangsa, supaya apa yang disebut selalu k-ekonomi ini sama-sama kita kecapai. Dengan ini juga bermakna UiTM adalah sama-sama kena mewujudkan keadilan sosial terhadap rakyat melalui pendemokrasian pendidikan ini.

Kita juga berharap, kalau kita sebut tadi graduan menganggur dapat ITM melahirkan graduan-graduan yang bersetaraf, yang boleh berdikari yang tidak hanya mengharap makan gaji. Pendek kata ke mana pun dia dicampakkan akan menjadi, kalau ilmunya dapat diterjemahkan dengan baik. Saya teringat dengan rakan saya memberitahu bahawa dalam konteks ini ada sebuah pepatah China menyebutkan bahawa ‘Berilah pancing untuk orang menangkap ikan dan jangan beri ikan untuk dia makan’, kerana dengan pancing itu untuk dia akan dapat meneruskan kehidupannya. Di sebaliknya kalau kita beri dia ikan habislah segala-galanya dan terus menadah tangan untuk meminta-minta.

Oleh itu pepatah ini cukup relevan dalam konteks ini supaya kita berharap anak-anak muda kita lulusan daripada UiTM khususnya akan menjadi satu bangsa yang berwibawa yang boleh berdikari walau dalam apa bidang sekalipun, walau bagaimana terhimpit sekali pun, kalau kita lihat, kita bangsa Melayu pada satu ketika dahulu begitu rendah dan dihinakan, cuba lihat hari ini.

Oleh itu tidak ada sebab mengapa ini tidak boleh kita buat, mungkin kita telah dimanjakan, kita telah dibuai, kita telah berada dalam keadaan yang cukup selesa, maka kita lupa daratan. Ini adalah anak-anak kita yang perlu kita bangkitkan dan saya rasa ini tugas dan tanggungjawab berat bagi rakan-rakan pimpinan UiTM nanti.

Saya juga berharap supaya bidang-bidang seperti sains angkasa dibuka sebab kita tahu bahawa sekarang ini angkasa raya kita sudah ada pelbagai, multimedia, bukan itu sahaja, apa yang lebih menggerunkan kita perang sekarang sudah juga melalui angkasa raya. Jadi, mungkin kalau kita kata tadi dari segi langkah pertama, kita sudah pun ada langkah pertama dengan kehadiran planetarium kita. Kita berterima kasih kepada Datuk Dr. Mazlan yang cukup gigih dalam masalah planetarium negara ini dan ini adalah langkah awal kita untuk kita menerobosi seterusnya ke alam angkasa raya kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa banyak ringgit kita mengalir keluar, masalah ubat-ubatan kita. Ini ada hubung kaitnya dengan pemakanan kita, maka di sini saya ingin mengajak rakan-rakan daripada UiTM melihat dan membuat penyelidikan tentang ubat-ubat kampung kita, yang kita kenal sebagai ubatan herbal. Kita lihat ada satu dua perkara dari segi kampung ini telah diketengahkan dan berjaya seperti Tongkat Ali. Ianya mendapat sambutan yang begitu baik. Kita lihat di warong-warong kampung pun sudah ada teh tarik Tongkat Ali. Saya tidak tahu mungkin kena cari juga teh tarik Kacip Fatimah supaya ianya seimbang, kalau tidak marah orang sebelah.

Sebenarnya hutan-hutan tropika kita ini kaya dengan herbal ubatan. Saya dua tiga hari yang lepas diberitahu oleh rakan saya Datuk Long Jidin bahawa Orang-orang Asli kita sebenarnya banyak menyimpan rahsia-rahsia herba hutan ini. Perlu rasanya kita bersama-sama dengan mereka supaya dengan hasil ini dapat kita menjimatkan pengaliran wang kita melalui ubat-ubatan dari luar. Saya tidak tahu ada rakan saya daripada India mengatakan dia makan pil 'garlic' cukup berkesan, di Indonesia jamu sudah menjadi makanan tradisi yang cukup baik. Begitulah kita, bahawa pendek kata peninggalan nenek moyang kita ini banyak lagi rahsia-rahsia yang tersimpan di dalamnya.

Oleh itu kita lihat mereka ini panjang umur semuanya, insya-Allah, kita doakan dengan adanya usaha-usaha ini nanti, saya juga meminta supaya dari segi pemakanan, komoditi pemakanan kita ini kita lihat sebagai budaya tradisi kita. Pertama, makanan-makanan kita ini sebenarnya cukup enak, bahkan kalau benar-benar kita buat kajian kita bantu industri kecil dan sederhana di kampung, komoditi makanan kita boleh dieksport. Seperti ketupat yang sudah ada sekarang ini dan rendang. Kalau kita pergi ke luar negeri sukar untuk menda pat makanan-makanan

dalam tin dan sebagainya. Saya rasa di sinilah saya berharap terpenggilnya Universiti Teknologi MARA ini untuk sama membantu.

Saya juga berharap satu lagi masalah yang berada depan kita yang semua orang menyebutnya tetapi belum lagi dapat diambil apa-apa tindakan Iaitu kalau kita lihat bahawa tanah-tanah rizab Melayu yang berada di tengah-tengah bandar, kita lihat Kampung Bahru, di mana-mana sahaja bandar kita lihat ada perkampungan Melayu yang kelilingnya sudah pun dibangunkan bandar. Saya tidak tahu apa hendak jadi.

Sebenarnya kita perlukan kepakaran untuk membantu perkara ini. Walaupun kita tahu masalah tanah ini masalah negeri tetapi sebenarnya ia satu masalah yang cukup kompleks. Ini kerana orang kita mungkin dari segi masa depannya orang kita ini tidak dikejutkan dengan nilai tanah yang berada di kawasan emas ini. Orang tua-tua kita meninggal, tanah ini anak-anak juga tidak dibereskan dengan mengambil kuasa. Jadi tanah ini sudah tidak boleh digerakkan kerana kuasa itu tidak ada pada tangan anak-anak.

Saya berterima kasih dengan kawan-kawan daripada masyarakat Cina beritahu bahawa orang Cina sebelum, mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh betulkan saya, orang Cina sebelum apa-apa berlaku dia sudah selesaikan masalah-masalah perniagaan dia dan masalah tanah dia. Orang kita sampai tiga generasi masalah tanah tidak selesai satu. Oleh itulah kita lihat masalah tanah di tengah bandar ini masih lagi ada rumah kampung sedangkan keliling sudah membangun. Keduanya, kita dapati masalah tanah ini tidak dizonkan sebagai zon perniagaan. Siapa hendak buat ini, ianya masalah lot tanah kampung, tanah perumahan. Ini perlukan juga satu kepakaran.

Baru-baru ini satu masalah timbul di mana kita ajak kawan-kawan membangunkan tanah, tanah ini tidak boleh dijual kepada bukan bumiputera sebab dianya tanah rizab Melayu dan masalah harga, kita tidak boleh mendapat harga yang tinggi oleh kerana pasarannya terhad. Ini juga perlu difikirkan bagaimana kita dapat berkongsi dalam masalah ini supaya tanah-tanah ini dapat dibangunkan. Masalah penyelarasan projek dan sebagainya, saya kejutkan ini kerana kita tidak mahu, kita melihat ini, dan selepas ini anak dan cucu kita melihat ini sahaja dan sesuatu tidak dibuat masalah ini.



Apakah kita tidak mampu menyelesaikan, saya tidak fikir begini. Kita banyak masalah boleh diselesaikan sedangkan kegawatan ekonomi yang begitu kompleks yang ada hubung kait dengan antarabangsa kita mampu selesaikan. Tetapi kalau kita tidak tumpu dan menganalisa punca masalah ini, maka kita bimbang masalah ini akan terus berterusan.

Sebagaimana yang kita telah maklum, untuk makluman rakan-rakan pimpinan UiTM, ramai lagi anak-anak bangsa kita yang masih dahagakan pendidikan dan kita mintalah UiTM membuka sayapnya bukan sahaja melalui kampus tetapi juga kepada misalnya sudah ada pun Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) tetapi juga sekarang ini kita sudah ada komputer, kemudahan-kemudahan lain supaya pendidikan ini diluaskan supaya kita berharap orang-orang, rakan-rakan yang tidak mempunyai *the first chance*, dia mempunyai *the second chance*, peluang ini dihulurkan oleh UiTM, inilah harapan kita.

Akhirnya dengan doa dan komitmen tuan-tuan dan juga dengan *political will* yang, insya-Allah, kita akan teruskan kerana ini merupakan satu ibadah bukan sahaja terhadap bangsa Melayu, bangsa rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak merupakan satu ibadah kepada bangsa Malaysia kerana melahirkan masyarakat yang seimbang supaya kita dapat hidup aman dan harmoni.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor.

**4.52 ptg.**

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas laluan yang diberikan kepada saya dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri di atas pembentangan pindaan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976 dan sekarang rata-rata telah dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA. Firman Allah (s.w.t): [*membaca ayat Al-Quran*] yang bermaksud: “Allah akan mengangkat orang-orang yang beriman dan yang berilmu di kalangan kamu beberapa darjat”.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut berbangga dengan hasrat untuk menaik taraf ITM kepada taraf universiti seperti yang dihasratkan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah sama

kerajaan atau pihak universiti telah bersedia untuk menghadapi perubahan status ini dari aspek kemudahan dan kebajikan pelajar. Kelayakan pensyarah, penyediaan infrastruktur dan sebagainya agar ia setaraf dengan universiti-universiti yang lain, kita tidak mahu ITM hanya berubah dari segi nama tanpa perubahan yang lain akan berlaku. Apatah lagi keunikan ITM yang tersendiri iaitu ia mempunyai kampus cawangan hampir di setiap negeri dan kursus-kursus yang ditawarkan adalah lebih tertumpu kepada penyediaan tenaga kerja separuh mahir atau separuh profesional.

Oleh yang demikian, adalah wajar perhatian diberikan agar kenaikan status ITM ini juga akan memberi perubahan kepada aspek nisbah antara pelajar dan pensyarah sebagaimana di IPTA yang ada sekarang di Malaysia. Saya juga memohon penjelasan berkaitan nisbah antara pelajar dan pensyarah sekarang di ITM dan nisbah tersebut selepas ITM bertukar menjadi UiTM kerana kita dapati sekarang nisbah antara pelajar dan pensyarah telah menghalang para pensyarah untuk memberi penumpuan kepada aspek penyelidikan kerana mereka dibebani oleh waktu mengajar yang banyak. Sehubungan itu, sudah tiba masanya pihak pengurusan ITM memberi kelonggaran dan galakan kepada pensyarah untuk memperuntukkan masa bagi menjalankan kajian ataupun penyelidikan bagi mendapatkan penemuan baru untuk memperkembangkan lagi hasil penyelidikan yang dibuat. Oleh itu, sudah semestinya nanti ITM memerlukan kepada lebih ramai tenaga pengajar berkelulusan Ph.D atau sekurang-kurangnya di peringkat sarjana.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk memohon penjelasan berapa ramaikah pensyarah ITM yang memiliki Ph.D berdasarkan kampus cawangan yang ada di setiap negeri serta di kampus induk. Saya mencadangkan agar pensyarah yang berkelulusan Ph.D bukan ditumpukan di kampus induk di Shah Alam semata-mata tetapi juga perlu ditempatkan di kampus-kampus cawangan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jawapan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan sewaktu menggulung ucapan Titah Diraja pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam daripada enam masa kredit kepada tiga masa kredit adalah berdasarkan kajian yang terperinci dan selaras dengan IPTA yang lain. Sedangkan sebelum ini ITM sendiri telah memperuntukkan enam masa kredit iaitu dipelajari selama enam semester oleh semua pelajar di peringkat diploma.

Sukacita saya ingin mendapat penjelasan di sini sekiranya dalam aspek kurikulum tersebut ia perlu dilakukan perubahan tetapi kenapa dalam aspek peraturan

dan undang-undang yang dipraktikkan ia tidak selari dengan IPTA yang lain dan masih menggunakan peruntukan Akta ITM dan bukannya Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Saya berpendapat bukanlah sesuatu yang menjejaskan kredibiliti UiTM nanti sekiranya pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam dilaksanakan di setiap semester terutama sekali hampir 95% penghuni ITM terdiri daripada anak-anak Melayu atau bumiputera beragama Islam yang sewajarnya mereka di samping menerima pendidikan akademik yang lain, mereka juga diberi penekanan terhadap aspek akidah, tauhid dan sebagainya bagi memantapkan pengetahuan dan keimanan mereka dalam menghadapi cabaran globalisasi serta untuk membantu membentengkan diri dari terjerumus dengan gejala sosial yang semakin meningkat di kalangan anak muda sekarang ini.

Bercakap mengenai gejala sosial, di sini saya memohon penjelasan tentang bilangan pelajar yang telah diambil tindakan disiplin, jenis-jenis salah laku yang telah dibuat dan bentuk tindakan yang telah diambil setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa ITM selama ini adalah menjadi tempat atau tumpuan pelajar bumiputera kerana kelayakan masuk ke ITM adalah lebih rendah dibandingkan dengan IPTA yang lain yang memerlukan kelulusan SPM pangkat satu dengan agregat yang minimum seperti di bawah 15 untuk kursus-kursus yang tertentu. Oleh itu, adakah pihak UiTM nanti akan mengetatkan lagi syarat kelayakan masuk ke UiTM dengan mengambil pelajar yang cemerlang sahaja kerana kita bimbang pelajar-pelajar yang berpotensi sederhana tidak lagi berpeluang untuk turut sama belajar di UiTM sebagaimana sekarang.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya kursus-kursus yang ditawarkan di UiTM juga perlu mengambil kira pelajar yang berpotensi rendah agar peluang pendidikan untuk semua pelajar akan lebih terbuka luas dan sudah tiba masanya kursus-kursus yang menyediakan kepakaran dan kemahiran yang tertentu sama ada di peringkat sijil, diploma atau ijazah ditambah supaya UiTM menjadi universiti yang unggul yang mampu menyediakan pendidikan kepada semua peringkat lapisan pelajar sama ada berpotensi tinggi atau sederhana dan lemah.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, alhamdulillah peluang belajar di ITM terbuka luas juga kepada pelajar-pelajar yang kurang mampu kerana kos pengajian dan yuran-yuran yang lain adalah rendah dibandingkan dengan IPTA-IPTA yang lain.

Kita cukup bimbang sekiranya selepas bertaraf universiti, pihak pengurusan akan mengambil tindakan untuk menaikkan kos pengajian dan yuran-yuran yang lain dan ini seterusnya akan menjejaskan peluang pendidikan bagi mereka yang kurang mampu dari segi kewangan kerana sekarang didapati kursus-kursus yang dilaksanakan secara francais di kolej swasta seperti Pra-Sains dan sebagainya kosnya agak tinggi dan hanya mampu diambil oleh pelajar yang tertentu sahaja.

Di sini saya ingin mengambil peluang mendapat penjelasan berkaitan bilangan kolej swasta serta nama-nama kolej yang menjalani kursus francais ITM setakat ini. Oleh itu, saya amat mengharapkan agar yuran pengajian dan sebagainya tidak akan dinaikkan dan apakah jaminan kerajaan agar yuran-yuran tersebut dikekalkan dengan keadaan minimum seperti sekarang dan tidak akan membebankan pelajar pada masa akan datang kerana ia membantu membuka peluang pendidikan yang lebih luas kepada semua pelajar.

Di samping itu, saya juga mengharapkan agar kemudahan tempat tinggal dan makan tidak akan terganggu apabila ITM menjadi UiTM nanti kerana apalah hendak dibanggakan oleh kita semua sekiranya ITM bertaraf universiti, ia akan memberi bebanan kepada ibu bapa dan pelajar dengan kenaikan kos pengajian dan kos sara hidup sepanjang tempoh pengajian tersebut. Memandangkan kebanyakan IPTA telah dikorporatkan sekarang dan sedikit sebanyak turut memberi kesan kepada kos pengajian pelajar. Adakah pihak kerajaan atau ITM sendiri akan turut sama ke arah mengkorporatkan ini?

Saya amat mengharapkan agar UiTM nanti tidak akan dikorporatkan kerana pelbagai keluhan terutama daripada ibu bapa, penjaga pelajar mengeluh akan kesan atau hasil pengkorporatan ini terutama dari aspek kos. Walaupun jawapan yang sering kita terima adalah ke arah untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan dan pentadbiran IPTA berkenaan dan seterusnya memberi peluang kepada IPTA berperanan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum tentang hasrat kerajaan untuk memaksimumkan pengambilan pelajar kepada 20,000 orang di setiap IPTA. Sehubungan itu adalah ITM sekarang telah mencapai kadar tersebut dan sekiranya belum, adakah ITM yang akan bergelar UiTM nanti akan turut sama untuk mencapai matlamat tersebut kerana didapati keadaan infrastruktur termasuk asrama dan

bangunan kuliah yang ada juga perlu dinaikkan taraf dan ditambah agar keselesaan pelajar juga turut diberi perhatian.

Di sini saya memohon penjelasan berkaitan pelan pembangunan yang telah dirancang dan akan dilakukan di UiTM nanti. Termasuk dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini, saya mencadangkan agar pembangunan yang dirancang dan kemudahan prasarana yang akan diberikan tidak akan tertumpu kepada kampus induk sahaja tetapi juga kampus-kampus cawangan. Berkaitan dengan pembangunan ini, saya juga ingin mendapat penjelasan, negeri-negeri yang belum mempunyai cawangan ITM dan bilakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan cawangan UiTM di negeri-negeri tersebut? Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengharapkan ITM yang menjadi tonggak pendidikan kepada kaum bumiputera tidak akan berubah arah selepas ia bertukar kepada UiTM dan apakah jaminan yang boleh diberikan agar matlamat penubuhan asalnya itu tidak akan tergugat pada masa akan datang walaupun didesak oleh mana-mana pihak.

Kita amat berbangga dengan ITM selama ini kerana kejayaannya mendidik anak-anak kita semua. Sebahagian keluaran ITM telah mampu melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat Ph.D. Kita meletakkan harapan yang penuh agar matlamat asal penubuhan ITM semenjak tahun 1976 akan dipelihara sebaik-baik mungkin kerana ITM menjadi kebanggaan kita semua selama ini.

Sekian. Dengan itu, saya turut menyokong pindaan tersebut. Wallahu'alam.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdillah.

**5.07 ptg.**

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk memakan masa yang panjang dalam perbahasan ke atas rang undang-undang ini kerana banyak perkara yang penting dan bernas telah disebut, dibincang dan dibahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sebelum saya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kerana hendak mengucap tahniah kepada kerajaan kerana telah membuat keputusan untuk

mengiktirafkan ITM sebagai sebuah universiti dan seterusnya menamakannya sebagai Universiti Teknologi MARA.

Tuan Yang di-Pertua, segala kemajuan yang telah dicapai oleh ITM sehinggalah ianya kelak bergelar Universiti Teknologi MARA adalah kejayaan kepada kerajaan. Seperti mana yang kita maklum, Kerajaan Malaysia semenjak ia merdeka sehingga sekarang telah memberi keutamaan yang tinggi kepada pendidikan dan telah memberi peluang kepada semua rakyat yang berbilang bangsa untuk menimba ilmu dan pendidikan kerana dengan adanya pendidikan, rakyat kita telah dapat membangunkan negara ini. Yang menjadi istimewa pada saya dari segi tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dalam pendidikan ialah keyakinan dan keutamaan yang telah diberi dan hasrat kerajaan untuk membanyakkan peluang bagi bumiputera melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang tinggi. Seperti mana yang kita maklum, dalam masyarakat kita pada satu ketika, alhamdulillah sekarang sudah mula berubah. Jelas sekali wujudnya keadaan yang tidak seimbang ataupun keadaan yang pincang dalam pendidikan di antara bumiputera dan bukan bumiputera sehingga ianya mewujudkan satu jurang yang begitu besar dalam ekonomi di antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Menyedari hakikat inilah maka saya percaya kerajaan telah berusaha untuk membanyakkan peluang bagi bumiputera yang tidak bernasib baik terutama sekali mereka yang datang dari tempat-tempat di pedalaman atau kawasan luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan yang baik dalam pendidikan supaya mereka mendapat peluang, sama juga seperti penuntut-penuntut atau rakyat kita di bandar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat-peringkat yang tinggi.

Alhamdulillah, dengan satu *political will*, dengan izin, kerajaan telah dapat menubuhkan satu insitit yang bergelar Institut Teknologi MARA walaupun pada peringkat awalnya disebut sebagai Maktab MARA. Saya tidak ingin mengulang apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Haji Gapar yang membayangkan cerita dari awal yang mana saya bersetuju dengan beliau tetapi apa yang ingin saya ketengahkan di sini ialah hasrat kerajaan untuk memberi peluang kepada bumiputera dan keyakinan kerajaan dan juga pengurusan ITM bahawa bumiputera jikalau diberi peluang boleh mencapai sesuatu yang difikirkan pada satu ketika bumiputera tidak mampu membuatnya.

Seperti mana yang kita maklum dalam tahun 60-an anak-anak bumiputera selalunya kalau belajar di universiti pada ketika itu hanya sebuah universiti sahaja iaitu Universiti Malaya. Kebanyakannya menuntut dalam bidang sastera dan alhamdulillah, dengan wujudnya ITM peluang yang begitu banyak telah dapat dinikmati oleh anak-anak bumiputera bukan sahaja untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang tinggi dalam bidang-bidang yang lain seperti sastera dan teknikal bahkan juga dalam bidang kursus-kursus profesional seperti perakaunan, perundangan dan lain-lain lagi.

Jadi, dengan adanya ataupun dengan tertubuhnya ITM maka peluang untuk anak-anak bumiputera melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat tinggi telah menjadi cerah. Saya tidak ingin hendak bercerita kisah-kisah ataupun *success story*, dengan izin, penuntut-penuntut luar bandar yang mana apabila duduk peperiksaan Senior Cambridge pada waktu itu ataupun MCE kemudiannya tidak mendapat keputusan yang baik dan sukar bagi mereka hendak masuk ke Universiti Malaya ataupun Kolej Teknikal di Jalan Gurney waktu itu dan Kolej Pertanian Serdang waktu itu tetapi mereka dapat berpeluang untuk belajar di ITM dan sebahagian daripada mereka pada masa ini telah mencapai kejayaan yang begitu tinggi sehingga melanjutkan pelajaran mereka di peringkat Sarjana dan Ph.D. di luar negeri. Ini adalah satu kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan dan juga pengurusan ITM pada waktu itu kerana mempunyai keyakinan bahawa sekiranya diberi peluang, anak bumiputera juga mampu belajar dalam bidang yang difikirkan pada satu ketika dahulu anak bumiputera tidak mampu belajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah s.w.t kerana kemudahan pendidikan melalui ITM ini dapat juga dinikmati oleh kami di Sarawak dan dengan itu banyak bumiputera di Sarawak telah dapat melanjutkan pelajaran mereka di peringkat yang tinggi terutama sekali apabila kerajaan menubuhkan cawangan ITM di Kuching.

Cawangan ITM di Kuching pada masa ini sudah mempunyai satu kampus yang indah telah banyak mengeluarkan siswazah atau graduates, dengan izin, dalam bidang-bidang profesional dan juga dalam bidang-bidang teknikal dan ini adalah satu kejayaan kerajaan dan saya sebagai anak Sarawak ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi peluang yang begitu baik kepada anak bumiputera di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai apa yang telah disebutkan ataupun apa yang telah dibimbangkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sebelum ini iaitu mengenai pengangguran. Jumlah penuntut dari ITM ataupun UiTM ialah dianggarkan dalam lingkungan 74,000 manakala universiti-universiti lain juga mengeluarkan banyak graduates dan dikhuatiri kita akan mempunyai banyak graduates yang menganggur seperti apa yang kita bincang sekarang iaitu sejumlah 39,000 lulusan SPM dan graduates yang menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan supaya ITM memberi juga latihan kepada penuntut-penuntut ITM supaya dapat berdikari. Pada masa ini memang benar ITM mengadakan kursus keusahawanan sebagai satu mata pelajaran dalam kursus Diploma ITM tetapi saya berpendapat hanya memberi kursus mungkin tidak mencukupi. Penuntut-penuntut harus diberi latihan praktikal dan berada dalam suasana yang boleh menggalak mereka menjadi usahawan dan mungkin juga ITM boleh mengadakan sistem iaitu sistem *incubator*, dengan izin, di mana penuntut-penuntut yang berkebolehan boleh diberi bantuan untuk berkecimpung dalam perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Aziz iaitu supaya ITM juga boleh sama seperti Harvard di mana Harvard menggunakan alumninya. Jadi saya berpendapat memandangkan ITM mempunyai banyak graduan-graduannya maka mungkin usaha harus ditumpu ke arah menghidupkan alumni ITM supaya mereka akan dapat menubuhkan satu networking, dengan izin, untuk mereka mengusahakan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh sedikit tentang apa yang telah disebutkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat tadi mengenai kursus francais dari ITM. Kita berterima kasih kepada ITM kerana bukan sahaja ianya memberi peluang kepada bumiputera menuntut ilmu tetapi mereka juga memberi peluang kepada bumiputera yang berminat dalam ...

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hasssan:** Saya cuma hendak mengingatkan, minta laluan kepada Yang Berhormat, bukan hendak sekat tetapi saya nampak jam dekat 10 minit, kalau kita hendak gulung petang inilah. Kalau kita tak hendak gulung petang ini, itu lainlah. Terima kasih, minta maaf.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Pendek saja, pendek. Jadi pihak ITM juga telah memberi peluang kepada usahawan-usahawan kita yang berminat dalam



urusan pendidikan, maka dengan itu wujudlah sistem francais. Dan memang benarlah apabila ITM sudah berstatus universiti, tenaga pengajar dalam francais ini, institut yang mengambil francais ini mestilah mempunyai tenaga pengajar yang mempunyai ijazah Sarjana dan Ph.D.

Walaupun demikian, memandangkan institut francais ini dijalankan oleh IPTS bumiputera dan kelas-kelas francais inipun juga terhad kepada bumiputera, maka saya berharap pihak ITM akan dapat menyalurkan sejumlah penuntut yang belum mencukupi, yang economical kepada IPTS-IPTS yang mempunyai francais ini supaya IPTS-IPTS ini tidak akan mengalami kekurangan penuntut kerana jikalau penuntut tidak cukup manakala kos untuk mengurusnya dan membayar gaji pensyarah-pensyarah yang berkelulusan Ph.D. mungkin begitu tinggi maka perjalanan IPTS itu tidak akan menjadi economic.

Jadi, oleh yang demikian, sambil kita menyaran kepada ITM supaya menentukan institut ataupun IPTS francaisnya mempunyai pensyarah-pensyarah yang berkelulusan Sarjana dan Ph.D, kita juga menyaran supaya agihan penuntut itu untuk institut ini dipertimbangkan supaya ianya sampai ke tahap ekonomikal.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya berharap dengan wujudnya ITM menjadi sebuah universiti kelak semua kemudahan dan keistimewaan yang ada kepada ITM akan diteruskan dan janganlah ianya kelak kita terpaksa mengubah sistem yang ada, kemudahan yang ada, peluang yang ada dan keistimewaan yang ada itu supaya apa yang dinikmati oleh bumiputera sekarang ini akan dapat kita nikmati sehingga kita sampai kepada satu ketika kelak bumiputera sudah benar-benar dapat berdiri atas kaki sendiri.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.22 ptg.**

**Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Universiti Teknologi MARA 1976 ini dan saya merasa amat bangga dan terharu sekali atas sokongan yang diberikan oleh hampir semua Ahli-ahli Yang

Berhormat yang bangun terhadap pewujudan pindaan kepada akta ini supaya ditubuhkan Universiti Teknologi MARA.

Saya ingin menumpukan perhatian kepada hujah-hujah yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan cuba menjawabnya sebaik mungkin. Tidak mungkin saya rasa saya boleh menjawab semua soalan-soalan yang dibangkitkan dan ada juga beberapa perkara yang dibangkitkan itu bertindih di antara satu sama lain dan saya cuba menjawabnya sekali gus.

Saya menumpukan perhatian kepada komen Yang Berhormat Datuk Ghazi, beliau telah bertanya dan memberi sedikit teguran tentang soal berapa besar, sejauh mana UiTM ini akan menjadi sebuah universiti mega dan apakah bilangan optimanya, kata beliau. Kami merasakan dan saya rasa pentadbir-pentadbir di UiTM merasakan bahawa saiz itu dalam konteks sekarang tidaklah begitu penting malahan jikalau dilihat di universiti-universiti di luar negeri dan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Germany dan sebagainya, kita mendapati universiti-universiti yang mempunyai bilangan pelajar hingga 200,000 pelajar.

UiTM dalam menangani jumlah pelajar 75,000 orang sekarang ini menggunakan pendekatan pembinaan kampus cawangan dan juga pendekatan teknologi dalam menentukan sistem pentadbirannya itu sentiasa baik dan dapat mengawasi dan mengawal mutu pendidikan di universiti itu dan saya rasa walaupun saiznya nanti akan meningkat hingga 100,000, UiTM masih mampu mengendalikan pendidikan di UiTM.

Yang Berhormat Datuk Ghazi juga membangkitkan tentang kuasa akademik yang begitu luas sehingga terdapat banyak kursus yang ditawarkan dan beliau telah mencadangkan supaya UiTM menumpukan perhatian kepada pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu dan saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik dan saya menggesa rakan-rakan saya di UiTM supaya mengkajinya sebaik mungkin supaya kursus-kursus yang ditawarnya benar-benar menepati kehendak semasa dan kehendak masa hadapan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal UiTM memberikan pendidikan jangka panjang ataupun seumur hidup kepada pelajar-pelajar yang sudah berumur, kepada orang-orang dewasa. Sebenarnya UiTM sekarang ini pun sedang mengendalikan beberapa kursus melalui program ataupun melalui pusat yang dipanggil MEDEC di UiTM, iaitu Malaysian Entrepreneurship Development Centre

dan pusat ini telah menjalankan beberapa kursus untuk warganegara Malaysia yang sudah dewasa dan bekerja, juga melalui program-program PJJnya UiTM juga memberi peluang kepada warganegara yang sudah dewasa untuk mendapatkan pengajian di UiTM. Saya rasa cadangan untuk membuka kursus-kursus semasa cuti panjang itu akan diekori, akan kita pertimbangkan untuk dilaksanakan oleh UiTM jikalau ada infrastruktur dan juga kakitangan yang cukup untuk mengerjakan kursus-kursus itu.

Saya ingin menumpukan pula kepada komen daripada Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin, terima kasih kerana menyokong cadangan UiTM untuk mengubahsuai kursus Pendidikan Islamnya dan terima kasih juga kerana Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin telah dapat menempatkan soal itu dalam konteks yang betul dan tidak dalam konteks yang penuh dengan emosi dalam perkara ini. Saya ingin menegaskan bahawa walaupun ada pengurangan dalam Pendidikan Pengajian Islam yang dilakukan itu, pengurangan itu tidak menjejaskan content Pengajian Islam itu dan masih lagi penekanan dibuat kepada content walaupun jangka masa pengajaran itu dipendekkan.

Juga, seorang Ahli Yang Berhormat, saya rasa Datuk Zainudin Maidin juga yang telah membangkitkan keperluan untuk menghubungkan pendidikan di UiTM dengan industri. Ini adalah satu cadangan yang baik, sememangnya telah pun berlaku. Keperluan-keperluan latihan amali yang dijalankan oleh pelajar-pelajar memang melibatkan beberapa industri tempatan dan UiTM menganggap bahawa latihan amali seperti ini adalah satu perkara yang penting dilakukan di UiTM bagi menentukan pelajar-pelajar itu sebenarnya mendapat 'hence-on' experience yang penting.

Kerajaan juga memang prihatin kepada peruntukan penyenggaraan terutama bagi IPT yang telah lama ditubuhkan seperti UiTM dan justeru itu kerajaan telah memberi peruntukan-peruntukan khas kepada UiTM tiap-tiap tahun sebagai *one off expenditure* untuk penyenggaraan tahun demi tahun bagi membaikinya dan perkara ini akan terus dilakukan. Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, saya fikir jawapan masih panjang lagi?

**Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh sambung pada sesi yang lain.

**Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab masa sudah cukup, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin minggu hadapan, iaitu pada 8 Mei 2000.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*

LAMPIRAN

4 Mei 2000

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,  
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,  
Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)

- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Ja ya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara:**

Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha:**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha:**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH****PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA**

---

<b>Jilid II</b>	<b>Bil. 11</b>	<b>Khamis</b>	<b>4 Mei 2000</b>
-----------------	----------------	---------------	-------------------

---

**K A N D U N G A N****USUL Y.A.B. PERDANA MENTERI**

- Perlantikan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara (Halaman 1)

**MENGANGKAT SUMPAH**

(Halaman 1)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Ucapan Tahniah Atas Perlantikan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**(Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2000 (Halaman 26)

Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000 (Halaman 61)



